

Cerita-Cerita Jataka

Oleh Ven.Piyasilo

KANDUNGAN

1. TEMIYA YANG PEKAK DAN BISU	1
2. MAHA JANAKA SEORANG SAMI	4
3. SAMA ANAK YANG BERTANGGUNG JAWAB	8
4. NIMI, KESAYANGAN DEWA-DEWA	12
5. MAHOSADHA YANG PINTAR	15
6. BHURIDATTA. SEEKOR NAGA	38
7. CANDA KUMARA	48
8. BRAHMA NARADA	51
9. VIDHURA YANG BIJAK	46
10. VESSANTARA YANG MURAH HATI	50

BAB 1

TEMIYA YANG PEKAK DAN BISU

Mengapa Temiya Tidak Bercakap

Pada zaman dahulu, ada seorang raja yang memerintah kerajaan Kasi di India. Baginda sangat kaya serta mempunyai beberapa orang isteri, tetapi tidak mempunyai anak. Pada suatu hari, raja memerintahkan permaisuri-permaisuri baginda berdoa supaya dikurniakan anak. Tetapi walaupun mereka sudah menyembah bulan dan dewa-dewa yang lain, mereka masih tidak mendapat anak. Permaisuri pertama baginda yang bernama Canda Devi merupakan seorang yang sangat mulia. Pada hari bulan purnama, Canda Devi mematuhi 'Lapan Sila' dan berkata kepada dirinya, "Beta tidak pernah melanggar “*Sila-Sila*”, semoga dengan kebajikan ini, beta dikurniakan seorang putera."

Permaisuri Canda Devi adalah seorang perempuan yang alim. Apabila baginda mengeluarkan kata-kata tadi, takhta Raja Sakka di kayangan iaitu raja .kepada dewa-dewi menjadi panas. Biasanya apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan yang sangat baik, takhta Raja Sakka akan menjadi panas. Raja Sakka memenuhi permintaan Canda Devi dengan menghantar turun salah satu daripada malaikat-malaikat untuk menjadi puteranya. Anak ini tidaklah lain melainkan Bodhisatta kita. Raja Sakka juga menghantar lima ratus lagi malaikat melalui isteri-isteri orang bangsawan supaya mereka menjadi pelayan kepada Bodhisatta nanti.

Apabila Canda Devi melahirkan seorang putera, raja sungguh gembira. Pada ketika yang sama, lima ratus isteri orang-orang bangsawan tadi melahirkan anak yang akan membesar bersama-sama dan menjadi pembantu Bodhisatta. Bodhisatta diberi susu manis oleh empat puluh empat orang pengasuh yang cantik-cantik. Selepas menyerahkan pengasuh-pengasuh Bodhisatta kepada permaisuri, raja memberitahu permaisuri, baginda akan menunaikan apa saja permintaan permaisuri. Walau bagaimanapun, permaisuri belum lagi hendak meminta sesuatu, tetapi hanya menyimpan hasratnya di dalam hati.

Pada hari penamaan puteranya, raja mengundang beberapa orang sami (pendeta Brahmin) ke istana. Para Brahmin itu mengatakan putera raja mempunyai semua tanda yang baik. Raja menamakan putera itu Putera Temiya; yang bermaksud "putera yang basah" kerana pada hari kelahirannya hujan telah turun di seluruh Kasi.

Semasa berumur baru satu bulan, Temiya telah dipakai dengan pakaian yang cantik-cantik dan dibawa ke hadapan orang ramai. Dia dibawa naik ke singgahsana dewan orang ramai dan duduk di lutut ayahandanya. Ramai pembesar istana yang meminati kecantikannya. Ketika itu empat orang penyamun dibawa masuk untuk diadili oleh raja. Temiya melihat ayahandanya menghukum salah seorang daripada mereka dengan menyebat seribu kali dengan tali yang berduri, yang seorang lagi dirantai, manakala yang ketiga dibunuh dengan lembing dan yang keempat pula disula dengan kayu yang panjang.

Bodhisatta sungguh gerun dengan perbuatan ayahandanya, lalu berfikir, "Ya, selaku raja, ayahanda terpaksa melakukan kekejaman semua ini yang akan membawanya ke neraka!" Pada keesokan harinya, apabila Temiya bangun, dia memandang ke atas payung diraja yang berwarna putih, dan mula berfikir bagaimana keadaannya apabila menjadi seorang raja nanti. Fikiran ini sungguh menakutkannya. Dia teringat pada suatu masa dalam kelahirannya yang lampau, dia telah menjadi seorang raja selama dua puluh tahun. Akibat daripada kekejamannya, dia terpaksa menderita selama lapan puluh ribu tahun di dalam neraka.

Apabila Temiya memikirkan bahawa dia akan menjadi raja sekali lagi, dan akan menderita lagi di dalam neraka, dia menjadi takut. Badannya yang berwarna keemasan itu menggeletar dan menjadi pucat. Dia berbaring sambil memikirkan bagaimana dia boleh terselamat daripada menjadi raja. Kemudian datang dewi penghuni payung putih di atasnya; yang mana pernah menjadi ibunya dalam kelahirannya yang lampau, sambil berkata kepadanya :

Temiya Menjadi Pertapa

"Janganlah takut, anakku Temiya; kalau anakanda betul-betul ingin membebaskan diri, berolok-oloklah menjadi lumpuh, pekak dan bisu. Dengan tiga cara ini, berpura-puralah menjadi bodoh." Putera Temiya mendengarnya dan mengikuti nasihat dewi itu. Dia berpura-pura menjadi lumpuh, pekak dan bisu.

Putera Temiya mengikut nasihat dewi itu dan berpura-pura menjadi lumpuh, pekak dan bisu. Dia berbeza daripada lima ratus orang anak bangsawan yang lain itu. Mereka menangis meminta susu, sementara Temiya pula membisu. Dalam tahun pertama, bonda dan pengasuh-pengasuh Temiya sangat risau kerana dia tidak menangis; tidak tidur dan tidak bergerak atau pun mendengar. Mereka cuba membuatkan dia berasa lapar. Mereka berhenti menyusunnya supaya dia bersuara. Kadang-kala, sehari suntuk mereka tidak menyusuinya; namun Temiya masih berkelakuan begitu.

Bila umurnya dua tahun, mereka cuba membuatnya supaya bergerak dan bercakap. Mereka meletak beraneka jenis kuih dan manis-manisan di hadapannya. Kanak-kanak lain berebut-rebut mendapatkan makanan itu, tetapi Temiya berkata pada dirinya, "O Temiya, makanlah kuih-kuih dan manis-manisan itu kalau hendak ke neraka I "

Dalam tahun ketiga, berbagai-bagai jenis buah-buahan dibawa kepadanya. Dalam tahun keempat, bermacam-macam alat permainan diletakkan di hadapannya. Mereka cuba memberinya berjenis-jenis makanan. Kanak-kanak lain menerkam dengan tamaknya apabila melihat semua itu; tetapi Temiya masih juga tidak bergerak.

Masuk tahun kelima, mereka cuba menakut-nakutkannya supaya dia bercakap. Dia diletakkan di tengah-tengah sebuah rumah besar yang mempunyai banyak pintu dan ditutupi dengan daun-daun palma. Lima ratus kanak-kanak diletakkan di sekelilingnya. Lepas itu seorang penyuruh diarahkan membakar

rumah itu. Kanak-kanak lain lari bertempieran, tetapi Temiya duduk berdiam diri walaupun api sudah menghampirinya, sehinggalah dia diselamatkan oleh pengasuhnya.

Ketika berumur enam tahun, gajah dilepaskan berhampiran dengannya. Ketika berumur tujuh tahun, ular pula dililit pada tubuhnya. Namun dia tetap membisu. Pada tahun-tahun berikutnya, mereka membiarkan dia menonton beberapa pertunjukan. Kanak-kanak lain bergembira dan ketawa berdekah-dekah, hanya Temiya seorang yang tidak bersuara. Kemudian mereka menyuruh orang menakut-nakutkannya dengan pedang, namun Temiya tetap membisu.

Apabila umurnya mencapai sepuluh tahun, mereka cuba menguji sama ada Temiya betul-betul pekak. Lubang-lubang dibuat pada keempat-empat bahagian langsir di sekeliling katilnya dan trompet ditiup dengan sekuat-kuatnya melalui lubang itu. Kemudian mereka cuba menakutkannya dengan dram dan cahaya lampu yang cerah di waktu malam. Namun begitu, semuanya gagal untuk membuatkan Temiya bergerak atau bercakap.

Mereka cuba lagi, kali ini dengan menyapu badannya dengan sirap dan membiarkan serangga mengerumuninya. Dia masih juga tidak bergerak-gerak. Mereka membiarkan badannya kotor dan tidak bermandi, tetapi Temiya tidak juga peduli. Periuk-periuk yang berisi bara api diletak di bawah katilnya, menyebabkan kulitnya melepuh; tetapi dia berkata kepada dirinya, "Api neraka seribu kali lebih dahsyat daripada api ini." Kedua-dua ayahanda dan bondanya merayu agar dia bercakap, bergerak dan mendengar; tetapi dia tidak berani melakukannya.

Umurnya telah meningkat enam belas tahun. Dia dibawa ke bilik yang dibubuh bau-bauan di mana terdapat gadis-gadis yang cantik-cantik. Tetapi dia menahan nafas supaya tidak tergoda oleh bau-bauan itu.

Akhirnya raja memerintah supaya sami-sami Brahmin mengadap baginda. Baginda ingin tahu mengapa mereka tidak memberitahu tentang kelakuan Temiya yang pelik itu. Sami Brahmin tidak mahu menunjukkan kebodohan mereka, lalu menjawab bahawa mereka tidak mahu membuat raja susah hati. Tetapi sekarang, kata mereka lagi, sekiranya Temiya menjadi raja, negeri itu akan musnah. Mereka menasihati raja begini, "Tuanku hendaklah menghantar keluar istana putera tuanku melalui pintu pagar sebelah barat dengan kereta kuda yang ditarik oleh seekor kuda yang malang. Setibanya di tanah perkuburan, di sana dia mesti ditanam."

Permaisuri Canda Devi menyuruh raja menyerahkan kerajaan kepada Temiya selama tujuh hari. Hari ketujuh telah tiba, tetapi Temiya masih tidak bercakap sepepet pun. Apabila Sunanda, pemandu kereta kuda itu membawanya melalui Pintu Pagar Timur, bukannya melalui Pintu Pagar Barat, Temiya mengetahui bawa akhirnya dia sudah terlepas daripada nazarnya. Tatkala Sunanda sedang menggali kubur, Temiya menguji kekuatan dirinya dengan mengangkat kereta kuda itu. Lepas itu dia bercakap dengan Sunanda. Sunanda terkejut dan berlutut di kakinya sambil merayu supaya dia pulang ke istana; tetapi Temiya berkata, dia hendak menjadi seorang pertapa. Apabila raja dan permaisuri mendapat tahu peristiwa tersebut, baginda berdua pergi ke hutan untuk membawa Temiya pulang. Temiya menjelaskan kepada mereka kenapa selama enam belas tahun dia berkelakuan sedemikian. Selepas itu kedua-dua ayahanda bondanya ikut sama menjadi pertapa.

Di mana-mana juga pun,
seseorang itu tidak dapat melarikan diri
daripada pembalasan akibat perbuatan jahatnya,
tidak juga di langit, tidak juga di tengah lautan atau di gua gunung.

(Dhammapada, ayat 127)

BAB 2

MAHA JANAKA SEORANG SAMI

Maha Janaka Mencungkil Satu Rahsia

Pada suatu masa, ada seorang raja yang bernama Maha Janaka bersemayam di bandar Mithila, dalam kerajaan Videha. Baginda mempunyai dua orang putera, Arittha Janaka dan Pola Janaka.

Selepas kemangkatan baginda, putera sulungnya, Arittha Janaka menjadi raja dan Pola Janaka menjadi Raja Muda.

Pada suatu hari, seorang hamba abdi mengadap dan memberitahu raja bahawa Raja Muda berniat hendak membunuh raja. Selepas mendengar berita itu beberapa kali, raja pun memasukkan Pola Janaka ke dalam penjara. Sebenarnya Raja Pola Janaka tidak pernah merancang hendak membunuh Raja Arittha. Raja Pola Janaka berkata kepada dirinya, "Sekiranya beta ini bukan musuh kekanda beta, semoga rantai ini putus dan pintu ini terbuka." Pada saat itu juga rantai itu putus dan pintu penjara itu luas terbuka.

Putera Pola Janaka melarikan diri ke sebuah kampung di sempadan dan tinggal di sana. Apabila orang-orang mengetahui bahawa beliau adalah putera raja, mereka menolong dan melayannya dengan baik sekali. Di dalam masa yang singkat saja. Raja Pola Janaka telah menjadi ketua kampung di tanah jajahannya yang berhampiran dengan sempadan kerajaan Videha. Suatu hari, apabila Pola Janaka sudah mempunyai askar yang mencukupi untuk menawan bandar Mithila, dia pun membuat keputusan untuk menyerang dan menakluki bandar itu.

Raja Arittha Janaka bersiap-sedia untuk menentang adindanya. Baginda menyuruh permaisuri baginda yang sedang hamil supaya menjaga diri baik-baik. Baginda juga berpesan kepada permaisuri supaya menjaga anaknya dengan baik nanti, seandainya baginda terkorban dalam medan peperangan. Memang benar, Raja Arittha Janaka telah terkorban. Permaisuri menyamar diri. Baginda memasukkan barang-barang ke dalam raga dan menutupnya dengan beras. Kemudian Permaisuri meninggalkan istana dan menuju ke Kala Campa.

Permaisuri tidak tahu jalan menuju ke Kala Campa kerana dia tidak pernah meninggalkan istana. Bayi di dalam kandungannya tidaklah lain, melainkan Bodhisatta. Oleh sebab itu. Raja Sakka, iaitu raja kepada dewa-dewa, turun dan menolong baginda. Raja Sakka membawa permaisuri ke dalam kereta kuda dan tiba di Kala Campa dalam masa yang singkat.

Di Kala Campa, permaisuri berjumpa dengan seorang Brahmin dan Brahmin itu menjaganya seperti adik kandungnya. Pada suatu hari, permaisuri telah melahirkan seorang putera. Baginda menamakannya Maha Janaka, iaitu mengikut nama nenendanya. Apabila Maha Janaka sudah besar, dia bermain dengan kawan-kawannya. Apabila mereka mengusiknya, dia akan memukul mereka. Mereka menggelarnya "Anak Lelaki Balu".

Maha Janaka bertanya kepada ibunya mengapa dia digelar "Anak Lelaki Balu". Ibunya hanya menjawab bahawa dia adalah anak Brahmin itu. Apabila kawan-kawannya bertanya "Apakah hubungan awak dengan Brahmin itu?" Maha Janaka pun mula berfikir, "Ibu aku enggan menerangkan perkara yang sebenarnya kepadaku. Aku akan membuat dia menerangkannya. "

Pada suatu hari, ketika dia sedang menghisap susu ibunya, dia berkata bahwa dia akan menggigit ibunya jika beliau tidak memberitahu kedudukan yang sebenar kepadanya. Dengan itu ibunya terpaksa memberitahunya rahsia itu.

Pemaisuri berkata, "Anakku, anakanda adalah putera Arittha Janaka dari Mithila, ayahandamu telah dibunuh oleh Pola Janaka, dan bonda telah datang ke sini untuk menyelamatkan anakanda. Brahmin ini menganggap bonda sebagai adiknya dan dialah yang menjaga bonda. "

Bermula dari saat itu, Maha Janaka tidak lagi marah apabila digelar anak balu. Sebelum umurnya mencapai enam belas tahun, dia telah mempelajari ketiga-tiga Veda dan ilmu sains. Apabila umur dia telah menjangkau enam belas tahun dia telah menjadi seorang pemuda yang kacak.

Kapal Maha Janaka Karam Di Laut

Putera Maha Janaka sudahpun berumur enam belas tahun. Dia berfikir, "Aku akan mengambil balik kerajaan kepunyaan ayahandaku." Mula-mulanya dia terpaksa mencari wang untuk mengadakan tentera. Bondanya telah memberikan barang-barang kemasnya tetapi dia hanya mengambil separuh daripadanya. Maha Janaka telah berlepas ke Suvanna-Bhumi (Asia Tenggara) untuk berniaga. Apabila wang sudah cukup nanti dia akan mendapatkan tentera dan menakluki Mithila.

Pada hari Maha Janaka pergi belayar. Raja Pola Janaka jatuh sakit dan tidak dapat bangun. Kapal Maha Janaka membawa banyak barang. Selepas berlayar selama tujuh hari, papannya pecah, air melimpah masuk dan ia mulai karam di tengah-tengah lautan. Anak-anak kapal menangis sambil melaung nama berbagai-bagai dewa.

Maha Janaka tenang sahaja. Dia tidak menangis atau memanggil dewa-dewi apabila mengetahui kapal itu tidak dapat diselamatkan lagi. Dia melumurkan badannya dengan gula-gula dan minyak sapi. Dia memakan sehingga kenyang dan selepas itu dia menyapu minyak ke atas pakaiannya dan memakainya dengan ketat. Selepas itu dia berdiri sambil menyandar pada papan. Semua anak kapal sudah dimakan oleh ikan dan penyu. Air di sekelilingnya menjadi merah disebabkan oleh darah.

Maha Janaka berdiri di atas tiang layar dan bertekad untuk pergi ke Mithila. Dengan segala kekuatan yang ada padanya, dia terjun dari layar itu dan jatuh jauh daripada kapal serta penyu-penyu dan ikan. Pada hari yang sama juga Pola Janaka mangkat. Maha Janaka pun mulai berenang. Apabila ternampak pantai semula, dia membasuh mulutnya dengan air laut dan mengamalkan "Lapan Sila".

Pada ketika itu pari Mani Mekhala telah diberi tugas oleh Empat Dewi Pengawal untuk mengawal laut. Mereka berkata kepadanya, "Pergilah kepada orang-orang yang menunjukkan hormat kepada ibu-ibu mereka. Mereka tidak patut jatuh ke dalam laut. Kamu patut menjaga mereka." Selama tujuh hari Mani Mekhala terlupa mengawal laut. Tetapi pada hari ke tujuh, sedang dia memandang ke laut, dia ternampak Maha Janaka sedang berenang untuk menyelamatkan diri.

Dia sangat kagum melihat betapa usaha dan gigihnya Maha Janaka, lalu dia pun mendukungnya keluar dari air. Dia terbang ke angkasa bersama Maha Janaka yang sedang tidur nyenyak dalam dukungannya selama tujuh hari. Kemudian dia membawa Maha Janaka dan membaringkannya di dalam sebuah kebun mangga.

Raja Pola Janaka tidak mempunyai putera. Baginda meninggalkan seorang puteri yang bernama Sivali Devi. Sebelum mangkat, baginda berpesan, "Berilah kerajaan ini kepada seorang yang dapat membahagiakan puteri beta, Sivali, atau kepada seorang yang tahu sebelah manakah kepala katil yang empat segi itu; atau orang yang boleh mengikat tali busur panah yang memerlukan tenaga sebanyak seribu orang untuk mengikatnya; atau orang yang boleh mencari keenam-enam belas harta karun.

Selepas raja mangkat, beberapa orang pemuda datang untuk mendapatkan tuan puteri, tetapi mereka gagal. Tiada seorang pun yang boleh memberitahu sebelah manakah kepala katil. Tiada seorang pun yang dapat mengikat tali busur panah itu dan tiada siapa yang menjumpai keenam-enam belas harta karun yang tersembunyi itu.

Rakyat jelata menjadi risau kerana tiada raja yang akan memerintah Mithila nanti. Tetapi sami keluarga diraja menasihati mereka supaya jangan risau, dan berkata, "Hantarkan sebuah kereta kuda yang cantik. Sesiapa yang dijumpai oleh kereta kuda itu akan menjadi raja." Kereta kuda pun dihantar keluar. Ia ditarik oleh empat ekor kuda dan diiringi oleh orang ramai yang bermain muzik.

Kereta kuda terus bergerak sehingga tiba di kebun mangga di mana Maha Janaka sedang berehat. Apabila Maha Janaka terdengar bunyi muzik, dia terjaga dan melihat payung mahkota berwarna putih di atas sebuah kereta kuda. Sami itu melihat pada kaki Maha Janaka lalu berkata, "Dia akan menjadi raja kepada empat benua suatu masa nanti." Maha Janaka kemudian dimahkotakan dan digelar Raja Maha Janaka.

Maha Janaka Menjawab Teka-Teki

Sebelum raja Mithila mangkat, baginda berpesan bahawa raja baru mestilah mampu menggembirakan puteri Sivali, dia harus tahu di sebelah manakah kepala katil yang berbentuk empat segi itu; atau boleh mengikat busur panah yang memerlukan kekuatan seribu orang; atau sesiapa yang menjumpai keenam-enam belas harta karun itu.

"Harta karun di matahari terbit, harta karun di matahari terbenam,
harta karun yang di luar, yang di dalam,
dan yang bukan diluar atau di dalam,
pada tangga naik, pada tangga turun,
keempat-empat tiang Sal, dan bulatan Yojana.
Di penghujung gigi, di hujung ekor, di dalam kebuka, di hujung pokok.
Itulah kesemua enam belas harta karun itu..."

Apabila Maha Janaka menjadi raja yang baru, Puteri Sivali memberinya ujian yang pertama. Tuan Puteri menghantar orang mengarahkan Maha Janaka supaya datang untuk berjumpanya dengan segera. Maha Janaka berpura-pura tidak mahu mengikuti arahan utusan puteri. Apabila utusan itu datang pada kali ketiga, barulah Maha Janaka pergi dengan perlahan-lahan naik ke istana. Apabila dia sudah hampir, puteri tidak dapat berdiri dengan tegak lagi, disebabkan oleh rupa paras Maha Janaka yang begitu kacak dan sesuai benar sebagai seorang raja. Tuan puteri berjalan menghampiri Maha Janaka serta menghulurkan tangan. Kemudian mereka pergi duduk bersama-sama di atas bangku di bawah payung putih. Dengan itu Maha Janaka berjaya menggembirakan puteri itu. Lepas itu Maha Janaka terpaksa mencari sebelah manakah kepala katil empat segi tepat itu. Dia mencabut sebatang jarum emas dari rambutnya sambil menghulurkannya kepada tuan puteri; dia berkata, "Letakkan jarum ini di tempatnya." puteri itu mengambilnya dan meletakkannya di bahagian kepala katil itu.

Ujian yang berikutnya ialah mengikat busur panah yang memerlukan kekuatan seribu orang. Apabila busur panah itu dibawa, Maha Janaka mengikatnya dengan mudah.

Akhir sekali Maha Janaka perlu mencari harta-harta yang tersembunyi itu. Dia memikirkan teka-teki yang ditinggalkan oleh raja. Dia tahu perkataan "matahari terbenam" dan "matahari terbit" tidak bermaksud matahari di langit. Perkataan-perkataan itu bermaksud 'Buddha yang berdiam diri seperti matahari'. Harta karun yang pertama telah dijumpai di mana raja mengalu-alukan ketibaan Buddha-Buddha, iaitu "matahari terbit". Harta karun yang kedua juga dijumpai di mana Buddha-Buddha meninggal, iaitu "matahari terbenam."

Harta "di dalam" digali di dalam kawasan pintu pagar yang paling utama dalam istana. Harta karun "di luar" pula digali di luar pintu pagar. Harta yang "bukan di luar atau di dalam" digali di bawah pintu pagar istana.

Harta yang tersembunyi "di tangga" digali naik oleh Maha Janaka di mana mereka meletakkan tangga untuk menaiki gajah diraja. "Keempat-empat tiang sal" adalah empat kaki bangku diraja yang diperbuat daripada kayu Sal. Dari bawah bangku itu empat buah guri yang penuh berisi barang-barang yang bernilai dikeluarkan. "Bulatan Yojana" (Yojana ialah sekok kereta kuda), oleh itu Maha Janaka menggali keliling bangku diraja sepanjang satu sekok dan mengeluarkan beberapa guri harta karun dari situ.

"Harta penghujung gigi"- di tempat di mana gajah diraja berdiri, dia mengeluarkan barang-barang dari tempat di hadapan "dua gading". "Di hujung ekornya", di tempat kuda diraja berdiri, dia mengeluarkan guri-guri daripada bahagian yang bertentangan dengannya. "Di dalam kebuka" (air dipanggil kebuka) ; dia mengeluarkan air daripada tasik diraja dan di sana harta dijumpai." Harta di penghujung pokok", dia mengeluarkan guri-guri yang penuh berisi barang-barang bernilai, yang ditanam dalam kawasan lengkungan yang dilukis mengikut bayang pokok Sal di dalam taman diraja pada waktu tengah hari tepat. Dengan ini, Maha Janaka mendapat kesemua enam belas harta karun yang tersembunyi itu.

Walau bagaimanapun Maha Janaka tidak menyimpan semua harta itu untuk dirinya. Dia membina dewan-dewan di mana orang-orang miskin diberi makanan. Dia menyuruh orang pergi menjemput ibunya dan Brahmin itu di Kala Campa .Baginda memberi penuh penghormatan kepada mereka berdua. Raja Maha Janaka seorang yang baik lagi adil. Suatu hari permaisuri Sivali melahirkan seorang putera yang diberi nama Dighavu.

Pada suatu masa raja melawat tamannya. Di dalam tamannya ada dua pohon mangga. Yang satu mempunyai banyak buah yang manis; yang sepohon lagi tidak berbuah. Tiada siapa yang berani menyentuh buah-buah itu sebab raja belum lagi merasainya. Melihat buah-buah yang masak itu, baginda mengambil sebiji lalu santap. Rasanya sungguh lazat. Baginda akan datang lagi dan memakannya dengan lebih banyak lagi.

Setelah orang ramai melihat bahawa raja telah pun santap mangga dari pokok itu, mereka pun mulai memetik dan memakan buah-buahnya. Ada juga yang sampai mematahkan dahan-dahannya. Akhirnya pokok itu tinggal tanpa buah serta patah-patah. Sebaliknya pokok yang sepohon lagi yang tidak berbuah itu kekal menghijau kerana ia tidak berbuah. "Pokok yang satu lagi cedera dan patah-patah disebabkan oleh buahnya. Takhta kerajaan ini boleh diumpamakan seperti pokok yang berbuah, tetapi menjadi sami bolehlah diibaratkan pokok tanpa buah. Seseorang yang mempunyai kekayaan akan diselubungi oleh ketakutan. Tetapi orang yang tidak mempunyai apa-apa, tidak akan merasai sebarang ketakutan. Oleh itu beta akan menjadi seperti pokok yang tidak berbuah - beta akan menjadi seorang sami. "

Maha Janaka menjadi seorang sami dan meninggalkan putera Dighavu memerintah negerinya. Tidak lama kemudian Permaisuri Sivali menjadi seorang alim dan tinggal di kebun mangga. Selepas mangkat, baginda permaisuri dilahirkan semula sebagai dewa Brahma.

Seseorang yang tidak berusaha ketika masih muda dan gagah, suka menghabiskan masa dengan sia-sia serta malas, tidak mempunyai matlamat hidup dan fikiran yang bernas , orang ini tidak akan menemui jalan menuju kebijaksanaan.

(Dhammapada, ayat 280)

BAB 3

SAMA ANAK YANG BERTANGGUNG JAWAB

Ibu Bapa Sama Menjadi Buta

Pada zaman dahulu tidak jauh dari Benares, ada dua buah kampung terletak di sebelah-menyebelah pada sebatang sungai. Penduduk-penduduk di kampung itu mencari rezeki mereka dengan memburu. Ketua kampung yang pertama mempunyai seorang anak lelaki bernama Dukulala. Ketua kampung yang kedua mempunyai seorang anak perempuan bernama Parika. Apabila urnur anak mereka mencapai enam belas tahun mereka bersetuju mengahwinkan mereka berdua.

Sungguhpun begitu Dukulala dan Parika tidak mahu berkahwin. Untuk menggembirakan ibu bapa mereka, mereka tinggal bersama tetapi tidur berasingan. Suatu hari mereka meminta kebenaran daripada ibu bapa mereka untuk menjadi pertapa. Ibu bapa mereka bersetuju dan mereka berdua pun pergi ke dalam hutan. Mereka memakai jubah yang diperbuat daripada kulit kayu berwarna merah; menyebai kulit kijang berwarna hitam di bahu dan menjalin rambut mereka serta menyimpulkannya. Mereka mengamalkan cinta-kasih. Ini membuatkan semua burung dan binatang lain juga mempunyai perasaan yang sama antara satu sama lain.

Suatu hari, Raja Sakka iaitu raja kepada segala dewa-dewa mendapat tahu bahawa pada satu hari nanti, mereka berdua akan menjadi buta. Raja Sakka pergi ke tempat Dukulala dan berkata, "Kamu akan mendapat kesusahan, oleh itu kamu mesti mempunyai seorang anak lelaki." Tetapi Dukulala menjawab bahawa dia sudah menjalani suatu kehidupan yang alim dan suci, walaupun ketika berada di dalam rumah sebagai orang biasa. Sekarang ini dia sudah menjadi pertapa. Mengapakah perlu dia mempunyai seorang anak? Kemudian Raja Sakka menyuruh Dukulala menyentuh pusat Parika pada satu masa yang tertentu.

Pada saat dan ketika yang baik, Dukulala menyentuh pusat Parika, lalu Bodhisatta pun turun dari syurga dan terus masuk ke dalam rahimnya. Sepuluh bulan selepas itu seorang putera yang berkulit kuning seperti emas dilahirkan. Mereka menamakannya Suvanna Sama. Ketika umurnya enam belas tahun, pada suatu hari, ibu bapanya telah pergi ke dalam hutan untuk memungut buah-buahan dan akar-akar kayu. Tiba-tiba berlaku ribut. Mereka berdua berlindung di antara akar-akar kayu dan berdiri di atas busut. Di dalam busut itu ada seekor ular. Apabila hujan turun, mereka berdua basah kuyup. Air yang mengalir daripada badan mereka membawa bau peluh lalu dikesan oleh ular di dalam busut itu. Ular itu naik marah lalu menghembuskan nafasnya sehingga menyebabkan mereka menjadi buta.

Setelah menjadi buta, mereka berdua mula menangis kerana tidak dapat mencari jalan pulang. "Apalah kesalahan yang telah kita lakukan pada masa lampau?" mereka berfikir. Dalam kehidupan yang lampau, Dukulala menjadi seorang doktor yang mempunyai seorang pesakit yang kaya. Oleh kerana pesakit itu enggan membayar wang rawatannya, dia dan isterinya telah memberi ubat yang beracun kepada orang itu menyebabkan matanya buta. Itulah sebabnya mereka berdua menjadi buta sekarang

Sementara itu, di pondok tempat pertapaan, Sama sedang menunggu kepulangan orang tuanya. Setelah sekian lama menunggu, Sama pasti sesuatu telah berlaku ke atas mereka. Dengan segera dia keluar pergi mencari mereka. Semasa dijumpai, orang tuanya menjerit, "Oh! Sama! Di sini bahaya, jangan hampiri!" Sama menghulurkan sebatang galah yang panjang. Dia menyuruh mereka pegang di hujung galah itu. Dengan memegang galah tersebut mereka dapat berjalan ke arah Sama. Kemudian mereka menceritakan apa yang telah berlaku. Sama menangis tersedu-sedu apabila mendengar cerita mereka. Selepas menangis tiba-tiba dia ketawa pula. Mereka hairan melihat telatah Sama dan bertanya mengapa

dia berbuat begitu. Sama berkata dia sangat sedih kerana mereka telah menjadi buta, sebab itulah dia menangis; dia ketawa kerana memikirkan mulai saat itu dia akan membela orang tuanya.

Sama membawa ibu bapanya pulang. Dia mengikat tali di merata-rata supaya mereka dapat mencari jalan di sekeliling pondok mereka. Mulai dari hari itu Sama menyuruh ibu bapanya tinggal di dalam pondok; sementara dia sendiri pergi memungut akar-akar kayu dan buah-buah di dalam hutan. Pada waktu pagi dia menyapu lantai, mengangkut air dari sungai, menyediakan makanan, air untuk mandi dan memberus gigi untuk mereka. Buah-buahan yang manis juga diberikan kepada mereka. Selepas mereka membasuh mulut barulah dia makan. Selepas makan, dia mengucapkan selamat tinggal kepada mereka dan dengan diiringi oleh sekumpulan rusa dia ke hutan untuk memungut buah-buahan. Pada waktu petang dia pulang, mengambil air lalu merebusnya untuk mereka mandi. Selepas itu dia mengambil bara api untuk memanaskan badan mereka. Kemudian dia memberi ibu bapanya makan buah-buahan yang manis. Setelah selesai semuanya, barulah dia memakan makanannya. Beginilah Sama menjaga ibu bapanya.

Sama Mati Dan Hidup Kembali

Pada waktu itu seorang raja yang bernama Piliyakkha memerintah di Benares. Baginda sangat gemar memakan daging rusa. Dengan membawa berbagai-bagai jenis senjata, baginda ke hutan di Himalaya, memburu dan memakan daging rusa. Suatu hari baginda sampai ke tempat di mana Sama mengambil air. Apabila baginda melihat bekas tapak kaki rusa, baginda mencari tempat untuk bersembunyi dan bersedia dengan panah beracun. Baginda menunggu mangsanya tiba.

Apabila petang menjelang, Sama datang bersama-sama rusanya untuk mengangkut air. Dia meletakkan dua biji bekas berisi air di atas belakang dua ekor rusa. Dia kemudian mengheret rusa-rusa itu ke tempat mandi. Raja itu terperanjat melihat ada seorang lelaki dalam hutan tersebut. Baginda berfikir, "Sudah sekian lama beta merayau-rayau di sini, beta tidak pernah melihat seorang manusia pun. Adakah dia tu dewa atau naga? Sekiranya beta menghampirinya, pasti dia akan melayang naik ke syurga, jika dia dewa; jika dia naga, dia akan tenggelam ke dalam bumi. Apabila beta kembali ke Benares nanti, kalau ada menteri-menteri bertanya adakah beta melihat apa-apa perkara yang pelik dalam masa pengembaraan ini, beta tidak akan dapat menjawabnya. Oleh itu beta akan melukainya dan bertanya kepadanya."

Ketika Sama sedang keluar dari dalam air, Piliyakkha memanah dan melukainya. Apabila dilihat Sama parah disebabkan panah yang beracun itu, rusa-rusanya pun lari ketakutan. Bagi Sama, walaupun telah luka, dengan tenang dia naik dari air dan terus berbaring di atas pasir sambil meletakkan kepalanya ke arah pondok ibu bapanya. Darah mengalir keluar dari mulutnya.

Raja Piliyakkha sungguh terkejut dan hairan melihat Sama tidak menunjukkan apa-apa kemarahan, walaupun dia telah dilukai. Raja pun menghampiri Sama dan memperkenalkan dirinya. Sama menerang kepada Raja:

" Saya dipanggil Sama semasa hayat saya,
anak pemburu buangan, itulah saya;
Tetapi kini kau boleh lihat, saya berbaring
di atas tanah dalam kesengsaraan yang tak terhingga.
Disebabkan panah beracunmu, saya berbaring
dengan tak bermaya seperti seekor rusa,
Kecekapanmu membawa maut kepada mangsa,
Saya bermandikan darah penuh derita.

Panahmu menembusi tubuhku,
Bermuntahkan darah pada setiap pernafasan,
Narnun dalam kesamaran dan kelesuan,

Saya ingin bertanya, mengapakah nyawaku yang kau inginkan?
Kau tak boleh menggunakan dagingku sebagai makanan,
dan kulitku juga tak dapat digunakan;
Kenapakah kau fikir diriku ini patut dijadikan sasaran;
apakah faedahnya yang kau mahukan? "

Setelah Raja mendengar cerita Sama, baginda tidak menerangkan perkara yang sebenarnya; tetapi baginda sebaliknya mereka satu cerita palsu. Baginda berkata, baginda telah nampak seekor rusa dan hendak memanahnya. Tetapi rusa itu ternampak Sama lalu lari dari situ; menyebabkan baginda tersalah panah Sama. Kemudian Sama menjawab:

" Sejak daripada saya boleh berfikir, sepanjang ingatan saya, tiada rusa atau binatang buas yang pernah melarikan diri ketakutan, apabila terserempak dengan saya. "

Apabila mendengar kata-kata Sama, baginda berfikir, "Beta telah melukai insan yang tidak berdosa ini dan membohonginya pula, kini beta akan menerangkan perkara yang sebenarnya." Raja bertanya Sama buat apa dia mengangkut air. Sama menceritakan tentang kedua ibu bapanya yang buta itu. Mendengar cerita Sama, Raja Piliyakkha berasa sungguh sedih dan berfikir, "Pemuda ini telah menjaga ibu bapanya dengan begitu baik, dan sekarang ini, meskipun dia parah, dia masih memikirkan tentang mereka berdua. Beta telah melakukan perbuatan yang sangat keji. Bagaimanakah caranya boleh beta membuatnya merasa lebih selesa? Apabila beta dapati diri beta di dalam neraka, apalah gunanya lagi negeri beta ini? Oleh itu beta akan menjaga orang tuanya sebagaimana dia menjaga mereka , "

Raja memberitahu Sama baginda akan menjaga ibu bapanya. Sama menerangkan di mana mereka tinggal. Sejurus kemudian bisa racun mulai meresap ke seluruh anggotanya. Mulut dan matanya tertutup; anggotanya menjadi kaku dan seluruh badannya bermandikan darah. Tiba-tiba nafasnya terhenti dan badannya menjadi kaku. Raja tidak dapat menahan kesedihannya lalu menangis sekuat-kuatnya. Pada masa itu terdapat pari yang bernama Bahusodari tinggal di sebuah gunung tidak jauh dari situ. Dalam kehidupannya yang lampau dia menjadi ibu kepada Sama. Pada waktu itu dia masih menganggap Sama sebagai anaknya. Setelah Sama tidak sedarkan diri, tiba-tiba pari itu teringat padanya dan berfikir, "Apakah yang telah terjadi pada anakku?" Dia membuat keputusan untuk menolong Sama, ibu bapanya serta raja itu. Pari itu menyuruh raja membela orang tua Sama. Raja sangkakan Sama sudah mati. Baginda memberi penghormatan pada 'mayatnya' dengan meletakkan beraneka jenis bunga, merenjkannya dengan air, mengelilinginya sebanyak tiga kali sambil menunduk ke empat arah.

Raja pergi menjumpai Dukulala dan dengan sedihnya menceritakan tentang kematian Sama. Parika yang berada di dalam pondok yang berhampiran juga mendengar berita yang sedih itu. Mereka berdua amat sedih, tetapi tidak marah kerana mereka orang alim. Kedua-duanya menyuruh raja membawa mereka pergi ke tempat Sama. Pada masa itu matahari sudah mulai terbenam, namun begitu mereka masih juga ingin pergi.

Apabila sampai berhampiran dengan Sama, raja memberitahu, "Inilah anak kamu." Dengan segera bapanya mendakap kepala Sama ke dadanya, manakala ibunya pula memeluk kakinya. Mereka duduk di situ dan meratap sepuas-puasnya. Kemudian ibu Sama berkata,

" Kalaulah benar kehidupan Sama pada masa lampau penuh suci, semoga racun di dalam saluran darahnya akan hilang bisanya dan menjadi tidak berbahaya lagi. "

Ketika ibunya mengeluarkan hujah-hujah itu, Sama berpaling sambil berbaring ke arah ibunya. Selepas itu apabila bapanya mengulangi hujah-hujah dan kata-kata yang serupa. Sama berpaling pula ke arah bapanya. Ketika itu pari Bahusodari melakukan satu upacara kebenaran dan berkata :

"Tidak ada lain penghuni bumi ini yang lebih bernilai bagi lubuk hatiku, ini adalah suatu sumpahan, semoga segala bisa racun dalam saluran darahnya hilanglah selalu. "

Dengan itu Sama telah sembuh daripada lukanya dan hidup kembali; kedua-dua ibu bapanya dapat melihatnya semula. Pagi pun menjelang, segala-galanya berlaku serentak disebabkan oleh kuasa ajaib pari itu. Tiap-tiap orang bergembira." Sama kemudiannya menyuruh .raja menjalankan sepuluh tugas bagi seseorang raja dan mengajar Panca Sila kepada baginda. Raja pulang ke Benares. Selepas memberi banyak hadiah dan membuat kebaikan lain, baginda mangkat dan telah dilahirkan semula di syurga. Setelah mati Sama serta orang tuanya juga telah dilahirkan pada kewujudan semula di syurga Brahmin.

Bagi seseorang yang selalu memberi penghormatan pada orang tuanya, akan bertambahlah empat rahmat baginya- usia yang panjang, kecantikan, kebahagiaan dan kekuatan

(Dhammapada, ayat 109)

Di dalam dunia ini, amatlah baik Bertanggungjawab kepada ibu ;
Demikianlah juga kepada bapa.
Di dunia ini juga adalah amat baik berbudi kepada pertapa ;
Demikianlah juga kepada Ariya-ariya Sangha

(Dhammapada, ayat 332)

BAB 4

NIMI, KESAYANGAN DEWA-DEWA

Pada suatu masa, kota Mithila yang terletak di dalam negeri Videha diperintah oleh seorang raja yang bernama Makhadera. Suatu hari, tukang gunting baginda memberitahu bahawa baginda mempunyai seurat uban. Raja menitahkan tukang gunting mencabut uban itu dan menunjukkannya kepada baginda. Tukang gunting itu bertanya apa sebabnya. Baginda menjawab, "Rambut putih ini adalah pesuruh dari syurga. Beta telah menjadi orang muda selama 84,000 tahun. Beta juga sudah menjadi raja selama 84,000 tahun. Masanya sudahpun tiba bagi beta meninggalkan takhta kerajaan untuk menjadi seorang alim selama 84,000 tahun lagi." Dengan itu baginda menyerahkan kerajaan kepada putera baginda.

Demikianlah juga halnya berlaku kepada putera baginda. Setelah sekian lama menjadi raja, apabila baginda melihat ubannya yang pertama, baginda juga meninggalkan istana untuk menjadi seorang alim dan membiarkan putera baginda menggantikannya pula. Keadaan ini berterusan selama 84,000 keturunan raja-raja, kecuali bagi kedua-dua raja yang terakhir. Selepas mereka mangkat, semua raja tadi dilahirkan semula di syurga Brahma. Makhadeva sungguh gembira melihat keturunan baginda mengikut jejak langkah baginda.

Kemudian Makhadeva berfikir secara mendalam, "Sekarang, adakah sesiapa di antara kita yang akan mencapai Nirvana?" Dia dapati tiada seorangpun di antara mereka yang berupaya mencapainya. Oleh itu Makhadeva membuat keputusan untuk menamatkan keturunan keluarganya dengan cara turun ke bumi semula sebagai putera raja yang sedang memerintah Mithila. Pada hari Upacara Penamaan, orang-orang bijaksana memerhatikan tanda-tanda pada bayi baginda dan berkata, "Tuanku, putera ini dilahirkan untuk menamatkan keturunan Tuanku. Keturunan Tuanku akan tamat." Mendengar keterangan ini. Raja berkata, "Bayi ini dilahirkan untuk menamatkan keturunan beta; ia diibaratkan seperti juga berakhirnya putaran roda kereta!" Oleh itu baginda menamakan putera itu Nimi Kumara, ataupun 'Putera Gelang'.

Tatkala masih kecil lagi Putera Nimi sangat bermurah hati dan baik kelakuannya. Dia menganggap hari Uposatha sebagai hari yang suci. Apabila ayahandanya mendapati rambutnya mulai beruban, baginda juga menyerahkan kerajaannya kepada Nimi. Setelah menjadi raja, Nimi membina lima buah dewan untuk memberi sedekah, satu di tiap-tiap pintu pagar kota dan satu lagi di tengah-tengah kota. Baginda sentiasa mengamalkan Panca Sila dan menggalakkan rakyat jelata supaya bermurah hati serta berbuat baik. Baginda menunjukkan kepada mereka bagaimana jalan ke syurga, mengajar mereka tentang kematian dan Dharma. Orang ramai menjadi murah hati dan baik. Setelah meninggal dunia, mereka dilahirkan semula di dunia dewa-dewa.

Raja Nimi telah membuat banyak kebajikan, tetapi baginda masih tidak berpuas hati. Baginda berfikir dan menyoal dirinya sendiri "yang mana lebih menguntungkan...kehidupan yang suci atau memberi dana(sedekah)?" Pada saat itu takhta Raja Sakka di Syurga Tiga Puluh Tiga menjadi panas. Apabila Raja Sakka tahu mengapa singgahsananya menjadi panas, baginda turun untuk memberi jawapan kepada soalan Raja Nimi. Raja Sakka bertitah, "Kehidupan yang suci lebih baik daripada sedekah. Adalah sangat sukar hendak membandingkan di antara kehidupan yang suci dengan memberi dana. Pada masa lampau ramai raja yang memberi dana, tetapi mereka tidak hidup dengan penuh kesucian. Sebaliknya, ramai bijak pandai yang hidup dengan suci apabila mereka mati, mereka dilahirkan semula di syurga Brahma dan dapat menikmati kebahagiaan yang sebenarnya.

Apabila selesai berkata-kata. Raja Sakka kembali ke Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-Dewa dan memberitahu semua dewa berkenaan Raja Nimi. Baginda menceritakan tentang kebaikan Raja Nimi.

Semua dewa ingin bertemu raja itu. Mereka berkata, "Tuanku, Raja Nimi adalah guru kami. Dengan mengikut kata-kata baginda kami telah menjadi dewa. Kami ingin menjemput baginda. Bawalah baginda ke mari, Tuanku." Raja Sakka bersetuju dan menghantar Matali untuk mendapatkan kereta kuda di syurga itu bagi membawa Nimi ke syurga.

Pada suatu malam bulan purnama. Raja Nimi duduk di tingkap sebelah timur di tingkat atas bangunan istana, dengan dikelilingi oleh pembesar-pembesar istana. Sebaik sahaja bulan mengambang di sebelah timur, kereta kuda dari kayangan pun menjelma. "Mengapa ada dua bulan malam ini!" Pembesar-pembesar sekalian berteriak. Semasa mereka bercakap-cakap kereta kuda itu sudah hampir. . " Itu bukan bulan, tetapi kereta kuda !", mereka berkata. Maka jelaslah kepada sekalian yang berada di situ rupanya kereta kuda dari kayangan sedang menuju ke arah istana dengan ditarik oleh 1,000 ekor kuda yang .cantik-cantik. Semua orang hairan,-untuk siapakah kereta kuda itu? Kemudiannya mereka pasti, tentu untuk raja mereka yang sangat baik itu. Tentu Raja Sakka ingin berjumpa dengan raja mereka. Pembesar-pembesar itu sungguh gembira dan menjerit-jerit keriang.

Matali datang dengan laju. bagaikan angin; memusing dan memberhentikan kereta kuda itu berhampiran dengan tingkap, lalu menyuruh raja menaikinya.. Raja berfikir, "Beta akan melihat tempat tinggal dewa-dewa dan dewi-dewi; beta belum pernah melihatnya sebelum ini; beta juga akan menunjukkan cinta-kasih kepada Matali." Kemudian baginda bertitah kepada pembesar-pembesar, "Beta akan pulang dalam masa yang tidak lama. Kamu mestilah berwaspada, berbuat baik dan memberi dana." Selesai bertitah, baginda pun masuk ke dalam kereta kuda itu.

Matali bertanya yang mana baginda ingin lihat dahulu-syurga atau neraka. Raja mengetahui baginda akan dibawa ke syurga. Oleh yang demikian baginda menitahkan Matali supaya membawa baginda melihat neraka dahulu. Matali menunjukkan kepada Raja Nimi Sungai Vetarani, iaitu sungai di neraka yang menyelubungi orang-orang jahat dengan api. Kemudian Matali menunjukkan bagaimana orang-orang yang pembenci, yang pentingkan diri sendiri serta orang yang suka bercakap kasar dan pendusta digigit oleh anjing-anjing hitam, burung-burung besar yang memakan bangkai dan juga burung gagak, bagaimana orang-orang yang kejam dibakar serta bagaimana pendusta meronta-ronta di dalam api neraka. Raja Nimi juga melihat berbagai-bagai jenis seksaan yang diterima oleh orang-orang berdosa di dalam neraka. Raja sungguh terkejut dan amat sedih melihat segala seksaan dan penderitaan itu.

Pada saat itu, dewa-dewa di kayangan sedang duduk di Dewan Sudhamma menunggu ketibaan Raja Nimi. "Matali mengambil masa begitu lama," Raja Sakka bersungut. Raja Sakka memanggil pari yang sangat pantas dan bertitah kepadanya, "Segeralah pergi beritahu Matali supaya membawa raja itu ke mari sekarang juga. Dia telah menghabiskan banyak masa Raja Nimi. Dia hendaklah melihat semua neraka itu sekali gus !" Apabila Matali mendengarnya, dia berkata, "Kita tidak boleh lengah lagi !" Lalu ditunjukkan semua neraka itu dengan sepintas lalu.

Selepas itu kereta kuda mereka pun menukar haluannya ke syurga. Raja melihat istana Dewi Birani di kayangan begitu indah; tiang-tiangnya terdiri daripada emas dan permata juga mempunyai taman-taman dan tasik-tasik yang dipenuhi dengan bunga teratai dan dipagari oleh pokok-pokok. Dewi itu dilayani oleh seribu pari-pari. Suatu ketika dahulu, beliau adalah seorang abdi kepada seorang Brahmin, tetapi disebabkan oleh tingkah-lakunya yang baik serta sentiasa bermurah hati, beliau dilahirkan di syurga. Selepas itu Raja Nimi melihat istana dewa-dewa yang lain. Istana-istana itu juga terdiri daripada tiang-tiang emas dan batu permata, dihiasi dengan taman-taman dan kebun-kebun yang dipenuhi bunga-bunga dan pokok-pokok yang cantik, serta tasik-tasik yang dipenuhi bunga teratai. Dewa-dewa dan dewi-dewi ini adalah manusia biasa yang telah membuat banyak kebaikan.

Setibanya Raja Nimi di pintu pagar syurga Raja Sakka, dewa-dewa keluar untuk menyambut baginda dengan bunga-bunga dan bau-bauan kayangan; baginda lalu diiringi masuk ke Dewan Sudhamma. Dewa-

dewa mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda dan mempelawa baginda agar terus tinggal di sana untuk menikmati kebahagiaan di syurga. Tetapi raja menolak pelawaan mereka. Baginda tinggal di sana hanya selama tujuh hari sahaja di mana baginda sempat mengajar dewa-dewa itu yang membuatkan mereka sungguh gembira.

Masa untuk baginda meninggalkan kayangan telah tiba. Raja Sakka menitahkan Matali membawa Raja Nimi pulang ke Mithila. Rakyat jelata amat gembira apabila melihat kereta kuda kayangan muncul di angkasa kerana mereka tahu raja kesayangan mereka berangkat pulang. Apabila orang ramai bertanyakan bagaimanakah keadaan di syurga, raja menerangkan berkenaan dengan kebahagiaan dewa-dewa dan dewi-dewi bersama Raja Sakka, iaitu raja mereka. Raja Nimi menitahkan rakyat baginda memberi dana dan berbuat baik supaya mereka juga akan dilahirkan di syurga nanti.

Selepas peristiwa ini, apabila tukang gunting raja menjumpai uban dan memberitahu baginda, raja menyuruh orang itu menyimpannya. Selepas itu baginda memberi sebuah kampung kepada tukang gunting itu. Baginda membuat keputusan untuk menjadi seorang alim. Raja Nimi melantik anak lelaki tukang gunting itu sebagai raja yang baru. Seperti mana raja-raja sebelumnya yang telah menjadi orang alim, baginda tinggal di dalam kebun mangga yang sama. Setelah mangkat, baginda dilahirkan semula di dalam syurga Brahma.

BAB 5

MAHOSADHA YANG PINTAR

Mahosadha Bayi Ubat

Pada suatu masa seorang raja bernama Vedeha memerintah di Mithila. Baginda mempunyai empat orang bijaksana untuk menasihati baginda. Mereka adalah Senaka, Pukkusa, Kavinda dan Devinda. Pada suatu hari Raja telah bermimpi suatu perkara yang pelik. Baginda bermimpi api menyala menjulang tinggi di empat penjuru balai rung istana. Kemudian muncul pula api yang kecil di tengah-tengahnya. Dengan tiba-tiba api kecil kelima itu membesar dan naik lebih tinggi daripada keempat-empat api tadi. Ia terus menyala ke atas, sehingga sampai ke syurga Brahma serta menerangi seluruh dunia.

Keesokan paginya, Raja Vedeha memberitahu mimpi baginda kepada empat orang bijaksana baginda. Orang bijaksana yang bernama Senaka berkata, "O Tuanku ! Bijaksana yang kelima akan dilahirkan. Beliau akan menjadi lebih pintar daripada kami." Pada masa itu di keempat-empat arah pintu pagar kota Mithila terdapat empat bandar iaitu Bandar Timur, Bandar Barat, Bandar Selatan dan Bandar Utara. Di dalam Bandar Timur tinggal seorang kaya bernama Sirivaddhaka bersama isterinya, Sumana Devi. Pada hari Raja bermimpi itu, Bodhisatta turun daripada Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-dewa dan masuk ke dalam rahim Sumana Devi.

Sepuluh bulan telah berlalu. Sumana melahirkan seorang anak lelaki yang berkulit kuning bagaikan emas. Pada waktu yang sama, seribu bayi dilahirkan dalam keluarga lain di bandar itu. Raja Sakka inginkan supaya semua orang tahu bayi itu adalah Bodhisatta. Oleh itu baginda meletakkan sekeping herba berubat di dalam tangan bayi itu. Bayi itu dilahirkan dengan herba berubat di dalam tangannya.

Kepala Sirivaddhaka telah sakit selama tujuh tahun. Dia mengambil sedikit herba itu; menggilingnya hingga lumat dan dilumurkan di kepalanya. Dengan tiba-tiba kesakitannya hilang. Berita ini cepat tersebar. Ramailah orang sakit datang ke rumah orang kaya Sirivaddhaka untuk meminta herba itu. Pada hari penamaan, orang kaya Sirivaddhaka menamakan anaknya Osadha Kumara (Bayi Ubat) atau Mahosadha (Maha Osadha).

Mahosadha membesar bersama-sama seribu orang budak lelaki lain sebagai kawannya. Ketika berumur tujuh tahun, rupanya sungguh cantik, seperti patung emas. Kadang-kadang semasa dia bermain dengan kawan-kawannya, beberapa ekor gajah dan juga binatang-binatang lain lalu dan mengganggu permainan mereka. Adakala hujan turun dan adakalanya cuaca sangat panas. Pada suatu hari, semasa mereka sedang asyik bermain, berlakulah ribut yang kuat diikuti dengan hujan lebat. Mereka berlari pulang ke rumah. Ada yang rebah dan ada yang kaki atau tangannya luka parah.

Mahosadha berfikir, "Kalaulah kita mempunyai sebuah dewan untuk bermain, kita tidak akan jadi begini." Dia pun mencadangkan kepada kawan-kawannya, "Marilah kita bina sebuah dewan di sini, di mana kita boleh berdiri, duduk, atau baring waktu kita bermain. Ribut, panas matahari atau hujan tidak lagi menjadi masalah. Tiap-tiap orang daripada kamu bawalah sekeping wang." Seribu orang budak lelaki itu pun berbuat demikian.

Mahosadha mendapatkan seorang tukang kayu yang mahir dan menerangkan apa yang harus dibina. Bangunan terdiri daripada beberapa ruang untuk kegunaan tertentu. Ia dicat dengan begitu cantik dan juga mempunyai lima buah kolam yang ditanam dengan lima jenis teratai. Pokok-pokok yang cantik ditanam di pinggir kolam itu. Mahosadha duduk di dalam dewan itu dan membantu orang-orang membuat keputusan apa yang betul dan apa yang salah, serta apa yang baik atau tidak. Berhampiran dewan itu dia menyediakan satu tempat untuk memberi sedekah kepada orang-orang alim.

Kisah Raja Vedeha diberitahu bahawa bijaksana yang kelima akan dilahirkan sudahpun berlalu tujuh tahun. Empat orang menteri dititahkan pergi mencari bijaksana yang kelima itu. Mereka pergi ke Bandar Barat, Bandar Utara dan Bandar Selatan tetapi tidak menjumpainya. Apabila tiba di Bandar Timur mereka ternampak dewan yang cantik itu dan bertanya siapakah yang membinanya. "Berapakah umurnya?", menteri-menteri itu bertanya lagi. "Dia baru berusia tujuh tahun," jawab orang-orang di situ. Dengan penerangan itu, menteri-menteri itu yakin mereka sudah menjumpai bijaksana yang sedang dicari-cari. Mereka pun pulang ke istana dan mempersembahkan berita itu kepada Raja.

Raja sungguh gembira. apabila mendengar tentang Mahosadha. Baginda memanggil Senaka dan menyatakan apa yang telah berlaku, serta meminta pendapatnya sama ada baginda harus menghantar orang membawa Mahosadha ke istana. Senaka merasa cemburu lalu berkata, "O Tuanku, seseorang itu tidak boleh dipanggil bijaksana hanya disebabkan ia telah membina dewan. Sesiapa pun boleh membuatnya." Oleh itu Raja menghantar seorang menteri untuk memerhatikan Mahosadha dan melaporkan apa yang berlaku kepada baginda. Berikut ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku :

1. Seketul Daging

Seekor burung helang membawa terbang seketul daging. Beberapa orang budak lelaki berikhtiar untuk mendapatkan daging itu. Helang itu terbang ke sana ke sini dengan dikejar oleh budak-budak itu. Mereka membalik batu atau benda-benda lain. Ada di antara mereka yang rebah dan terlanggar sesama sendiri. Melihatkan keadaan itu, Mahosadha berkata dia akan membuatkan burung itu menggugurkan daging tersebut. Sambil mendongak naik, dia berlari sepiantas angin dan memijak bayang-bayang burung itu. Dia menepuk tangannya serta menjerit sekuat-kuatnya. Helang itu menjadi takut lantas menjatuhkan daging itu. Sebelum jatuh ke bumi Mahosadha menyambut daging tersebut. Raja mendengar cerita ini. Baginda sangat suka hati, tetapi Senaka yang cemburu itu melarang baginda membawanya ke istana. Senaka takut keistimewaannya akan hilang nanti.

2. Lembu-lembu

Seorang pencuri mencuri beberapa ekor lembu.. Tuan punya lembu itu menangkap pencuri itu. Mereka mula bertengkar; masing-masing mendakwa lembu-lembu itu dia yang punya. Mahosadha menyuruh kedua-dua orang itu berjumpa dengannya. "Apakah makanan dan minuman yang kamu berikan kepada lembu-lembu ini?" Dia bertanya kepada pencuri itu. "Mereka diberi minum bubur beras dan memakan tepung lenga dan kacang merah," jawab pencuri itu. Kemudian Mahosadha bertanya pula kepada tuan punya lembu-lembu itu. Dia menjawab, "Tuan, bagaimanakah seseorang yang miskin seperti saya ini hendak memberi lembu-lembu ini makan bubur beras serta lain-lainnya itu? Saya memberi mereka makan rumput." Mahosadha mengambil biji-biji rumput, digilingnya hingga lumat dan dicampurkan dengan air; kemudian diberinya lembu-lembu itu makan. Selepas memakannya lembu-lembu itu muntah mengeluarkan rumput. Dengan itu merekapun tahulah siapa tuan punya lembu-lembu yang sebenarnya. Kaki dan tangan pencuri itu dipotong.

3. Kalung Benang

Seorang perempuan miskin membuat kalung daripada benang yang beraneka warna. Seorang perempuan lain mencuri kalung itu dan mendakwa ia kepunyaannya. Mereka bergaduh. Mahosadha menyuruh mereka datang berjumpa dengannya. Dia bertanya kepada pencuri itu, "Apakah pewarna yang kamu gunakan untuk kalung ini?" Perempuan itu menjawab dia menggunakan sejenis pewangi yang istimewa lagi mahal. Mahosadha bertanya pula kepada yang seorang lagi. "Macam manalah seorang perempuan yang miskin seperti saya ini hendak menggunakan bau yang begitu mahal? Saya selalu menggunakan bau-bauan daripada bunga sahaja." Mahosadha meletakkan kalung itu ke dalam sebaldi air. Kemudian dia menyuruh seorang penjual minyak wangi menghidu baunya. Dengan segera diketahuinya bahawa bau itu ialah bau daripada bunga. Dengan itu pencuri itu pun ditangkap.

4. Benang Kapas

Satu hari seorang perempuan memintal kapas menjadikan benang halus. Kemudian dililitnya menjadi satu bola. Sewaktu dia sedang mandi, seorang perempuan lain mencurinya dan mengaku bahawa benang itu kepunyaannya. Mereka bertengkar dan Mahosadha menyuruh mereka datang berjumpa dengannya. "Semasa kamu melilit benang ini, apakah kamu bubuh dalamnya?", tanya Mahosadha. "Biji kapas," jawab pencuri itu. Mahosadha berpaling kepada yang seorang lagi dan bertanya soalan yang sama. "Biji timbaru," jawab perempuan itu. Mahosadha membuka lilitan ketul benang itu dan mendapati sebiji timbaru di dalamnya. Pencuri itu terpaksa mengaku kesalahannya.

5. Anak Lelaki

Seorang perempuan mempunyai seorang anak lelaki. Pada suatu hari, ketika dia sedang mandi, datanglah hantu (goblin) mencuri anaknya itu untuk dimakan. Apabila perempuan itu menangkap hantu itu, hantu itu mengatakan bahawa budak itu adalah anaknya. Mereka berkelahi dan Mahosadha menyuruh mereka datang berjumpanya. Dengan senang dia tahu, salah seorang daripadanya adalah hantu, disebabkan matanya yang merah dan tidak berkelip. Kedua-dua perempuan itu berjanji akan mengikut kata-kata Mahosadha. Mahosadha membuat satu garisan di atas lantai dan meletakkan anak itu di tengah-tengah garisan. Dia menyuruh hantu itu menarik tangan budak itu, sementara ibunya menarik kaki. Apabila mereka menarik, anak itu menangis dengan kuatnya kerana kesakitan. Apabila si ibu mendengar anaknya menangis, dengan segera dia melepaskannya lalu berdiri sambil menangis. Hati seorang ibu selalunya memang begitu. Dengan tahulah siapa sebenarnya pencuri. Mahosadha memberitahu hantu itu supaya jangan membuat perkara yang jahat. Oleh kerana dosanya di masa lampau, dia dilahirkan sebagai hantu. Mahosadha mengajar Panca Sila kepada hantu itu. Ibu anak tersebut sangat gembira dan berterima kasih kepada Mahosadha.

6. Bola Hitam

Ada seorang yang bernama Golakala (Bola Hitam). Dia mendapat gelaran ini kerana badannya pendek, tegak dan hitam. Pada suatu hari dia membawa isterinya, Dighatala (Pokok Palma Tinggi), pergi mengunjungi mentuanya dengan membawa makanan sebagai buah tangan. Di pertengahan jalan mereka sampai ke sebatang anak sungai. Mereka takut hendak menyeberangi anak sungai itu kerana pada sangkaan mereka airnya sangat dalam. Seorang miskin yang bernama Dighapitthi (Belakang Panjang) bersetuju menolong mereka menyeberangi sungai itu. Golakala menyuruh Dighapitthi membawa isterinya menyeberangi dahulu. Apabila tiba di tengah-tengah sungai, lelaki itu membengkokkan kakinya berpura-pura mengatakan air di situ sungguh dalam. Golakala fikir airnya betul-betul dalam. Semasa isteri Golakala dan orang itu berada di tengah-tengah sungai, tiba-tiba mereka jatuh cinta. Mereka membuat keputusan hendak lari meninggalkan Golakala di tebing sungai itu. Apabila Golakala menyedari apa yang telah berlaku, dia sungguh marah dan berlari-lari berulang-alik di tebing sungai itu. Kemudian dia berlari ke dalam sungai, tetapi cepat-cepat naik semula kerana takut airnya dalam. Kerana sangat marah dengan kelakuan mereka berdua, akhirnya dia terjun ke dalam sungai itu sambil berkata, "Biarlah, saya hidup atau mati", tetapi didapatinya sungai itu begitu cetek. Oleh itu dia menyeberangi sungai itu dan mengejar isterinya dan Dighapitthi. Orang itu mengaku Dighatala adalah isterinya, lalu mereka pun bergaduh. Mahosadha memanggil mereka bertiga. Ketiga-tiganya berjanji akan mematuhi keputusan yang akan dibuat oleh Mahosadha. Mahosadha memanggil Dighapitthi dan bertanyakan namanya. Selepas itu, dia bertanya nama isterinya; tetapi dia memberi nama yang salah kerana dia tidak tahu. Kemudian Mahosadha bertanya nama ibu bapa isterinya. Sekali lagi dia memberi nama yang salah. Selepas itu Mahosadha memanggil Golakala dan mengemukakan soalan-soalan yang sama. Akhir sekali Dighatala pula dibawa masuk untuk disoal. Mula-mula Mahosadha bertanyakan namanya. Kemudian dia menyoal nama lelaki itu. Oleh kerana tidak tahu, perempuan itu menyebut nama lain. Selepas itu dia bertanya pula nama ibu bapanya dan Dighatala memberi nama yang betul. Tetapi apabila ditanya nama mentuanya, perempuan itu memberi nama-nama yang salah. Kemudian Mahosadha memanggil kedua-dua lelaki tadi ke situ sekali lagi dan bertanyakan orang ramai. "Adakah cerita perempuan ini sama dengan jawapan

Dighapitthi atau Golakala?" "Sama dengan Golakala," mereka menjawab. Oleh itu yang bersalah terpaksa mengaku kesalahannya.

7. Kereta Kuda

Sekarang, Raja Sakka ingin menunjukkan kepada orang ramai keagungan Bodhisatta itu (iaitu Mahosadha). Raja mengambil kereta seorang; menaikinya serta pergi dari situ. Apabila disedari oleh empunya kereta kuda itu, ia pun mengejar Raja Sakka. Tetapi Raja Sakka mengaku kereta kuda itu miliknya, lalu Mereka pun bertengkar. Mahosadha memanggil mereka. Bijaksana itu memang tahu orang itu adalah Raja Sakka kerana keberaniannya dan matanya yang tidak berkelip. Mahosadha berkata, "Sekarang saya akan menyuruh orang memandu kereta kuda ini dan kamu berdua mestilah berpaut di belakang kereta kuda. Orang yang tidak melepaskannya adalah tuan punya kereta kuda ini." Apabila kereta kuda itu mula bergerak, tuannya berlari mengejarnya tanpa berhenti. Mahosadha berkata kepada orang ramai, "Orang ini berlari sekejap sahaja dan melepaskannya; yang seorang lagi terus berlari sehingga berpatah balik. Tiada setitik peluh pun di badannya mulutnya tidak bercungap; dia tidak takut; matanya tidak berkelip - inilah Sakka, raja kepada dewa-dewa." Kemudian Raja Sakka berkata bahawa baginda datang untuk menyebarkan kemasyhuran Mahosadha; tetapi Mahosadha meminta baginda supaya jangan lagi berbuat demikian. Apabila Raja Vedeha mendengar peristiwa ini, baginda sungguh sukacita dan ingin sekali berjumpa Mahosadha, tetapi Senaka berkata, "Ini semua bukanlah perkara yang boleh dikatakan seseorang itu bijaksana. Tunggulah dahulu, Tuanku. Patik akan mengujinya dahulu."

(Setelah Mahosadha menyelesaikan berbagai-bagai masalah dengan cara yang sungguh bijak, keempat-empat bijaksana di istana tersebut masih tidak mahu mengakui bahawa Mahosadha adalah seorang yang pintar. Mereka membuat keputusan untuk mengujinya sendiri.)

8. Tiang

Pada suatu hari, mereka menyuruh seorang tukang kayu memotong dan melicinkan sebatang tiang kayu akasia. Mereka menghantar kayu itu ke Bandar Timur dan berkata, "Carilah sebelah mana bahagian pucuk dan sebelah mana bahagian umbinya. Jika jawapan yang diberikan salah, dendanya ialah 1,000 keping wang." Mahosadha menyuruh orang mengambil sebekas air. Dia mengikat tali di tengah-tengah batang kayu itu. Dia memegang hujung tali itu sambil menurunkan tali itu ke dalam air. Sebelah umbi, lebih berat, tenggelam dahulu. Walaupun jawapan yang betul diberikan, Senaka masih lagi tidak berpuas hati dan memberinya ujian lain.

9.. Tengkorak

Suatu hari, dibawa dua tengkorak, iaitu tengkorak orang perempuan dan tengkorak orang lelaki. Apabila Mahosadha melihatnya, dia tahu jawabannya; kerana, penyambung tengkorak orang lelaki lurus manakala pada tengkorak orang perempuan ianya bengkok.

10. Ular

Pada hari yang lain pula, seekor ular jantan dan seekor ular betina dibawa kepada orang-orang di kampung Mahosadha. Mahosadha memberitahu mereka ekor ular jantan tebal, manakala ekor ular betina nipis. Kepala ular jantan juga lebih tebal, sementara kepala ular betina lebih nipis. Ular jantan mempunyai mata besar, ular betina pula mempunyai mata yang kecil. Ular jantan berkepala bulat, sementara ular betina berkepala pendek.

11. Ayam Jantan

Kemudian pesanan ini pula dihantar kepada orang-orang di Bandar Timur: "Hantar kepada kami seekor lembu jantan yang putih seluruh Badannya, mempunyai tanduk di kakinya, berbonggol di kepalanya dan sentiasa bersuara tiga kali berturut-turut." Mahosadha memberitahu bahawa sebenarnya Raja mahukan ayam jantan putih, katanya, "Binatang ini mempunyai tanduk di kaki, iaitu susuhnya. Bonggol di kepalanya, iaitu balungnya; dan berkokok tiga kali iaitu membunyikan suaranya tiga kali berturut-turut."

12. Permata

Raja Sakka telah memberi Raja Kusa sebiji permata yang mempunyai lapan permukaan. "Talinya telah putus. Tiada siapa yang dapat mencabut tali benang yang lama itu untuk menggantikannya dengan yang baru. Suatu hari, mereka menghantar permata itu ke Bandar Timur. Mahosadha mengambil sedikit madu lebah dan menyapu pada kedua-dua lubang permata itu. Dia kemudiannya menyapu madu di hujung benang bulu dan memasukkan sedikit ke dalam lubang permata itu, kemudian diletakkannya di tempat lalu-lalang semut. Semut-semut, apabila terbau madu, lalu memakan benang yang lama itu; menggigit hujung benang bulu itu dan menariknya ke luar melalui lubang yang sebelah lagi. Setelah selesai, dia memulangkan permata itu kepada Raja.

13. Anak Lembu

Lembu jantan diraja telah diberi makanan dengan banyaknya selama beberapa bulan supaya perutnya menjadi buncit. Kemudian mereka menghantarnya ke Bandar Timur dengan pesanan begini: "Lembu jantan ini mengandung. Ikhtiarkan supaya ia bersalin; kemudian kembalikan bersama-sama dengan anaknya." Orang-orang di kampung Mahosadha menjadi bingung; tetapi Mahosadha menyuruh mereka mencari seorang yang berani untuk bercakap dengan Raja. Mahosadha berkata kepadanya, "Tuan yang budiman, lepaskanlah rambutmu ke atas bahumu dan pergilah ke pintu pagar istana. Menangislah dengan sekuat-kuatnya. Jangan bercakap dengan sesiapa melainkan Raja dan apabila Raja bertanya mengapa kamu menangis katakanlah, "Tuanku, sudah tujuh hari anak lelaki patik sakit perut, tetapi tidak juga melahirkan anak. Tolonglah patik, Tuanku! Beritahulah patik bagaimana hendak membuatkan dia supaya bersalin!" Kemudian Raja akan berkata, "Gila betul kamu ni! Mana mungkin? Orang lelaki tidak boleh melahirkan anak." Lepas itu kamu mesti berkata, "Kalau ini benar, bagaimanalah orang-orang di Bandar Timur hendak membuat lembu jantan diraja Tuanku beranak?" Orang itu menurut segala apa yang telah diajar oleh ahosadha. Setelah Raja mengetahui semuanya itu adalah buah fikiran Mahosadha, baginda sangat sukacita.

14. Nasi

Suatu hari satu pesanan dihantar ke Bandar Timur: "Hantar kepada kami nasi yang telah dimasak dengan lapan syarat: tanpa beras, tanpa air, tanpa periuk, tanpa ketuhar, tanpa api, tanpa kayu api, tanpa menghantarkannya melalui jalan dan bukannya oleh seorang lelaki ataupun perempuan." Mahosadha berkata kepada orang-orangnya, "Ambillah melukut, kerana itu bukan beras; dapatkan salji, sebab itu bukan air gunakan mangkuk tanah liat, sebab itu bukan periuk. Buatlah api dengan geseran, sebabnya ia bukannya api biasa. Gunalah daun-daun kerana ia bukannya kayu api. Apabila nasi kamu sudah masak, masukkan ke dalam periuk lain dan letakkannya di atas kepala seorang pegawai istana yang telah dikasi (pondan) di mana ianya disifatkan bukan lagi lelaki dan bukan juga perempuan. Jangan ikut jalan raya. Ikutlah lorong dan bawakanlah nasi itu kepada Raja." Mereka berbuat demikian dan Raja sungguh suka cita.

15. Pasir

Pada hari yang lain pula, mereka menghantar utusan ini: "Tuanku ingin bersuka-suka di atas buaian, tetapi talinya sudah putus. Buatlah tali baru daripada pasir." Mahosadha memanggil tiga orang yang pintar berbahasa, dan menyuruh mereka pergi mengadap Raja dengan berkata, "Tuanku, orang-orang kampung kami tidak tahu sama ada tali yang Tuanku mahukan itu kecil atau besar. Tolonglah Tuanku hantar sekerat daripada tali yang lama itu untuk dijadikan contoh." Jikalau Raja menjawab, "Tali pasir tidak pernah terdapat di istana beta." Mereka mesti menjawab, "Sekiranya Tuanku tidak dapat membuat tali daripada pasir, bagaimanalah orang-orang di kampung kami hendak membuatnya?" Mereka melakukan apa yang diajar dan Raja sungguh gembira.

16. Kolam

Lagi utusan dihantar: "Tuanku ingin bermain-main di dalam air. Kamu mesti menghantar sebuah kolam baru yang dipenuhi dengan lima jenis bunga teratai." Mahosadha memanggil beberapa orang bijak bercakap dan berkata kepada mereka, "Pergilah bermain di dalam air sehingga mata kamu menjadi merah, kemudian pergi ke pintu istana dengan rambut dan pakaian yang basah serta berlumuran dengan lumpur; kamu bawalah tali, kayu dan segumpalan selut. Biarlah Raja tahu bahawa kamu akan datang, dan bila kamu tiba di hadapan baginda katakanlah kepada baginda, "Tuanku, kami telah membawa sebuah kolam yang istimewa seperti mana yang Tuanku kehendaki, tetapi disebabkan dia biasa dengan kehidupan di dalam hutan, sebaik sahaja dia terpandangkan bandar ini dengan tembok-tembok dindingnya, parit-parit yang mengelilinginya serta menara-menaranya, dia naik takut dan melepaskan diri daripada ikatan ini, dan lari masuk ke dalam hutan. Kami memekungnya dengan selut dan memukulnya dengan kayu, tetapi dia enggan juga ke mari. Tuanku berilah kepada kami kolam yang lama supaya kami boleh ikatkan mereka dan membawa balik yang satu lagi itu." Kemudian Raja akan berkata, "Beta tidak pernah membawa kolam daripada hutan ke mari" Kamu mesti menjawab, " Jika demikian bagaimanalah orang-orang kampung kami hendak menghantar kolam yang dipohon untuk Tuanku?" Mereka menurut segala ajaran Mahosadha dan Raja amat gembira.

17. Taman

Pada hari yang lain pula. Raja menghantar pesanan: " Beta ingin bermain-main di dalam taman yang indah. Taman beta ini sudah lama. Orang-orang di Bandar Timur mestilah menghantar taman yang baru yang dipenuhi dengan pokok-pokok dan bunga-bunga kepada beta." Seperti dahulu juga, Mahosadha menghantar beberapa orang untuk bercakap dengan Raja.

Raja sungguh sukacita, lalu memutuskan untuk berjumpa Mahosadha sendiri dan menyuruhnya datang ke istana. Tetapi di tengah-tengah jalan, kaki kuda baginda terjelus ke dalam satu lubang lalu patah. Raja terpaksa pulang ke istana. Apabila diketahui baginda telah cuba menjumpai Mahosadha, Senaka sungguh gelisah. Pada hari yang lain pula Raja bertanya kepada Senaka, patutkah mereka menyuruh Mahosadha datang. Senaka menjawab, " Usahlah Tuanku berangkat sendiri ke sana, hantarlh seorang sebagai utusan dan katakan, " O bijaksana! Ketika baginda dalam perjalanan ke mari, kuda baginda telah patah kakinya: hantarlh kuda yang lebih baik atau yang paling baik." Kalau dia memilih pilihan pertama dia akan datang sendiri; kalau dia memilih yang kedua dia akan menghantar bapanya."

Mahosadha faham maksud utusan Raja. Dia mempunyai satu rancangan dan menerangkannya kepada bapanya apa yang harus dibuat. Bapanya akan ke istana bersama-sama dengan seribu orang saudagar dan duduk di hadapan Raja. Lepas itu Mahosadha pula akan datang; dan apabila Raja menitahnya supaya dia duduk, dia akan memandangi bapanya. Orang tua itu akan bangun dan membiarkan anaknya duduk di tempatnya. Soalan mereka akan terjawab dengan perbuatan itu. Lepas itu Mahosadha mendapatkan seekor keldai. Dia menyuruh orang mengikat mulut keledai itu supaya ia tidak bersuara. Kemudian mereka memasukkan binatang itu ke dalam karung dan memikulnya ke istana.

Sebagaimana yang dirancangkan, bapa Mahosadha tiba di istana lebih awal dan duduk di hadapan Raja. Bila Mahosadha datang, Raja menitahkan supaya dia duduk. Mahosadha memandangi pada bapanya. Bapanya bangun dan Mahosadha pun duduk di tempat bapanya. Pada waktu itu, para hadirin dan termasuk empat orang bijaksana itu pun bertepuk tangan dan ketawa berdekah-dekah dengan gemuruhnya. Kata mereka, "Inikah dia si bodoh yang dikatakan bijak itu! Dia membuatkan bapanya bangun dari tempat duduknya dan dia sendiri yang duduk di situ!" Raja menjadi sedih. Kemudian Mahosadha bertanya, "Tuanku, adakah Tuanku bersedih?" "Ya, orang bijak, beta sungguh sedih!" "Mengapa Tuanku?" "Sebab kamu telah membuat bapa kamu bangun daripada tempatnya dan kamu duduk di situ." "Apa Tuanku? Adakah Tuanku fikir seorang bapa selalunya lebih baik daripada anaknya?" "Ya." Sekali lagi Mahosadha mengulangi soalnya. "Adakah Tuanku berpendapat seorang bapa sentiasa lebih baik daripada anaknya?" "Ya," jawab Raja lagi. "Bukankah Tuanku menitahkan patik

membawa seekor kuda yang lebih baik atau yang paling baik?" Pada saat itu juga dia menyuruh orang membawa masuk keldai tadi. "Tuanku, berapakah harga keldai ini?" dia bertanya. Raja menjawab, "Kalau ianya berguna harganya hanyalah lapan rupee." "Tetapi jikalau keldai ini mendapat seekor baghal (anak kacukan keldai dengan kuda betina), berapakah harga baghal itu?" "Sudah tentulah tidak ternilai harganya," jawab Raja. "Mengapakah Tuanku berkata demikian? Bukankah baru sekejap tadi Tuanku berkata bapa sentiasa lebih baik daripada anak? Sekarang Tuanku yang mengatakan baghal, iaitu anak lebih bernilai daripada keldai. Orang-orang bijaksana Tuanku telah bertepuk tangan dan mentertawakan patik, sebab mereka tidak tahu hakikat yang sebenarnya. Orang bijak apa ini? Dari mana Tuanku mendapatkan mereka?" Mahosadha meneruskan dengan berkata, "Tuanku, jikalau si bapa lebih baik daripada si anak; ambillah bapa patik berkhidmat dengan Tuanku. Jikalau si anak lebih baik daripada si bapa, ambillah patik ini." Raja sungguh sukacita dan semua hadirin bersorak-sorak serta memuji Mahosadha. Hanya empat bijaksana itu sahaja yang berasa amat gusar dan berdukacita.

Sebenarnya Bodhisatta (Mahosadha) memang tahu betapa tingginya nilai ibu bapa dan tidak dapat dibandingkan dengan sesiapaupun. Beliau sebenarnya bukan bermaksud hendak memperkecil-kecilkan atau memalukan orang tuanya; tetapi semata-mata untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh Raja, serta menghapuskan keangkuhan empat orang bijaksana tersebut. Raja amat gembira. Baginda menghadihkan Bandar Timur kepada Sirivadthaka dan bertitah, "Mulai hari ini, Mahosadha adalah putera beta." Akhirnya Mahosadha mengucapkan selamat tinggal kepada bapanya dan memintanya supaya jangan bimbang.

Kini Raja menguji lagi Mahosadha. Pada masa itu terdapat sebiji permata di dalam sarang burung gagak yang berada di atas sebatang pokok palma. Pokok itu terletak di seberang tasik, berhampiran dengan pintu pagar istana-di sebelah selatan. Bayang permata itu boleh dilihat di dalam tasik. Raja memanggil Senaka dan berkata, "Orang-orang mengatakan ada sebiji permata di dalam tasik ini. Bagaimana hendak kita mengambilnya?" "Cara yang paling baik ialah mengeluarkan semua airnya," jawab Senaka. Beberapa orang pekerja disuruh menimba keluar air dan lumpur, tetapi tiada permata yang dijumpai. Apabila tasik itu dipenuhi dengan air semula, sekali lagi bayang permata itu kelihatan. Dan sekali lagi Senaka berbuat demikian, tetapi masih tidak berjaya mendapatkan permata itu. Kemudian Raja menitahkan Mahosadha mengadap. Dia memerhatikan dengan teliti bayangan permata itu. Dengan sekelip mata Mahosadha tahu bahawa itu hanyalah satu bayangan. Dia mengambil sebaldi air dan berkata, "Sekarang Tuanku lihatlah, bukankah permata ini kelihatan pada kedua-dua baik di baldi ini dan juga di tasik itu?" Mahosadha seterusnya memberitahu Raja di mana permata itu sebenarnya berada. Dia menyuruh Raja menghantar orang untuk memanjat pokok palma itu dan membawa turun permata tersebut. Raja sungguh gembira. Sebagai hadiah, baginda memberi seutas mutiara kepunyaan baginda sendiri kepada Mahosadha.

Suatu hari, tatkala baginda berangkat ke taman bersama Mahosadha, seekor bengkarung yang duduk di bahagian atas pintu pagar yang berbentuk melengkung, turun dan lari di hadapan baginda. Melihat kelakuan aneh binatang itu. Raja bertanya, "Apakah yang ia lakukan itu?" "Memberi penghormatan kepada Tuanku" Mahosadha menjawab. Raja ingin memberi hadiah kepada bengkarung itu; Mahosadha berkata, sekiranya hendak beri hadiah adalah lebih baik beri daging kepadanya. Raja menitahkan orang membawa sekeping daging untuknya setiap hari. Tetapi pada hari Uposatha binatang tidak dibunuh dan orang itu tidaklah dapat memberi daging kepada bengkarung. Oleh itu, orang itu menebuk lubang pada sekeping wang dan mengikatnya di leher bengkarung itu. Ini menjadikan binatang itu sangat megah.

Pada hari itu Raja sekali lagi pergi ke taman. Tetapi apabila bengkarung itu nampak Raja datang, dia berfikir, "Awak memang kaya, Vedeha, tetapi saya pun kaya juga." Oleh yang demikian, dia tidak turun ke tanah, sebaliknya dia berbaring di atas pintu pagar itu sambil menggosokkan kepalanya. Apabila Raja bertanya mengapa, Mahosadha mengetahui sebabnya dan menerangkannya kepada baginda. Baginda sangat murka dan berhajat hendak menamatkan pemberian baginda kepada binatang itu; tetapi Mahosadha berkata, "Adalah tidak bijak berbuat begitu."

Permaisuri Udumbara

Ada seorang pemuda dari Mithila pergi menuntut ilmu di Takkasila. Namanya Pinguttara. Selepas tamat pengajian, gurunya hendak mengahwinkan dia dengan anak perempuannya. Orang muda ini sebenarnya seorang yang tidak bernasib baik; sebaliknya anak perempuan gurunya itu adalah seorang yang bernasib baik. Pinguttara tidak suka kepada gadis itu; tetapi kerana ia menghormati gurunya, dia mengahwininya juga anak gadis gurunya itu. Apabila malam tiba, dia baring di atas katil; apabila gadis itu datang menghampirinya, dia cepat-cepat bangun sambil mengeluh dan baring di atas lantai. Apabila isterinya turun dari katil dan baring di sisinya, dia bangun dan baring di atas katil pula. Oleh hal yang demikian, gadis itu tidur di atas katil sementara dia tidur di atas lantai. Keadaan ini berterusan selama tujuh hari.

Pinguttara akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada gurunya dan membawa isterinya bersama. Sepanjang perjalanan mereka tidak bercakap. Tidak jauh dari Mithila, Pinguttara melihat pokok ara yang berbuah lebat. Dia sungguh lapar dan terus memanjat pokok itu serta memakan buahnya sehingga kenyang. Apabila isterinya yang juga lapar meminta buah ara daripadanya, dia berkata, "Apa! Tidakkah awak mempunyai tangan dan kaki? Panjat dan ambillah sendiri!" Isterinya pun memanjat pokok itu dan memakan buahnya. Tiba-tiba dengan pantas Pinguttara turun daripada pokok ara itu. Dia mengambil reba yang penuh berduri dan meletakkannya di sekeliling pangkal pokok ara itu. Dengan pantas dia berlari dari situ sambil berkata, "Akhirnya dapat juga aku meninggalkan perempuan itu."

Pada petang itu, selepas bersiar-siar dan bersuka-suka di dalam hutan. Raja menunggang gajahnya hendak pulang ke bandar. Tiba-tiba Raja ternampak gadis di atas pokok ara itu dan baginda jatuh cinta padanya. Raja menjadikannya permaisuri baginda dan memanggilnya Udumbara, atau Permaisuri Ara, kerana baginda mula-mula melihatnya di atas pokok ara.

Tidak lama selepas itu, pada suatu petang, sedang baginda berdua menaiki kereta kuda melalui sebatang jalan, tiba-tiba permaisuri ternampak Pinguttara sedang bekerja sebagai buruh membersihkan jalan untuk mereka lalui. Apabila memikirkan betapa beruntungnya baginda, dan betapa pula malangnya nasib Pinguttara, Permaisuri tersenyum.

Apabila Raja melihat permaisuri Udumbara tersenyum, baginda menjadi murka dan ingin tahu sebabnya. Udumbara menjawab, "Tuanku, orang yang sedang membersihkan jalan itu adalah bekas suami patik. Dia menyuruh patik memanjat pokok ara dan meletakkan reba berduri di sekeliling pangkalnya, serta meninggalkan patik diatas pokok itu. Apabila patik ternampak dia, patik tersenyum kerana memikirkan nasib patik sungguh baik, sebaliknya nasibnya sungguh malang." Tetapi Raja tidak mempercayai kata-kata Udumbara, Raja menghunus pedangnya. Permaisuri menjadi takut dan berkata, "Tuanku, tanyalah orang-orang bijaksana Tuanku !" Raja bertanya Senaka sama ada dia mempercayai cerita permaisuri. "Tidak, Tuanku, patik tidak percaya," jawab Senaka. Kemudian Raja pun bertanya kepada Mahosadha yang bijak itu: "Jika seseorang perempuan yang baik lagi cantik, dan seorang lelaki tidak ingin kepadanya adakah kamu mempercayainya, Mahosadha?" "O Tuanku! Saya mempercayainya. Lelaki itu sememangnya seorang yang tidak bernasib baik dan yang bernasib malang sememangnya tidak akan boleh bersama." Apabila Raja mendengar penjelasan ini baginda tidak lagi murka; dengan itu nyawa permaisuri terselamat. Sebagai kenangan pada jasanya, permaisuri menjadikan Mahosadha sebagai adik kandung baginda.

Pada suatu pagi, selepas selesai santapan. Raja terlihat seekor kambing berkawan baik dengan seekor anjing. Tabiat kambing ini ialah memakan rumput yang diberi kepada gajah. Gembala-gembala selalu memukul kambing itu dan menghalaunya dari situ. Seorang daripada gembala gajah memukulnya dengan kayu. Lantarannya belakang kambing itu sungguh sakit dan ia terpaksa baring di tepi dinding istana. Ada pula seekor anjing yang hidup dengan memakan tulang-tulang, kulit dan sisa-sisa makanan

dari dapur istana. Suatu hari, tukang masak mengejar sambil memukul anjing itu dengan tongkat dan membalingkannya dengan batu. Akibatnya kepala anjing itu menjadi bonjol dan salah satu daripada kakinya menjadi tempang. Ia membawa diri dan bersembunyi berhampiran dengan kambing tadi.

Kedua-dua binatang itu meluahkan kesusahan masing-masing. Si Kambing tidak lagi boleh ke kandang gajah manakala Si Anjing tidak dapat lagi ke dapur. Kemudian Si Kambing mendapat satu jalan, "Baiklah tuan, pergilah kamu ke kandang itu. Gembala-gembala di situ tidak mempedulikan kedatanganmu, kerana mereka fikir kamu tidak makan rumput; dan kamu bawalah rumput untuk saya. Saya pula akan ke dapur. Tukang masak juga tidak akan menghiraukan saya kerana fikirnya saya tidak makan daging. Jadi, saya akan membawa daging untuk kamu." "Cadanganmu itu sungguh baik," kata anjing. Dengan persetujuan itu mereka saling tolong-menolong dengan cara tersebut: Si Kambing sentiasa mendapatkan rumputnya, begitu juga Si Anjing beroleh bekalan dagingnya. Raja melihat persahabatan yang aneh di antara kedua-dua binatang itu. Fikir baginda, "Belum pernah beta melihat perkara sebegini. Di sini terdapat dua musuh semula jadi yang bersahabat baik. Beta akan mengemukakan soalan ini kepada orang-orang bijaksana dan biar mereka mencari jawapannya."

Keesokan harinya, Raja mengemukakan soalan begini: "Dua seteru semula jadi sudahpun menjadi sahabat yang tidak dapat dipisahkan. Apakah sebabnya?" Senaka tahu baginda tidak cukup bijak untuk memikirkan jawapan itu sendiri; sudah pasti baginda telah ternampak sesuatu. Tidak seorang pun daripada keempat-empat bijaksana itu dapat mencari jawapannya. Oleh itu Senaka meminta tempoh satu hari untuk mencari jawapannya. Mereka pun pulang ke rumah masing-masing untuk berfikir.

Mahosadha tidak pulang ke rumah sebaliknya ia pergi berjumpa Permaisuri Udumbara dan bertanya, "O Permaisuri! Ke manakah Tuanku pergi kelmarin dan hari ini?" "Berjalan ulang-alik sambil memandang ke luar melalui tingkap itu," jawab Permaisuri. Mahosadha terus ke tingkap itu dan memandang ke luar. Nun di sana dia ternampak perihal Si Kambing dan Si Anjing tersebut. "Saya sudah dapat jawapannya!" fikir Mahosadha dan dia terus pulang ke rumah. Sekarang, keempat-empat bijaksana belum lagi mendapat jawapan. Mereka datang berjumpa Mahosadha di rumahnya, "Kalau saya tidak memberitahu mereka, Raja akan mengetepikan mereka dan menganugerahi saya tapi janganlah dibiarkan si bodoh-si bodoh ini mendapat kesusahan - saya akan memberitahu mereka."

Jadi Mahosadha mencipta empat rangkap kata-kata, yang membolehkan bijaksana-bijaksana itu menjawab teka-teki yang dikemukakan oleh Raja. Dia mengajar Senaka sajak ini:

"Penggemis-penggemis muda serta putera raja suka makan daging kambing; daging anjing mereka tidak makan. Namun begitu, persahabatan boleh wujud di antara kambing dan anjing"

Walaupun berulang-ulang Senaka menghafal sajak ini, dia tidak faham maknanya; tetapi Raja tahu kerana baginda sudah melihat peristiwa. Pukkasa diajar sajak ini:

"Mereka mengambil kulit kambing untuk menutup belakang kuda, tetapi kulit anjing mereka tidak gunakan. Namun begitu, persahabatan boleh terjalin di antara kambing dan anjing."

Pukkasa juga tidak faham rangkai kata ini, tetapi Raja faham. Kawinda pula diajar sajak yang berbunyi:

"Tanduk kambing berpulas-pulas, anjing tidak bertanduk langsung. Yang satu makan rumput, yang satu makan daging. Namun demikian, persahabatan boleh terjalin di antara kambing dan anjing."

Akhirnya Raja bertanya Mahosadha. Dia menjawab:

"Tanpa diketahui, Si Kambing membawa daging untuk Si Anjing, dan Si Anjing pula mengambil rumput untuknya. Raja Vedeha, ketika berada di dalam istana melihat dengan mata baginda sendiri pertukaran makanan di antara anjing dengan kambing!"

Raja tidak tahu bahawa semua bijaksana itu mendapat jawapan mereka daripada Mahosadha. Baginda berkata, "Sungguh beruntung beta mempunyai begitu ramai orang bijak pandai di dalam istana beta ini!" Tetapi Permaisuri Udumbara tahu siapa yang sebenarnya mendapat jawapan yang betul itu. Permaisuri berkata, "Tuanku telah memberi hadiah yang sama nilainya kepada kelima-lima orang; ini bolehlah diumpamakan orang yang tidak tahu membezakan antara kacang pi dengan kacang. Sepatutnya adinda beta yang patut mendapat hadiah yang lebih istimewa." Setelah baginda diberitahu bahawa Mahosadhalah orang yang telah mendapat jawapan itu, baginda amat sukacita dan memberinya hadiah yang lebih besar.

Suatu hari. Raja mengemukakan soalan ini pula: "Menjadi seorang yang bijak tetapi tidak berharta, atau menjadi kaya tanpa kebijaksanaan - beta bertanyakan kamu soalan ini, Senaka: yang mana satu lebih baik?" Soalan begini sudah turun-temurun dipersoalkan dalam keluarga Senaka. Oleh itu dengan segera dia menjawab:

"O Tuanku! Si Cerdik dan Si Bodoh, yang berpelajaran atau yang tidak, semuanya berkhidmat untuk Si Kaya; tak kira sama ada mereka daripada keturunan orang-orang bangsawan atau keturunan biasa. Oleh itu patik berpendapat orang yang kaya lebih baik." Tanpa menyoal yang tiga orang lagi, baginda berpaling ke arah Mahosadha; dan Mahosadha menjawab:

"Si Bodoh melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan berfikir, 'Di dalam dunia ini saya yang lebih baik.' Dia melihat hanya dunia ini tanpa melihat dunia akan datang; dan menerima keburukan daripada kedua-duanya. Oleh itu saya berkata orang yang bijak lebih baik." Senaka berpaling kepada Mahosadha, lalu berkata:

"Pengetahuan, keluarga atau kecantikan tidak membawa kekayaan. Lihatlah pada Si Bodoh Gorimanda yang kaya raya itu. Dia berjaya kerana dia kaya. Oleh itu saya berpendapat, orang yang kaya lebih baik."

Mahosadha menjawab:

"Seseorang yang kurang bijak, sekiranya dia mendapat harta akan dihanyutkan oleh kekayaannya. Apabila dia kehilangan hartanya dia tidak tahu apa yang harus dilakukan. Apabila mendapat keuntungan atau apabila malang menimpa, dia meronta-ronta umpama ikan di bawah panas matahari. Oleh itu saya berkata orang yang bijaksana lebih baik."

Senaka berkata lagi:

"Di dalam hutan, burung-burung datang dari segenap arah mengerumuni pokok yang mempunyai buah yang manis. Demikianlah halnya, apabila seseorang mempunyai banyak harta, ramai orang yang akan datang padanya. Oleh itu saya berkata orang kaya lebih baik."

Mahosadha menjawab:

"Si Bodoh yang berkuasa mendapat kekayaannya dengan mengkhianati orang lain. Ini tidak baik. Tidak kira betapa kuat dia menjerit, mereka akan mengheretnya ke neraka. Oleh itu saya berkata bahawa orang yang bijak lebih baik."

Kemudian Senaka pula berkata:

"Semua anak sungai mengalir masuk ke Sungai Ganges dan hilang nama asalnya. Sungai Ganges pula mengalir ke laut dan tidak lagi dikenali sebagai Ganges. Begitulah dunia ini berpusar pada kekayaan. Oleh itu saya mengatakan orang kaya lebih baik."

Giliran Mahosadha pula menjawab:

"Dia bercakap pasal lautan yang mana ke dalamnya sungai-sungai mengalir masuk. Lautan ini tidak berhenti-henti memukul pantainya dengan ombak, tetapi ia tidak akan dapat melintasi pantainya. Begitulah juga leteran orang-orang bodoh: kekayaannya tidak dapat menandingi orang-orang bijak. Oleh itu saya berkata yang bijak lebih baik."

Senaka:

"Seorang yang kaya dan berpangkat tinggi mungkin tidak boleh mengawal dirinya, tetapi jika ia berkata apa-apa sahajakepada orang lain, kata-katanya diikuti oleh kaum kerabatnya. Tetapi orang bijak tidak boleh berbuat demikian. Oleh itu saya berkata orang kaya lebih baik."

Mahosadha:

"Orang yang bodoh berbohong untuk kepentingan orang lain atau dirinya. Dia akan mendapat malu di hadapan orang ramai, dan selepas mati dia akan menerima seksaan. Dengan itu saya berkata orang yang bijak lebih baik."

Senaka:

"Kalau seseorang itu bijak tetapi tidak mempunyai beras atau makanan dan berada dalam kesempitan, apabila dia berkata sesuatu kaum kerabatnya tidak akan menghiraukannya. Kekayaan bukannya datang daripada pengetahuan. Oleh itu saya berkata orang kaya lebih baik."

Mahosadha:

"Seseorang yang bijak tidak akan berbohong untuk dirinya atau untuk orang lain. Dia dihormati oleh semua orang. Selepas kehidupan ini dia akan menikmati kebahagiaan. Oleh itu saya berkata orang bijak lebih baik."

Senaka:

"Gajah, lembu, kuda, anting-anting berlian, perempuan -semuanya terdapat dalam keluarga orang kaya. Semuanya untuk hiburan orang kaya yang tidak bijaksana. Oleh itu saya berkata orang yang kaya lebih baik."

Mahosadha:

"Si Bodoh yang melakukan sesuatu perbuatan tanpa berfikir terlebih dahulu selalu kerugian. Disebabkan kebodohnya segala peluang yang menguntungkan akan menjadi sia-sia; diibaratkan sebagai ular yang membuang kulit lamanya. Oleh itu saya berkata orang yang bijak lebih baik."

Senaka:

"Patik berlima adalah orang arif dan bijaksana Tuanku; setiap orang berkhidmat untuk Tuanku dengan penuh taat setia. Tuankulah tuan kepada patik sekalian; Sebagai mana Raja Sakka, raja kepada semua makhluk dan raja kepada dewa-dewa. Oleh itu saya berkata bahawa orang yang kaya lebih baik."

Buat kali terakhirnya Mahosadha menjawab:

"Si Kaya yang bodoh hanya merupakan hamba kepada orang yang arif apabila soalan-soalan begini ditanya. Apabila orang yang bijak menjawab dengan penuh kebijaksanaan. Si Bodoh menjadi keliru. Oleh itu saya berkata orang yang bijak lebih baik."

Lepas itu Senaka tidak lagi dapat menjawab dan dia amat dukacita dan sedih sekali.

Mahosadha Dan Amara

Mahosadha sudah genap usia enam belas tahun. Permaisuri Udumbara berfikir, "Adinda beta sudah pun dewasa dan sungguh masyhur. Kita mesti mencari seorang isteri untuknya." Raja turut bergembira mendengar cadangan ini. Tetapi Mahosadha berfikir, "Kalau mereka memilih isteri untuk saya, mungkin tidak akan memuaskan hati saya. Oleh itu saya akan pergi mencarinya sendiri. Mahosadha berpesan kepada Permaisuri jangan beritahu Raja dia akan pergi selama beberapa hari. Setelah mendapat seorang isteri, dia akan kembali.

Mahosadha menyamar diri sebagai tukang jahit dan pergi ke Bandar Utara. Di dalam bandar itu ada sekeluarga peniaga yang mempunyai seorang anak gadis yang cantik dan bijak, bernama Amara. Pada pagi itu dia sedang membawa bubur nasi untuk bapanya yang sedang membajak di ladang. Mahosadha sedang berjalan di situ lalu, mereka pun bertemu. Apabila Amara ternampak Mahosadha, dia berfikir, "Kalau saya dapat berumah tangga dengan lelaki ini, saya akan dapat memanjangkan zuriat keluarga saya." Mahosadha juga nampak tanda-tanda yang boleh membawa tuah kepada gadis itu. Dia membuat keputusan untuk bertanya sama ada dia sudah kahwin atau belum. "Saya akan menyoalnya dengan menggunakan tangan. Kalau dia bijak, dia akan faham," fikir Mahosadha. Sambil berdiri dia menggenggamkan tangannya. Dia faham bahawa Mahosadha bertanya sama ada dia mempunyai suami. Dia membuka tangannya. Kemudian Mahosadha menghampirinya dan bertanya namanya.

Amara : Nama saya Amara.
Mahosadha : O! Amara.
Amara : Begitulah tuan.
Mahosadha : Kamu membawa bubur ini untuk siapa?
Amara : Untuk dewa masa lampau.
Mahosadha : Maksudmu, bapamu, dewa masa lampau.
Amara : Begitulah tuan.
Mahosadha : Apakah kerja bapamu ?
Amara : Dia membuat dua daripada satu.
Mahosadha : Dia sedang membajakkah?
Amara : Begitulah tuan.
Mahosadha : Dan di mana bapa kamu membajak?
Amara : Di tempat orang pergi dan tidak kembali lagi.
Mahosadha : Dia sedang membajak berhampiran tanah perkuburan?
Amara : Begitulah tuan.
Mahosadha : Adakah awak akan datang lagi hari ini?
Amara : Kalau ia datang, saya tidak akan datang; kalau ia tak datang, saya akan datang.
Mahosadha : Saya fikir bapa kamu sedang membajak di tepi sungai, dan kalau banjir datang awak tidak akan ke sana; kalau tidak banjir awak akan ke sana.

Selepas mereka berbual, Amara memberi sedikit bubur kepada Mahosadha. Mahosadha berfikir, "Kalau dia memberi kepada saya tanpa membasuh bekas itu dan tidak memberi saya air untuk membasuh tangan, saya akan pergi dan meninggalkannya." Tapi gadis itu mengeluarkan air daripada bekasnya dan memberi kepada Mahosadha untuk membasuh tangan. Kemudian dia memberi makanan itu kepada Mahosadha. Selepas makan, Mahosadha hendak ke rumahnya. Amara menunjukkan jalan ke rumahnya.

Setibanya di rumah Amara, ibunya menyambut baik kedatangan Mahosadha. Mahosadha mendapati betapa miskinnya keluarga itu, lalu dia berkata, "Ibu, saya seorang tukang jahit. Adakah pakaian yang hendak dibaiki?" "Tidak perlu bayar apa-apa ibu." Jadi perempuan itu pun masuk ke dalam dan mengambil beberapa helai pakaian lama yang sudah carik untuk dibaiki. Kemudian Mahosadha menyuruh perempuan itu memberitahu orang-orang lain di kawasan itu. Sehari suntuk Mahosadha menjadi tukang jahit dan mendapat upah sebanyak seribu keping wang.

Selama beberapa hari Mahosadha tinggal bersama-sama keluarga itu memerhati dan menguji Amara. Suatu hari dia menyuruh Amara memasak makanan untuknya. Dia mengecap makanan itu. Lanya lazat. Tetapi dia berkata makanan itu tidak lazat. Dia meludah keluar dan memarahi Amara. Amara tidak marah, tetapi berkata, "Kalau ia tidak sedap, makanlah kuih yang ini." Dia mengecap kuih itu dan meludah keluar juga. Kemudian dia menggaul makanan dan kuih itu serta melumurkan ke seluruh badan gadis itu. Dia menyuruh gadis itu duduk di muka pintu. Amara mengikut segala perintahnya. Dengan itu Mahosadha pun tahulah bahawa dia tidak megah diri dan berkata, "Ke mari, puan." Dengan segera Amara datang.

Lepas itu Mahosadha memberinya satu lagi ujian. Diberinya sehelai pakaian kepada Amara dan disuruhnya gadis itu memakainya. Kemudian Amara disuruh pergi ke rumah pengawal pintu istana. Mahosadha telah memanggil beberapa orangnya dan berkata kepada mereka, "Saya telah meninggalkan seorang perempuan di rumah pengawal pintu istana. Ambilah seribu keping wang ke sana dan uji dia." Orang-orang itu mengikut apa yang disuruh. Amara menghalau orang-orang itu dengan berkata, "Habuk di kaki tuan saya lebih bernilai daripada wang kamu sekalian!" Mereka mencuba tiga kali tetapi gagal. Akhirnya mereka mengheretnya dengan paksa ke tempat Mahosadha yang ketika itu tidak lagi menyamar diri sebagai tukang jahit.

Amara tidak kenal bahawa pemuda itu adalah Mahosadha. Dia tersenyum dan menangis di waktu yang sama. Mahosadha bertanya mengapa dia berkelakuan begitu. Jawabnya, "Tuan, saya tersenyum bila melihat betapa kacak dan gagahnya diri tuan. Saya fikir ini tentu disebabkan perbuatan-perbuatan baik yang tuan lakukan di masa lampau. Saya menangis bila mengenangkan bahawa tuan akan ke neraka kerana cuba melakukan perbuatan yang keji ini kepada saya." Mahosadha pun tahulah bahawa gadis itu sungguh suci. Lepas itu dia memakai pakaian buruknya dan pulang ke rumah gadis itu.

Keesokan paginya, Mahosadha kembali ke istana dan memberitahu segala yang berlaku kepada Permaisuri Udumbara; kemudian permaisuri memberitahunya pula kepada Raja. Segala persiapan diatur untuk perkahwinan mereka. Penduduk di bandar itu sungguh gembira. Mereka memberi banyak hadiah. Amara membahagikan hadiah-hadiah itu kepada dua bahagian. Setengah daripada hadiah yang diberi oleh Raja, diberinya balik kepada baginda dan separuh daripada yang diberi oleh orang ramai dikembalikan kepada mereka. Dengan cara ini dia telah memikat hati semua orang. Mulai saat itu mereka berdua hidup dalam penuh kebahagiaan.

Kini, setelah mendapat isteri yang cantik, Senaka bertambah-tambah dengki kepada Mahosadha. Dia telah membuat satu rancangan jahat bersama kawan-kawannya yang tiga orang lagi itu supaya Mahosadha mendapat kesusahan. Senaka menerangkan rancangan jahatnya itu: "Saya akan mencuri intan berlian daripada mahkota diraja; kamu, Pukkasa, ambil rantai leher emas baginda; kamu, Kavinda, ambil jubah benang bulu baginda; dan kamu Devinda, ambil sepatu emas baginda." Senaka memasukkan intan permata itu ke dalam sebuah belanga yang berisi buah kurma, dan menyuruh seorang gadis hamba membawanya ke rumah Mahosadha untuk dijual. "Jika ada orang lain yang bertanya, janganlah dilayan; berikan periuk yang berisi kurma itu hanya kepada orang-orang di rumah Mahosadha sahaja, "itulah pesannya.

Amara nampak gadis hamba itu membawa sebuah periuk sedang menunggu di luar rumahnya. Dia mengesyaki sesuatu. Dia membeli kurma itu dan menyuruh gadis itu masuk ke dapurnya mengambil sebiji bekas untuk mengisi kurma itu. Sementara itu Amara melihat dalam periuk itu dan ternampak intan permata di dalamnya. Apabila gadis itu keluar dari dapur, Amara bertanya siapa yang menyuruh ia menghantarnya ke situ. Dia berkata Senaka yang menyuruhnya. Amara menyuruh gadis itu pulang. Kemudian dia membuat catatan di atas sehelai daun, "Pada hari sekian, Senaka telah menghantar intan permata daripada mahkota Raja sebagai hadiah melalui seorang gadis yang namanya sekian."

Pukkasa menghantar seutas rantai emas yang disembunyikan di dalam sebuah kotak berisi bunga melur. Kavinda menghantar jubah bulu yang disembunyikan dalam bakul berisi sayur-sayuran. Devinda mengirim sepatu emas yang dibalut dengan jerami padi. Amara menerima kesemuanya sambil membuat catatan di atas daun. Kemudian keempat-empat orang tua itu menyembah kepada Raja bahawa Mahosadha telah mencuri barang-barang itu dari istana. Apabila Mahosadha diberitahu bahawa Raja sangat murka, dia tahu apa yang sebenarnya telah terjadi. Lain dia menyamar diri sebagai pembuat periuk belanga dan pergi ke Bandar Selatan.

Selepas empat bijaksana itu mengetahui bahawa Mahosadha telah meninggalkan bandar, setiap orang daripada mereka menulis surat kepada Amara : dengan berkata: "Tidak mengapa, bukankah kami semua ini orang bijak pandai?" Amara membalas surat mereka dan menyuruh mereka datang ke rumahnya. Setelah mereka datang, dia telah mencukurkan mereka. Kemudian mereka dipukul dan digulung di dalam tikar. Lepas itu mereka dibawa bersama dengan barang-barang yang telah dicuri pergi menghadap Raja. Amara berkata kepada Raja, "Tuanku, Mahosadha bukanlah seorang pencuri. Inilah pencuri-pencuri itu." Kemudian dia menunjukkan keempat-empat helai daun yang telah digunakan sebagai catatannya. Raja naik bingung. Oleh kerana tiada orang cerdik pandai untuk menasihati baginda, keempat-empat bijaksana itu disuruh pulang sahaja.

Kini, dewi yang menghuni di payung diraja itu menjadi hairan, kenapa dia tidak lagi mendengar suara Mahosadha. Apabila mengetahui sebabnya, dia berazam untuk membawa Mahosadha pulang. Oleh itu, pada suatu malam dia telah menjelma di hadapan Raja dan mengemukakan empat soalan. Raja tidak dapat menjawabnya dan memanggil keempat-empat orang bijaksana itu. Mereka tidak berani datang ke istana kerana kepala mereka botak. Oleh itu Raja menghantar empat biji topi kepada mereka. Apabila mereka datang. Raja menyoal mereka soalan-soalan itu, tetapi tiada seorang pun yang dapat menjawabnya.

Malam itu sekali lagi dewi itu menjelma dan bertanya sama ada Raja telah mendapat jawapannya. Raja menjawab keempat-empat bijaksana itu juga tidak boleh menjawabnya. Dewi itu berkata, "Apalah yang awak tahu? Hanya Mahosadha yang dapat menyelesaikannya. Kalau kamu tidak membawanya kembali, saya akan belah dua kepala kamu dengan pedang ini !" Raja amat takut. Dewi itu berkata, "Oh !Raja, jika kamu mahukan api, janganlah meniupkan kunang-kunang, dan bila kamu perlukan susu, janganlah memerah tanduk!"

Pada keesokan harinya. Raja masih berada dalam ketakutan. Baginda menghantar empat orang dengan empat buah kereta kuda menuju keempat-empat arah bandar untuk mencari Mahosadha. Orang yang pergi mengikut arah pintu pagar selatan telah menjumpai Mahosadha yang menyamar sebagai tukang periuk. Mahosadha menjadi seorang tukang membuat periuk dan meninggalkan istana supaya orang tidak menuduhnya yang dia ingin berkuasa dan mengambil alih tempat Raja. Orang itu menerangkan berkenaan dengan soalan-soalan dewi itu. Sekembalinya ke istana, orang itu memberitahu Raja bahawa Mahosadha telah menjadi seorang tukang periuk. Raja berfikir, "Seandainya dia musuh beta, tentu dia akan datang bersama dengan ramai pengikutnya. Jadi dia sebenarnya bukan musuh beta."

Setelah pulang ke rumah, Mahosadha mandi, menyalin pakaiannya dan pergi menghadap Raja. Raja pun menyoal soalan-soalan dewi itu, yang berbunyi sedemikian, "Dia memukul dengan tangan dan kakinya, dia menampar muka; tetapi dia lebih bernilai daripada seorang suami." Mahosadha menjawab, "Dengar Tuanku! Apabila seorang anak berada dalam dukungannya dia melonjak-lonjak keriangannya, memukul-mukul ibunya, menarik rambutnya, menumbuk mukanya; si ibu akan berkata, 'Budak jahat ni, mengapa pukul ibu!' Dan dengan penuh kasih sayang dia akan mendakap bayi itu erat-erat ke dadanya dan menciumnya. Pada ketika itulah anaknya itu menjadi lebih bermakna baginya daripada suaminya."

Apabila dewi yang berada di payung itu mendengar jawapan Mahosadha, dia berkata dengan suara yang lemak merdu, "Soalan ini dijawab dengan tepat."

Kemudian Raja mengemukakan soalan kedua; "Dia memarahinya, tetapi inginkan si dia itu berada di sisinya selalu; tetapi dia, lebih bermakna daripada seorang suami !" Mahosadha menjawab, Tuanku, seorang kanak-kanak yang berumur tujuh tahun, yang sudah boleh disuruh oleh ibunya, apabila disuruh ke ladang atau ke pasar, dia akan berkata, 'Kalau ibu memberi saya kuih itu, saya akan pergi.' Ibunya berkata, 'Ini dia anakku, ambillah' Tetapi selepas memakannya dia akan berdalih dan mengejek ibunya kerana tidak mahu membuat kerja tersebut. Si ibu akan naik radang, lalu mengambil ranting kayu dan memukulnya. 'Pergilah! Keluar! Biar penjahat memukulmu sehingga lumat!' Dengan itu dia betul-betul memarahinya. Tetapi apa yang mulutnya telah katakan amat berbeza dengan hatinya yang sebenar. Dia inginkan anaknya sentiasa di sampingnya selalu. Selepas lari dari rumah, anaknya itu takut hendak pulang dan tinggal di rumah saudara-maranya. Si ibu akan sentiasa memerhati jalan dan menunggu kepulangan anaknya. Dengan hati yang pilu dan air mata berlinangan, si ibu akan mencari anaknya sehingga jumpa. Apabila bertemu anaknya, dia akan berkata, 'Adakah kamu mengambil kira kata-kata ibu itu?' Demikianlah Tuanku, kasih sayang seorang ibu kepada anaknya walaupun ketika dia sedang marah."

Kemudian Raja menyoal pula soalan ketiga: "Dia memarahinya tanpa sebab, dan tanpa sebab juga dia naik marah; tetapi dia lebih bermakna daripada seorang suami." Mahosadha menjawab, "Tuanku, apabila dua kekasih sedang berdua-duaan di tempat yang sunyi, salah seorang akan berkata, "Awak tidak kasih kepada saya, saya tahu, hati awak berada di tempat lain!" Sesungguhnya segala kata-kata ini tidak benar dan tanpa sebarang sebab. Selepas itu mereka menjadi bertambah erat."

Akhirnya Raja mengemukakan soalan yang keempat: "Mereka mengambil makanan, minuman, pakaian dan tempat perlindungan; tetapi mereka lebih bermakna daripada seorang suami." Mahosadha menjawab, "Tuanku, orang-orang ini adalah orang-orang alim. Orang-orang yang mempercayai akan kehidupan masa kini dan kehidupan yang akan datang, akan memberi sedekah kepada mereka. Apabila orang-orang alim ini menerima pemberian penderma-penderma, akan bergembira dan menyayangi mereka serta berkata, "Kepada kita mereka datang untuk meminta sedekah dan makanan kita mereka makan." Oleh yang demikian, mereka mengambil apa yang diberi. Mereka adalah penting kepada orang ramai."

Setelah semua soalan dijawab oleh Mahosadha, dewi itu sungguh gembira. Dia memberinya sebuah peti yang berisi tujuh jenis barang-barang yang bernilai. Raja juga telah menganugerahkan pangkat Ketua Turus Angkatan Tentera kepada Mahosadha.

Mahosadha Dan Kevatta

Selepas Mahosadha diberi pangkat sebagai Ketua Turus Tentera, keempat-empat orang bijaksana itu menjadi bertambah-tambah hasrat dengkinya dan sekali lagi membuat rancangan supaya Mahosadha mendapat kesusahan. Senaka memberi cadangannya, "Marilah kita pergi menyoalnya, "Kepada siapakah boleh kita memberitahu sesuatu rahsia?" Kalau dia berkata, "Tidak boleh memberitahu sesiapa pun," kita akan menyembah kepada Raja yang dia itu seorang pembelot." Rancangan Senaka berjaya. Dia mengadu kepada Raja bahawa Mahosadha adalah seorang pembelot.

Suatu hari, sewaktu kelima-lima orang cerdik pandai itu berbual-bual. Raja bertitah, "Kalau seseorang isteri itu baik, setia, penyayang dan taat kepada suaminya, sesuatu rahsia sama ada baik atau buruk harus diberitahu kepadanya."

Senaka : Kalau seseorang menolong orang sakit, dan pesakit itu bergantung kepada sahabatnya itu, sesuatu rahsia sama ada baik atau buruk, patut diberitahu kepada sahabatnya itu.

Pukkasa : Tua atau muda, atau pertengahan umur, kalau seseorang saudara lelaki itu baik dan boleh dipercayai, sesuatu rahsia, boleh diberitahu kepadanya, tidak kira sama ada rahsia itu baik atau buruk.

Kavinda : Apabila seseorang anak lelaki cerdik dan mendengar cakap bapanya, iaitu seseorang anak yang soleh, sesuatu rahsia boleh diberitahu kepada anaknya itu, tidak kira sama ada rahsia itu baik atau buruk.

Devinda : Jika seseorang ibu menunjukkan penuh kasih sayang kepada anaknya, si anak boleh memberitahu sesuatu rahsia kepada ibunya tak kira sama ada baik atau buruk.

Tetapi apabila Raja bertanya kepada Mahosadha, dia berkata :

"Adalah amat baik kita menyimpan satu-satu rahsia. Tidak baik membocorkan rahsia kalau seseorang bijak pandai belum lagi melakukan sesuatu, dia tidak akan menceritakannya kepada orang lain. Hanya selepas dia melakukannya barulah dia memberitahu orang sekiranya dia suka."

Mendengar kata-kata Mahosadha itu, Raja berdukacita. Baginda tahu tentu semuanya adalah rancangan jahat empat orang tua itu. "Yang satu berkata ia harus diberitahu kepada kawan, satu kepada saudara, satu kepada anak lelaki dan satu lagi kepada emak. Pasti mereka telah melakukan atau melihat sesuatu. Atau, beta fikir, mereka telah mendengar orang lain menceritakan apa yang mereka lihat. Baiklah, beta akan mencari jawapannya hari ini!"

Biasanya, selepas meninggalkan istana, keempat-empat bijaksana itu akan duduk di atas sebuah kotak yang panjang sambil berbincang rancangan mereka. Pada hari itu, Mahosadha bersembunyi di bawah kotak itu. Ketika itu, mereka telah berjaya meyakinkan Raja yang mana Mahosadha merupakan seorang pembelot. Raja telah memberi pedang kepunyaan baginda sendiri kepada mereka untuk membunuh Mahosadha. Selepas meninggalkan istana, mereka duduk di atas kotak panjang itu dan masing-masing bertanya mengenai apa yang mereka cakapkan di istana.

Senaka membocorkan rahsianya, "Saya telah membawa seorang perempuan jahat ke kebun pokok sal dan membunuhnya untuk mengambil barang-barang kemasnya. Barang-barang itu ada saya simpan dalam satu bungkusan yang digantung kepada gading gajah dalam sebuah bilik di rumah saya. Tetapi saya tidak boleh lagi memakai barang-barang itu sehingga pembunuhan itu dilupai. Saya memberitahu perbuatan ini kepada seorang kawan. Dia tidak membocorkan kepada sesiapa. Itulah sebabnya saya berkata rahsia boleh diberitahu kepada kawan."

Tiba giliran Pukkasa pula memberitahu rahsianya. "Di peha saya terdapat satu tompok kusta. Tiap-tiap pagi adik lelaki saya membasuh dan membubuh ubat untuk saya. Dia tidak pernah memberitahu sesiapa perkara ini. Kadang kala, apabila Raja letih, baginda akan baring dan meletakkan kepala baginda di atas peha saya. Kalau baginda dapat tahu tentang penyakit saya, baginda akan membunuh saya. Tiada siapa yang tahu melainkan adik saya. Itulah sebabnya saya berkata rahsia boleh diberitahu kepada adik beradik lelaki."

Kevinda pula menerangkan rahsianya. "Pada hari pertama tiap-tiap bulan, hantu yang bernama Naradeva akan masuk ke dalam tubuh saya, membuatkan saya menyalak seperti anjing. Saya memberitahu anak lelaki saya hal ini. Apabila didapati saya menjadi anjing gila, dia akan mengunci semua pintu dan membiarkan saya di dalam bilik. Kemudian dia akan mengadakan keramaian untuk menghilangkan suara saya. Itulah sebabnya saya berkata rahsia boleh diberitahu kepada anak lelaki."

Akhir sekali tiba giliran Devinda menerangkan rahsianya. "Saya seorang pemeriksa barang-barang kemas Raja. Saya telah mencuri sebiji permata bertuah, iaitu hadiah Raja Sakka kepada Raja Kusa. Saya

memberikannya kepada ibu saya untuk disimpan. Sebelum datang ke istana, dia akan memberi kepada saya untuk dipakai. Disebabkan oleh permata itu, nasib saya selalu baik. Raja sentiasa menegur saya dahulu. Tiap-tiap hari baginda memberi wang kepada saya. Kalaulah baginda tahu yang saya mengambil permata itu, tentulah mati saya! Itulah sebabnya saya berkata sesuatu rahsia boleh diberitahu kepada seorang ibu.

Mahosadha mendengar semuanya dengan berhati-hati dan mengingati rahsia-rahsia mereka. Sementara itu, di istana, Udumbara telah dapat tahu Raja menitahkan supaya Mahosadha dibunuh. Permaisuri secara diam-diam menulis sepucuk surat kepada Mahosadha menerangkan apa yang didengarnya daripada Raja. Awal-awal pagi lagi, keempat-empat bijaksana itu menunggu kedatangan Mahosadha, tapi Mahosadha tidak juga tiba. Setelah matahari terbit, Mahosadha pergi ke istana dengan sekumpulan orang.

Apabila Raja bertanya mengapa dia tidak ke istana pada hari sebelumnya, Mahosadha berkata dia telah mendengar rahsia yang Raja telah beritahu kepada Permaisuri Udumbara. Raja murka lalu memandang permaisuri. "Mengapakah Tuanku murka kepada permaisuri? Patik tahu segala-galanya, izinkan patik menceritakan segala rahsia empat orang bijaksana ini." Setelah mendengar semua rahsia mereka baginda sungguh murka. Kemudian sambungnya, "Itulah sebabnya patik mengatakan seseorang tidak seharusnya memberitahu rahsia kepada sesiapa jua. Orang yang memberitahu rahsianya kepada orang lain akan mendapat kesusahan kelak." Raja menitahkan supaya empat bijaksana dibunuh, tetapi Mahosadha berkata mereka adalah penasihat baginda yang telah lama berkhidmat. Dia memohon agar Raja mengampunkan mereka. Kemudian Raja hendak menghalau mereka pula, tapi Mahosadha meminta Raja supaya jangan berbuat demikian serta memberi balik pangkat mereka.

Selepas peristiwa ini, Mahosadha telah menasihati Raja dalam banyak hal. Dia diumpamakan sebagai payung mahkota. Dia membina banyak tembok dan terusan di sekeliling kota untuk mempertahankannya daripada musuh. Kolam-kolam juga digali untuk menyimpan air. Makanan pun banyak disimpan. Selepas itu dia telah menghantarkan seratus satu orang askar, membawa hadiah-hadiah ke seratus satu kota untuk disampaikan kepada raja-rajanya. Dia berpesan kepada mereka supaya berkhidmat dengan raja-raja itu dan menggembirakan mereka. Mereka mesti mendengar raja-raja itu dan melaporkan kepada Mahosadha.

Di dalam sebuah kerajaan yang bernama Ekabala, Raja Sankhapala sedang mengumpul senjata dan memperbesarkan tenteranya. Mahosadha menghantar burung kakak tuanya yang pandai bercakap pergi merisik apakah rancangan raja itu. Dalam perjalanan pulang, burung itu tiba di Uttara-pancala dalam negeri Kampila yang diperintah oleh Raja Culani Brahmadata. Penasihat raja itu ialah seorang Brahmin yang bijak bernama Kevatta. Suatu pagi, Kevatta dengan penuh rahsia menyembah kepada Raja satu rancangan untuk menakhluk seluruh negeri India yang diperintah oleh seratus satu orang Raja. Burung itu mendengar rahsia tersebut dan menjatuhkan seketul tahinya ke atas Kevatta. "Apa ni?" Kevatta menjerit sambil mendongak ke atas dengan mulut yang luas ternganga; kemudian burung kakaktua itupun menjatuhkan seketul lagi tahi ke dalam mulutnya. Ia cepat-cepat terbang lari dari situ dan pulang memberitahu Mahosadha berkenaan rancangan Kevatta.

Rancangan Kevatta ialah untuk menjemput kesemua seratus satu orang raja dari seluruh India ke satu majlis jamuan minuman dan meracuni mereka semua. Mahosadha pula membuat rancangan untuk menyelamatkan mereka. Dia menghantar sepuluh ribu orang askar ke majlis jamuan Raja Culani dan berpesan: "Sebelum sesiapa duduk di atas kerusi yang dihaskan untuk raja-raja itu, kamu mesti duduk di sebelah Raja Culani dan berkata, 'Ini untuk Raja kami. Kecuali Culani, tiada Raja yang lebih agung daripada Raja kami! Kalau kami tidak mendapat kerusi, kami tidak akan membenarkan kamu makan atau minum! Kemudian buatlah bising dan lari ke sana sini. Pecahkan semua periuk belanga dengan tongkat kamu serta lemparkan makanan di merata-rata tempat supaya tidak lagi boleh dimakan. Menjeritlah sambil berkata, " Kami adalah orang-orang Mahosadha dari Mithila. Tangkaplah kami jika dapat !" Selepas itu pulanglah ke mari." Askar-askar itu menjalankan rancangan Mahosadha.

Setelah rancangan Raja Culani untuk meracuni raja-raja lain itu gagal, baginda sangat murka dan bertekad untuk menyerang Mithila dengan seratus orang raja dengan satu angkatan tentera yang amat besar. Baginda berkata, " Sahabat-sahabatku, marilah kita ke Mithila dan potong kepala Raja Vedeha!" Semasa Raja Culani dan tenteranya menghampiri Mithila, pengintip-pengintip melaporkan kepada Mahosadha di mana mereka sedang berada. Apabila sudah menghampiri, Mahosadha menyuruh orang-orangnya supaya jangan risau, tetapi sebaliknya bersuka-ria dengan minuman, nyanyian dan tarian. Raja Culani berasa hairan lalu menghantar pengintip untuk menyiasat apa yang sedang berlaku. Rancangan Mahosadha telah berjaya. Pengintip telah melaporkan kepada Raja Culani, di masa mudanya Raja Mithila mempunyai suatu niat untuk mengadakan satu pesta sekiranya semua raja di India menyerang kotanya, dan sekarang hajatnya telah terkabul. Ini membuatkan Raja Culani sungguh murka. Baginda menitahkan askar-askarnya menyerang kota itu.

Askar-askar Raja Culani menyerang Mithila tetapi mereka telah dikalahkan kerana bandar itu mempunyai pertahanan yang kuat. Mereka tidak dapat masuk. Kemudian Kevatta menerangkan kepada Raja, "Kota ini mendapat bekalan air dari luar, kita akan potong bekalan airnya. Apabila mereka kehabisan air, mereka akan membuka pintu pagar." Pengintip Mahosadha menulis perutusan di atas sehelai daun, mengikatnya pada sebatang panah dan memanah kepadanya. Mahosadha telah menggunakan buluh yang diisikan dengan lumpur dan ditanam dengan pokok teratai di dalam rongga buluh itu. Buluh-buluh itu sangat panjang, maka batang lembayung-lembayung itu juga turut tumbuh menjadi panjang. Dia menyuruh orang mencabut pohon-pohon teratai itu dan melemparkannya ke luar tembok kota sambil berteriak, "Ambilah ni, pakai bunganya dan makanlah batangnya!" Apabila dilihat lembayung yang begitu panjang batangnya. Raja Culani sangka Mithila mempunyai banyak kolam yang dalam.. Mahosadha juga menghantar perisiknya memberitahu Raja itu bahawa lembayung itu diambil cuma di pinggir kolam sahaja. Oleh yang demikian. Raja Culani membatalkan rancangannya untuk memotong bekalan air ke situ.

Kevatta kemudiannya menasihati Raja supaya memutuskan bekalan makanan. Mahosadha menanam padi di atas tembok kota. Apabila sudah cambah. Raja Culani diberitahu mereka mempunyai terlalu banyak padi di kota itu sehinggakan sesetengahnya terpaksa dibuang ke luar kota. Seseengah daripada padi itu jatuh dan tumbuh di atas tembok itu. Selepas itu Kevatta menyuruh Raja memutuskan bekalan kayu api mereka. Mahosadha mengarahkan orang-orangnya menimbun kayu api biar tinggi sehingga Raja Culani dapat melihatnya dari luar kota itu. Dia menghantar orang memberitahu Raja Culani bahawa dia mengetahui rancangan musuh itu dan telah mengumpul banyak kayu api. Akhirnya Raja Culani meninggalkan semua rancangannya dan hendak berangkat pulang. Tetapi Kevatta mengatakan dia mempunyai satu cadangan lain.

Cadangan Kevatta ialah untuk mengadakan "Peperangan Undang-Undang". Inilah rancangannya: "Tuanku, tiada siapa yang akan berperang. Kedua-dua orang bijaksana daripada kedua-dua orang Raja akan bertemu di satu tempat, dan sesiapa yang memberi hormat dahulu akan ditawan. Mahosadha tidak tahu rancangan ini. Patik lebih tua daripadanya, dan apabila dia melihat patik dia akan memberi hormat terlebih dahulu. Kemudian kita akan tawan Vedeha." Tetapi tanpa pengetahuannya, pengintip-pengintip membawa pulang berita ini kepada Mahosadha.

Mahosadha bersetuju dengan "Peperangan Undang-Undang" itu. Dia tahu Kevatta adalah seorang yang tamak, oleh itu dia telah membawa sebiji permata yang besar lagi berat. Apabila bertemu Kevatta, Mahosadha berkata, "Ambilah permata yang hamba telah bawa untuk tuan ini." Dia meletakkan permata itu di atas tangan Kevatta, tetapi permata yang berat itu jatuh ke lantai. Dengan segera Kevatta tunduk hendak mengambilnya. Pada saat itu juga Mahosadha meletakkan sebelah tangannya di atas bahu Kevatta dan yang sebelah lagi di atas peha serta menekannya turun sambil dia berkata dengan lantang, "Bangunlah tuan guru, bangun. Hamba lebih muda daripadamu, cukup muda sesuai menjadi cucumu. Janganlah memberi hormat pada hamba!" Berulang-ulang Mahosadha berkata sambil menekan kepala

Kevatta ke lantai. Kemudian dia memegang leher Kevatta dan menolaknya dengan kuat. Orang tua itu lari ketakutan. Apabila Raja Culani dan raja-raja lain nampak Kevatta memberi hormat kepada Mahosadha, mereka semua menjadi takut dan lari ke arah Uttara-pancala.

Dengan pantas Kevatta meloncat naik ke atas kuda, menunggangnya mengikuti askar-askar, sambil menjerit-jerit semuanya itu adalah satu tipu helah. Akhirnya raja-raja itu berpatah balik. Pada masa itu, sekiranya setiap orang askar itu mengambil segenggam tanah seorang, mereka akan dapat memenuhi terusan-terusan di keliling Mithila. Mahosadha sedia maklum hakikat ini dan mempunyai rancangannya sendiri. Dia memanggil Anukevatta dan menyuruhnya menunggu sehingga beberapa orang askar musuh itu datang menghampiri kota. Ia hendaklah mengedarkan makanan kepada mereka, dan menerangkan bagaimana hendak menawan kota itu. Askar-askar Mahosadha kemudiannya akan menangkap Anukevatta dan berpura-pura memukulnya. Selepas itu dia akan diikat dengan tali dan dihulur turun melalui tembok kota itu ke tempat raja-raja berada dengan berkata, "Pergilah pembelot" Anukevatta hendaklah pergi menghadap Raja Culani dan menerangkan cara yang paling baik untuk menyerang kota Mithila dan menunjukkan kepada tenteranya satu jalan di atas sebuah terusan di luar tembok kota itu.

Rancangan itu berjaya dan Anukevatta membawa askar-askar musuh ke tempat di mana terdapat ular dan buaya. Mereka dipanah, ditikam dengan lembing dan tombak oleh askar-askar yang berada di atas tembok kota itu. Selepas itu askar-askar itu tidak lagi berani datang berhampiran Mithila. Anukevatta memberitahu Raja Culani bahawa Kevattalah pembelot yang sebenarnya, kerana dia telah mengambil permata daripada Mahosadha dan memberi hormat kepadanya. Anukevatta menegaskan kepada Raja Culani adalah lebih baik baginda menyelamatkan diri sebelum Mahosadha menghantar askar-askarnya keluar. Raja Culani menurut nasihat Anukevatta dan kembali ke Uttara-pancala. Apabila dilihat oleh raja-raja yang lain, mereka pun ikut melarikan diri pulang ke Uttara-pancala. Kemudian Mahosadha menghantar orang-orangnya pergi memungut semua barang bernilai yang ditinggalkan oleh raja-raja itu dan askar-askar mereka. Semenjak hari itu, orang-orang di Mithila mempunyai banyak emas.

Terowong

Setelah gagal menakluki Mithila, Raja Culani pulang ke Uttara-pancala bersama-sama seratus satu orang raja tersebut. Satu tahun telah berlalu. Suatu hari, Kevatta menilik dirinya di dalam cermin dan melihat parut di dahinya. "Ini ialah perbuatan anak petani itu, dia telah menjadikan saya bahan ketawa di hadapan raja-raja itu," fikirnya. Satu rancangan timbul pada fikirannya lalu dia mempersembhkannya kepada Raja.

Raja Culani mempunyai seorang puteri yang cantik bernama Pancala-candi. Tujuan Kevatta ialah untuk membuat Raja Vedeha jatuh cinta kepada tuan puteri serta ingin mengahwininya. Selepas itu mereka akan membunuh Vedeha dan menawan Mithila. Raja Culani menghantar sekumpulan pemuzik dan penyanyi ke Mithila untuk mendendangkan tentang kecantikan Puteri Pancala-candi. Selepas mendengar lagu-lagu itu, Raja Vedeha memanggil mereka ke dalam istana dan bertanya tentang tuan puteri itu.

Pemain-pemain muzik dan penyanyi pulang ke istana melaporkan kepada Raja Culani apa yang telah terjadi. Rancangan Kevatta yang selanjutnya ialah membawa hadiah untuk Raja Vedeha dan berbaik-baik dengan baginda. Mahosadha tidak suka kepada helah ini. Oleh itu dia membina pagar kayu di kedua-dua belah jalan dari pintu pagar kota ke istana dan dari istana ke rumahnya. Pagar-pagar itu dihiasi dengan gambar-gambar serta digantung dengan bendera dan panji-panji. Apabila Kevatta datang, dia fikir bandar itu dihiasi untuknya; tetapi sebenarnya tujuan utama ialah supaya dia tidak dapat melihat seluruh kota Mithila.

Kevatta tiba di Mithila dan pergi menghadap Raja Vedeha. Raja menerima hadiah dan menyuruh Kevatta berkawan baik dengan Mahosadha serta pergi menjemputnya di rumahnya. Mahosadha tahu Kevatta akan datang. Dia menyuruh orang-orang gajinya memberitahu Kevatta supaya tidak bercakap ketika berada di

dalam rumahnya. Ini disebabkan Mahosadha telah makan terlalu banyak minyak sapi dan tidak mahu bercakap banyak. Oleh itu Kevatta pergi ke rumah Mahosadha, tetapi gagal membawanya ke istana. Mahosadha tidak bercakap walau sepetah pun dengannya.

Raja sudah jatuh cinta dengan Puteri Pancala-candi. Keempat-empat bijaksana juga bersetuju Raja berkahwin dengan puteri itu. Mahosadha, sebaliknya mengingatkan kepada Raja itu mungkin satu perangkap, tetapi Raja tidak suka mendengar nasihatnya. Baginda murkakan Mahosadha. Mahosadha menghantar burung kakak tuanya sekali lagi ke istana Raja Culani untuk mencungkil rahsia Kevatta. Kebetulannya Raja Culani mempunyai seekor burung gembala kerbau yang juga pandai bercakap. Burung itu mendengar segala perbualan antara Raja dengan Kevatta. Kakak tua itu berkawan baik dengan gembala kerbau dan meminta ia menjadi bininya. Akhirnya ia mengetahui perihal rancangan Kevatta untuk membunuh Raja Vedeha.

Setelah Mahosadha dapat tahu rancangan Kevatta daripada burung itu, dia membuat persiapannya sendiri. Mahosadha menyuruh Raja membebaskan semua banduan daripada empat buah penjara. Dia hendak membawa mereka ke Uttara-pancala dan membina bangunan yang cantik-cantik untuk Raja Vedeha. Dia membawa bersama-samanya tukang batu, tukang besi, tukang kayu, pelukis, pengecat dan tukang-tukang yang mahir dalam kerja tangan. Mereka mengembara ke Uttara-pancala dan selepas tiap-tiap tujuh batu, mereka membina sebuah kampung dan menempatkan seorang untuk menjaganya. Mahosadha berpesan kepada ketua tiap-tiap kampung itu: "Apabila Raja berangkat kembali bersama Pancala-candi, kamu mesti sediakan gajah, kuda dan kereta kuda. Kamu mesti menghalau musuh-musuh dan membiarkan Raja berlepas pulang ke Mithila secepat mungkin.

Apabila mereka tiba di Sungai Ganges, Mahosadha menyuruh Ananda pergi ke hulu sungai bersama tiga ratus orang tukang yang mahir dalam pertukangan tangan untuk mendapatkan kayu bagi membina tiga ratus buah kapal. Dia menyuruh Ananda mengisi kapal itu dengan kayu-kayu ringan dan kembali dengan secepat mungkin. Selepas ia menyeberangi sungai itu, Mahosadha mengatur langkah-langkahnya: "Inilah tempat terowong besar itu; di sini Raja akan bersemayam; dari sini sepanjang sebatu, terowong yang kecil akan dibina."

Apabila Raja Culani mendengar Mahosadha sudah datang, baginda sungguh gembira dan berfikir bahawa semua rancangan baginda berjalan lancar. Mahosadha masuk ke tempat itu sambil berdiri di tangga, dia berfikir, "Di sinilah pintu terowong kecil itu mesti dibuat." Oleh itu dia berkata kepada Raja, ada sesuatu kecacatan pada tangga itu dan dia sudi memperbaikinya. Tetapi, tanpa pengetahuan orang lain, orang-orangnya menggali lubang di situ. Kemudian Mahosadha bertanya di mana Raja Vedeha akan bersemayam. "Kamu boleh memilih di mana sahaja, kecuali di istana beta," kata Raja Culani. "Tapi, Tuanku," kata Mahosadha, "Kami ni orang asing, Tuanku mempunyai ramai orang yang Tuanku sayangi. Kalau kami menggunakan rumah mereka, askar-askar Tuanku akan berkelahi dengan kami. Apa harus kami buat?" Mahosadha menyuruh Raja meletakkan pengawal keselamatan di pintu-pintu istana supaya tiada siapa yang datang mengadu kepada Raja apabila Mahosadha mengambil rumah-rumah mereka.

Mula-mula Mahosadha pergi ke rumah bonda permaisuri dan mula merobohkannya untuk membina istana untuk Raja Vedeha. Bonda permaisuri naik marah dan terus ke istana untuk membuat aduan tetapi tidak dapat masuk. Akhimya dia telah memberi rasuah kepada Mahosadha sebanyak seratus ribu (100 000) keping wang supaya rumahnya tidak diapa-apakan. Lepas itu, Mahosadha melakukan perkara yang sama kepada rumah Kevatta dan mendapat seratus ribu keping wang lagi. Dia terus berbuat begitu di segenap pelusuk bandar itu dan dapat mengumpul wang sebanyak sembilan puluh juta (90 000 000) keping.

Kebetulannya, orang-orang Mahosadha sedang menggali terowong besar yang mana pintu masuknya terletak di dalam bandar itu. Ia mempunyai pintu yang dipasangkan dengan mesin-mesin supaya apabila

satu suis ditekan, semuanya akan tertutup. Di dalamnya terdapat lapan puluh buah pintu besar dan enam puluh empat pintu kecil, kesemuanya boleh dibuka atau ditutup dengan hanya menekan satu suis. Di kedua-dua belah terowong itu adalah dinding yang diperbuat daripada batu bata. Bumbungnya pula dibina daripada papan dan simen, kemudian disapu cat putih. Di kedua-dua belah dinding dibuat lubang-lubang untuk lampu-lampu, kesemuanya boleh dipasang atau dipadamkan dengan hanya memetik satu suis. Di kedua-dua belahnya juga dibuat seratus satu buah bilik untuk seratus satu orang pahlawan. Dalam tiap-tiap bilik ditempatkan sebuah katil yang beraneka warna dan sebuah kerusi yang dipayungkan dengan payung putih. Berhampiran tiap-tiap buah kerusi pula terdapat singgahsana. Tiap-tiap bilik juga dihiasi dengan satu patung perempuan yang cantik. Lukisan-lukisan cantik menghiasi dinding, sementara bunga-bunga teratai menghiasi bumbung. Lantainya diliputi pasir yang putih berseri. Oleh yang demikian terowong itu cantik sekali. .

Mahosadha juga telah membina sebuah bandar dengan istananya sekali untuk Raja Vedeha di seberang Sungai Ganges. Pintu masuk bagi terowong yang kecil terletak di dalam bandar ini. Dalam empat bulan, terowong besar, terowong kecil dan bandar itu siap dibina. Selepas siap semuanya, Mahosadha pun menyuruh Raja Vedeha berangkat ke sana. Raja Culani sangat sukacita menyambut baginda sambil berpura-pura hendak membawa puterinya. . Sebenarnya, Raja Culani menitahkan seratus satu orang raja itu bersiap sedia untuk membunuh Raja Vedeha. Bonda baginda, Permaisuri Talata, Permaisuri Nanda, Putera Panca-canda dan Puteri Panca-candi semuanya berada di dalam istana.

Raja Vedeha dan penasihat-penasihat baginda berada di kota yang telah dibina oleh Mahosadha. Tetapi orang-orang Raja Culani mengelilingi kota itu dan mereka menggunakan beberapa ratus ribu lampu. Mereka bersiap sedia untuk menawan kota itu apabila sahaja matahari terbit. Mahosadha menghantar tiga ratus orang askarnya masuk ke istana Raja Culani melalui terowong kecil untuk menawan bonda, permaisuri, putera dan puteri raja itu. Askar-askar itu menangkap pengawal-pengawal, menyumbat mulut, mengikat badan dan menyembunyikan mereka.

Pada hari itu,. Permaisuri Talata tidak tahu apa yang mungkin berlaku lalu menyuruh Permaisuri Nanda bersama-sama kedua-dua cucunda baginda baring di atas sebuah katil. Ketika itu juga askar-askar tadi memanggil mereka sambil melaung mengatakan Raja Culani telah membunuh Raja Vedeha, dan Mahosadha telah pun menakhluki seluruh India. Mereka turun ke bawah dan apabila sampai ke bawah tangga, askar-askar itu membawa mereka masuk ke dalam terowong. Beberapa orang askar itu berpatah balik ke istana, memecahkan pintu bilik menyimpan wang serta barang-barang berharga dan mengambil apa yang mereka mahukan. Keempat-empat tawanan tadi dibawa ke sebuah bilik yang cantik di dalam gua itu. Mereka dikawal oleh beberapa orang askar.

Rancangan Mahosadha berjalan lancar. Raja Vedeha sebaliknya asyik berahi menanti ketibaan puteri itu. Apabila baginda memandang keluar tingkap, ternampaklah beribu-ribu lampu di luar dan baginda pun maklumlah apa sebenarnya yang sedang berlaku. Baginda menjadi takut dan meminta nasihat daripada empat bijaksana itu tentang apa yang harus dilakukan. Keempat-empat penasihat baginda juga menjadi bingung. Mahosadha berpura-pura tidak terdaya membuat apa-apa. Tujuannya ialah untuk memberi satu pengajaran kepada raja yang bodoh itu.

Akhirnya, setelah Raja begitu takut sekali, Mahosadha pun membawa baginda dan pengiring-pengiringnya ke dalam terowong dan masuk ke dalam bilik di mana keempat-empat tawanan tadi sedang berada. Melihat Raja Vedeha datang, mereka berempat terperanjat dan menjerit ketakutan. Jeritan mereka yang kuat itu didengari oleh Raja Culani. Baginda cam akan suara Permaisuri Nanda. Namun begitu baginda tidak berani berkata apa-apa kerana takut ditertawakan. Ketika itu, Mahosadha meletakkan Puteri Panca-candi di atas setimbun harta karun dan melakukan istiadat merenjis menjadikan puteri itu permaisuri kepada Raja Vedeha.

Malam itu Raja Vedeha bersama-sama empat orang keluarga diraja itu menyeberangi Sungai Ganges pulang ke Mithila. Selepas tiap-tiap tujuh batu mereka mendapat gajah, kuda dan kenderaan baru. Dengan cara ini mereka mengembara tujuh ratus batu dan tiba di Mithila pada keesokan paginya. Di saat itu Mahosadha sedang berada di jalan terowong. Pedangnya dikambus di dalam pasir di pintu terowong itu. Pada waktu yang sama. Raja Culani serta askar-askarnya meluru seperti banjir ke bandar itu.

Mahosadha berdiri di tingkap istana sambil berjalan ulang-alik dengan tenangnya. Apabila melihat Mahosadha, Raja Culani sungguh murka. Raja Culani tahu bahawa Raja Vedeha sudah pun lepas lari dan berkata baginda akan menghukum Mahosadha seberat-beratnya. Kemudian Mahosadha berkata kepada baginda, "Sekiranya Tuanku memotong tangan dan kaki patik, telinga dan hidung patik, demikian jugalah akan dilakukan oleh Raja Vedeha ke atas Panca-canda, Panca-candi dan Permaisuri Nanda." Raja menghantar utusan pulang ke istana untuk mencari mereka di sana. Apabila Raja Culani mendapat berita bahawa mereka telah diculik oleh Raja Vedeha, baginda menjadi takut.

Kemudian Mahosadha memperkatakan tentang terowong itu. Raja Culani ingin melihat. Oleh itu baginda dan pembesar-pembesar dibawa masuk ke dalamnya. Mereka sungguh terkejut. Apabila Raja Culani keluar dari terowong itu di sebelah lagi, Mahosadha pun menekan suis. Pintunya tertutup dan semua lampu terpadam. Terowong itu menjadi gelap bagaikan neraka. Dengan tiba-tiba dia mengambil pedangnya yang dikambus di dalam pasir; sambil meloncat tinggi ke udara dia menjerit, "Tuanku, milik siapakah negeri di seluruh India ini?" Raja itu sungguh takut dan meminta supaya Mahosadha tidak membunuhnya. "Usahlah takut, Tuanku," kata Mahosadha. "Patik bukannya mengambil pedang ini untuk membunuh Tuanku, tetapi untuk menunjukkan kebijaksanaan patik." Selepas itu. Raja Culani dan Mahosadha pun menjadi sahabat baik. Raja bertanya, "Tuan yang bijaksana, dengan kebijaksanaan tuan hamba ini, mengapa tidak menakhluki negeri ini?" "Tuanku," jawab Mahosadha, "Sekiranya patik mahu, hari ini juga patik boleh mengambil seluruh India dan membunuh semua raja; tetapi. membunuh untuk mendapatkan kemasyhuran dan keagungan bukannya tindakan orang bijak."

Kesemua orang yang berada di dalam terowong itu menjadi takut kerana kegelapan. Oleh itu Mahosadha membenarkan mereka keluar. Dia menerangkan kepada seratus satu orang raja itu tentang rancangan Kevatta untuk meracun mereka dalam jamuan dahulu, dan bagaimana dia telah menghantar askar-askarnya memecahkan semua bekas yang berisi minuman yang beracun itu untuk menyelamatkan nyawa mereka. Dengan penuh ketakutan, raja-raja itu bertanya Raja Culani sama ada benar atau tidak keterangan Mahosadha tadi. Setelah mereka ketahui semuanya adalah benar, mereka berterima kasih kepada Mahosadha. Lepas itu mereka mengikut Mahosadha ke Mithila. Satu pesta secara besar-besaran diadakan. Semua orang bergembira. Raja Vedeha mencintai Puteri Panca-candi; dan dalam tahun kedua mereka bersama, mereka dikurniakan seorang putera. Sepuluh tahun selepas itu Raja Vedeha pun mangkat dan Mahosadha melantik putera itu menjadi raja baru. Lepas itu Mahosadha bercuti dan pergi ke negeri Raja Culani sebagaimana yang dijanjinya.

Raja Culani sungguh gembira menyambut kedatangan Mahosadha, tetapi Permaisuri Nanda mempunyai perasaan dendam kepada Mahosadha kerana perbuatannya dulu. Disebabkan oleh Mahosadha, permaisuri itu kehilangan kasih sayang Raja Culani. Pada suatu hari, seorang tua yang alim bernama Bheri bertemu dengan Mahosadha. Perempuan itu ingin menguji sama ada Mahosadha betul-betul bijak atau tidak. Dia membuka tangannya, maksudnya adakah Raja menjaganya dengan baik. Mahosadha genggam tangannya, maksudnya Raja menutup erat tangan baginda dan tidak memberi apa-apa kepadanya. Kemudian perempuan itu menggosok kepalanya, maknanya "Kalau awak tidak gembira, mengapa tidak menjadi pertapa?" Mahosadha melurut perutnya, maknanya dia terpaksa menyara beberapa orang dan oleh yang demikian tidak boleh menjadi pertapa. Pengint:ip-pengint:ip Permaisuri memberitahu baginda peristiwa ini. Permaisuri menyembah kepada Raja bahawa Bheri dan Mahosadha sedang merancang secara diam-diam untuk membunuh baginda dan mengambil alih kerajaan. Tetapi apabila

baginda ketahui apa maksud sebenarnya bahasa isyarat yang dilakukan itu baginda sukacita dan melantik Mahosadha menjadi Ketua Turus Angkatan Tentera.

Raja Culani sangat gembira dengan adanya Mahosadha. Suatu hari, Bheri mengemukakan satu teka-teki kepada baginda, "Kalau Tuanku bertujuh sedang berlayar di lautan, datang syaitan mencari seorang manusia untuk dijadikan korban, kemudian merampas kapal Tuanku, adakah Tuanku akan memberi mereka dan menyelamatkan diri Tuanku daripada syaitan itu?" Raja menjawab, baginda akan menyerahkan kesemua orang yang disayangi dalam keluarga baginda, malah baginda sendiri, tetapi tidak akan menyerahkan Mahosadha. Dengan cara ini Bheri menunjukkan betapa agungnya segala jasa dan pahala Mahosadha.

Sesiapa yang mengkhianati orang baik dan tidak berdosa,
adalah seperti menabur abu melawan angin;
kerana segala kejahatannya itu akan menimpanya sendiri

.
(Dhammapada, ayat 125)

BAB 6

BHURIDATTA. SEEKOR NAGA

Bhuridatta Mengamal Sila

Pada suatu masa, Brahmadata, Raja Benares telah melantik puteranya sebagai Raja Muda. Tetapi apabila dilihat oleh baginda keagungan puteranya, baginda menjadi takut kalau-kalau puteranya itu merampas kerajaannya. Oleh itu baginda menghantar putera itu ke tempat lain dan hanya boleh pulang selepas baginda mangkat. Putera itu pun pergi ke tebing Sungai Yamuna dan membina sebuah pondok daripada daun-daun kayu. Pondok itu terletak di antara sungai dengan laut. Dia hidup dengan memakan buah-buahan dan akar-akar kayu.

Pada masa itu, terdapat seekor Naga betina yang telah kematian lakinya tinggal di dasar lautan itu. Naga itu sedang merayau-rayau di pantai dan ternampak tapak kaki putera raja dari Benares itu. Dia mengikuti jejak tapak kaki itu dan tiba di pondok, tetapi tiada siapa di dalamnya. Naga betina itu meletakkan bunga-bunga di atas katil putera itu dan menghiasinya dengan cantik. Dia berfikir, "Kalau penghuninya seorang pertapa, dia tidak akan tidur di atas katil ini; tetapi kalau bukan, dia akan tidur di sini." Lepas itu dia berlalu dari situ. Putera itu pulang dan ternampak bunga-bunga menghiasi katilnya. "Siapa gerangnya yang telah menghiasi katil saya ini," fikirnya lalu tidur di atasnya. Pada hari berikutnya, perkara yang sama berlaku. Pada hari ketiga, putera itu menyembunyikan diri, dan apabila naga itu masuk ke dalam pondoknya, dia masuk senyap-senyap dan berjumpa dengannya. Apabila melihatkan kecantikan Naga itu, putera itu terus jatuh cinta kepadanya. Mereka berbual-bual dan putera itu memperkenalkan dirinya sebagai Brahmadata Kumara, putera Raja Benares; dan berkata lagi. Dia tinggal di situ kerana dihalau oleh ayahandanya.

Semenjak hari itu, mereka tinggal bersama dengan aman dan bahagia. Dengan kuasa ajaibnya, naga betina itu membina sebuah rumah yang besar lagi cantik dan mendapat minuman, makanan yang lazat-lazat. Tidak lama kemudian, mereka mendapat seorang putera yang diberi nama Sagara Brahmadata. Apabila puteranya dapat berjalan, mereka dikurniakan pula seorang puteri yang digelar Samuddaja.

Suatu hari, seorang pengawal hutan menziarahi mereka. Dia mengenali putera itu. "Tuanku, patik akan memberitahu raja yang Tuanku berada di sini." Tetapi setibanya di Benares, Raja telah pun mangkat tujuh hari yang lepas. Oleh itu dia memberitahu menteri-menteri berkenaan dengan Brahmadata Kumara. Menteri-menteri pergi mengadap putera itu dan memintanya menjadi raja yang baru. Putera itu mengajak isterinya datang bersama ke Benares; tetapi isterinya berkata naga-naga sangat garang dan berbahaya. Kalau ia naik marah, ia akan menyakiti dan membunuh orang.

Naga itu menyuruh suaminya membawa kedua-dua anak mereka pulang ke Benares manakala ia sendiri akan kembali ke dunia naga di dasar lautan. Kedua-dua anak Naga itu tidak tahan panas dan angin. Oleh itu putera itu membina sebuah perahu khas yang diisikan dengan air untuk membawa anak-anak itu pulang ke Benares. Jadi Putera Brahmadata Kumara menjadi raja baru Benares.

Baginda membina sebuah tasik untuk kedua-dua anaknya. Suatu hari selepas tasik itu diisikan dengan air, seekor kura-kura masuk ke dalamnya dan tidak dapat keluar. Semasa kanak-kanak itu bermain di dalam air, kura-kura itu timbul dan menonjolkan kepalanya. Apabila dilihat oleh kanak-kanak itu mereka sangat takut. Mereka sangkakan hantu atau syaitan. Mereka menangis dan memberitahu raja. Raja amat menyayangi anak-anak baginda dan sangat murka kepada kura-kura itu.

Baginda menitahkan kura-kura itu dihukum. Beberapa orang pembesar istana mengatakan ia seharusnya dicincang halus-halus, dimasak untuk dimakan. Tetapi salah seorang daripada menteri-menteri

berkata adalah lebih menyakitkan jika ianya dicampak ke dalam pusaran air di dalam Sungai Yamuna. Kura-kura itu sungguh takut, katanya, "Apakah yang telah saya lakukan kepada tuan hamba sekalian sehinggakan saya hendak dihukum sedemikian? Saya boleh terima apa-apa hukuman tetapi tolonglah jangan lemparkan saya ke dalam pusaran air di Sungai Yamuna itu !"

Apabila raja mendengar kata-kata ini, baginda segera menitahkan orang-orang berbuat begitu. Jadi, kura-kura itu dibuang ke dalam pusaran air dan jatuh ke dunia naga-naga. Kebetulan pada masa itu putera Raja Naga, Raja Dhata-ratta sedang bermain di sebuah anak sungai. Mereka menjumpai kura-kura itu dan menjerit-jerit, "Tangkap hamba itu!" "Sekarang, naga-naga sudah menangkap aku. Aku mesti cari jalan untuk melepaskan diri," fikir kura-kura.

Kura-kura itu mereka-rekakan satu cerita dan memberitahu Raja Dhata-ratta yang dia telah dihantar oleh Raja Brahmadata untuk memberi puterinya, Samuddaja kepada Raja Naga itu untuk dijadikan isterinya. "Kamu begitu kecil, bagaimana kamu boleh menjadi pembawa utusan?" marah raja itu. "Ukuran badan tidak menjadi hal, apa yang penting ialah keupayaan untuk menyampaikan pesanan," jawab kura-kura itu. Kemudian kura-kura itu memberitahu Raja Naga bahawa di darat Brahmadata mempunyai orang-orang untuk menguruskan kerja-kerja; di angkasa ditugaskan burung-burung manakala di air, dialah kesayangan Raja. Katanya lagi, namanya ialah Cittacula.

Raja Naga Dhata-rattha segera menghantar perutusan mengadap Raja Brahma-datta untuk mendapatkan tuan puteri itu. Baginda menghantar empat naga yang muda-muda bersama kura-kura itu. Kura-kura berfikir bagaimana hendak melepaskan diri. Di pertengahan jalan ia ternampak sebuah kolam yang dipenuhi dengan teratai. Katanya, "O Naga-naga ! Raja permaisuri dan putera raja menyuruh hamba mengambil bunga-bunga dan akar teratai. Tinggalkan hamba di sini dan hamba akan berjumpa kamu di istana." Oleh itu naga-naga meninggalkan kura-kura itu di situ.

Apabila mereka mengadap Raja Brahma-datta dan meminta tuan puteri, raja itu berfikir, "Tiada seorang manusia pun yang pernah membenarkan puterinya dikahwini oleh Raja Naga." "Kalau begitu, mengapakah Tuanku menghantar kura-kura yang bernama Cittacula itu ?" tanya mereka dengan perasaan marah. Mereka hendak membunuh raja itu di situ juga, tetapi mereka teringat akan tujuan mereka ke situ hanyalah untuk menetapkan tarikh perkahwinan. Mereka pun pulang mengadap raja mereka.

Raja Dhata-rattha menitahkan semua naga pergi ke Benares dan tinggal di merata-rata tempat di bandar itu, tetapi jangan menyakiti sesiapa pun. Apabila melihat ular-ular naga di merata-rata tempat semua orang menjadi takut dan merayu agar raja memberi puterinya kepada Raja Dhata-rattha. Akhirnya, raja membuat keputusan memberi Puteri Samuddaja untuk dikahwinkan dengan Raja Naga itu. Lepas itu, naga-naga itu berundur sejauh tujuh batu dari bandar Benares dan membina sebuah bandar. Puteri itu pergi ke istana di bandar yang baru dibina itu. Di dalam istana, terdapat sebuah katil yang sungguh indah. Ramai inang menjadi tuan puteri. Sebaik sahaja puteri itu baring di atas katil, baginda pun terlena. Istana itu tiba-tiba ghaib dan tuan puteri telah berada di alam naga. Tetapi tuan puteri tidak tahu hal ini kerana Raja Dhata-rattha memerintah semua naga supaya menjelma menjadi manusia.

Selepas beberapa lama, Permaisuri Samuddaja melahirkan empat orang putera : Sudhassana, Datta, Subhaga dan Arittha. Datta ialah Bodhisatta. Pada suatu hari, Arittha diberitahu bahawa bondanya adalah seorang manusia, bukannya naga. Jadi dia ingin tahu perkara yang sebenarnya. Ketika dia sedang menghisap susu ibunya, dia menjelma menjadi naga. Apabila melihat keadaannya demikian rupa, ibunya menjerit dan mencampakkannya ke tanah, serta mencakar matanya dengan kukunya. Oleh sebab itu, sebelah mata Arittha menjadi buta dan ia digelar 'Kanarittha' (Arittha mata sebelah). Raja sangat murka dan hendak menghukumnya tetapi ibunya meminta raja memaafkannya kerana kasihkan puteranya.

Setelah keempat-empat puteranya telah dewasa, raja memberi sebuah negeri kepada tiap-tiap puteranya. Tiga orang daripada mereka pulang tiap-tiap bulan untuk menziarahi ayahanda dan bonda mereka. Tetapi Datta (Bodhisatta) melawati mereka tiap-tiap dua minggu. Datta akan melawati Raja Virupakkha bersama-sama ayahandanya untuk berbincang soalan yang telah dikemukakan di dunia naga-naga itu. Suatu hari, semasa Virupakkha dan naga-naga lain pergi ke syurga Raja Sakka, ada soalan yang tiada siapa pun dapat menjawab, tetapi Datta dapat menjawabnya. Sakka, raja kepada segala dewa-dewa itu pun memberi anugerah dengan bunga-bunga serta bauan yang indah kepadanya sambil berkata, "O Datta! Kamu mempunyai kebijaksanaan yang luas bagaikan bumi; mulai saat ini, namamu ialah Bhuridatta."

Semenjak hari itu, Bhuridatta selalu pergi memberi penghormatan kepada Raja Sakka dan apabila dilihatnya keindahan syurga Sakka dengan pari-parinya yang cantik, dia ingin tinggal di syurga. "Saya akan kembali ke alam naga dan mengamalkan Sila. Dengan jalan ini, mungkin saya akan dilahirkan di kalangan dewa-dewa." Apabila Bhuridatta memberitahu kedua-dua ibu bapanya berkenaan hasratnya itu, mereka melarangnya pergi ke luar kawasan alam naga tetapi mengamalkan Sila itu di alam naga sahaja. Ini ialah kerana naga sangat ditakuti di luar alamnya.

Bhuridatta bersetuju dengan nasihat ibu bapanya tetapi naga-naga betina selalu menghiburkannya dengan muzik dan dia berfikir, "Kalau saya tinggal di sini, tentu saya tidak berjaya mengamalkan Sila. Saya akan pergi ke alam manusia." Dia takut raja dan permaisuri akan menghalangnya; oleh itu dia memberitahu isterinya, "Adinda, saya akan ke alam manusia dan tinggal di puncak busut di bawah pokok bangau di tebing Sungai Yamuna. Suruhlah sepuluh orang dayangmu datang dengan alat-alat muzik di waktu subuh. Biarlah mereka merenjis air bau-bauan dan bunga-bunga di badan saya dan kemudiannya menyanyi dan menari. Kemudian, biarlah mereka pulang ke alam naga." Dengan kata-kata itu dia pun pergi dan membaringkan diri di atas busut tersebut. Dengan kuat dia berkata, "Kalau sesiapa inginkan kulit atau otot-otot atau tulang atau darah saya, ambillah." Dia mengamalkan Sila untuk beberapa lama.

Di sebuah kampung yang berhampiran pintu kota Benares, tinggal seorang pemburu dan anak lelakinya bernama Somadatta. Mereka menjerat binatang, menyembelihnya dan menjual dagingnya. Suatu hari mereka gagal untuk menangkap sebarang binatang. "Kalau kita pulang dengan tangan kosong, ibumu akan marah," si bapa berkata kepada anaknya. Mereka berjalan-jalan dan terlihat seekor rusa. Mereka menangkap rusa itu. Pada waktu itu matahari sudah mula terbenam. Oleh itu mereka terpaksa bermalam di dalam hutan.

Mereka menyimpan daging itu di satu tempat, lalu memanjat naik ke atas pokok dan tidur di situ. Apabila subuh menjelang, Somadatta masih tidur, manakala bapanya sudah terjaga. Dia mendengar dayang-dayang naga itu sedang menghiburkan Bhuridatta. Oleh itu dia pergi menyiasat apa yang sedang berlaku. Apabila naga-naga itu melihat manusia datang, dengan cepat mereka menghilangkan diri ke dalam bumi meninggalkan Bhuridatta bersendirian di situ. Pemburu itu bertanya Bhuridatta siapa dirinya dan mereka pun berbual-bual.

Bhuridatta berfikir, "Pemburu Brahmin ini garang lagi kejam. Dia mungkin menceritakan tentang diri saya kepada ahli sihir ular dan menyebabkan saya tidak dapat mengamalkan Sila. Saya patut membawanya ke alam naga dan membuatnya gembira di sana." Apabila ditanya, pemburu itu bersetuju. Jadi Bhuridatta pun membawa pemburu itu dan anaknya turun ke dunia naga di mana mereka hidup bagaikan dalam syurga selama setahun. Mereka dilayan dengan baik oleh beratus-ratus dayang naga. Oleh kerana pemburu itu tidak membuat amalan-amalan yang baik dalam kehidupan yang lepas, dia merasa tidak puas hati dan ingin pulang ke dunia asalnya. Anaknya ingin terus tinggal di situ. Akhirnya, dia berjaya juga memujuk anaknya supaya pulang bersama.

Pemburu itu berfikir dengan teliti apa yang harus dikatakan kepada Bhuridatta. Dia pun berkata bahawa mereka berdua akan pulang ke alam manusia dan menjadi pertapa. Bhuridatta percaya kepadanya serta

hendak memberi sebiji permata ajaib yang boleh menunaikan segala permintaan tuannya. Pemburu itu mengucapkan terima kasih kepada Bhuridatta tetapi enggan menerima permata itu.

Kedua-dua orang itu kembali ke alam manusia dan terus pulang ke rumah. Isterinya menyambut kepulangan mereka dan memberi makanan kepada mereka. Setelah suaminya nyenyak tidur, si ibu bertanya kepada anaknya mengapa mereka pulang dengan tangan kosong. Somadatta memberitahu ibunya bagaimana mereka pergi tinggal di alam naga dan bagaimana bapanya enggan menerima permata ajaib pemberian Bhuridatta. Perempuan itu sungguh marah. Dia mengambil sudip untuk menggoreng nasi, memukul belakang suaminya dan menghalaunya keluar dari rumah. "Adinda yang budiman," pujuk pemburu itu, "selagi ada rusa di dalam hutan, saya akan membela kamu dan anak-anak kita." Pada keesokan harinya sebagaimana sebelumnya, dia bersama anaknya masuk ke hutan untuk mencari makan.

Bhuridatta Dan Alambayana

Pada masa itu ada seorang Brahmin di Benares yang banyak berhutang. Apabila pemiutang datang meminta hutang, dia tidak dapat membayarnya. Secara diam-diam dia lari masuk ke dalam hutan. Di sana dia berjumpa seorang pertapa, lalu dia menjadi muridnya. Dia menjaga pertapa itu dengan baik. Pertapa itu mengajarnya sihir melawan naga-naga. Setelah pandai, dia pun meninggalkan pertapa itu.

Pada ketika itu juga seribu ekor naga yang menjadi penjaga Bhuridatta sedang membawa permata ajaib tersebut. Mereka telah keluar daripada alam naga dan berhenti di suatu tempat. Permata itu diletakkan di atas satu timbunan pasir. Semalaman mereka bermain di dalam air dengan disulahi cahaya yang terbit daripada permata itu. Apabila pagi, mereka bersiap-siap.

Brahmin itu tiba di tempat itu sambil membaca ayat-ayat ilmu sihirnya. Apabila didengar oleh naga-naga itu mereka menjadi takut. Mereka sangkakan tentu raja garuda sudah datang untuk menangkap dan memakan mereka. Mereka terjun masuk ke dalam bumi dan meninggalkan permata ajaib itu. Brahmin ternampak permata itu dan dengan penuh gembira dia mengambilnya.

Kebetulan pada masa itu pemburu dan anaknya Somadatta sedang berjalan masuk ke dalam hutan untuk memburu rusa. Mereka nampak Brahmin itu membawa sebiji permata. Mereka kenal, itu adalah permata yang diberi oleh Bhuridatta kepadanya dahulu. Pemburu itu hendak menukarkannya dengan seratus paun emas, tetapi Brahmin itu tidak mahu.

Pemburu bertanya kepada Brahmin itu, apakah yang dia mahu untuk menukarkannya dengan batu permata ajaib itu. Brahmin itu menjawab, dia adalah seorang bomoh yang mengendalikan ular-ular dan mengubati gigitan ular. Kemudian pemburu itu berfikir, "Aku akan tunjukkan Bhuridatta kepadanya supaya aku dapat permata itu." Pemburu itu menerangkan cadangan itu kepada anaknya. Anaknya melarang bapanya berbuat demikian. Dia berkata, "Kalau bapa mahukan kekayaan, pergilah berjumpa Bhuridatta dan mintalah daripadanya seperti dahulu." Tetapi pemburu itu hendak meneruskan juga rancangan jahatnya itu. Somadatta mengingatkan bapanya, pengkhianat akhirnya akan pergi ke neraka. "Tetapi, kalau kita membuat pengorbanan yang besar, kita akan terselamat daripada dosa-dosa kita," jawab bapanya. Somadatta tahu bapanya bodoh dan tamak. Lantarnya, dia meninggalkan bapanya lalu pergi ke hutan di Gunung Himalaya untuk menjadi pertapa.

Pemburu itu membawa Brahmin itu ke tempat Bhuridatta yang sedang mengamalkan Sila. Bhuridatta nampak pemburu itu dan berfikir, "Saya telah membawa orang ini ke rumah saya di alam Naga dan memberinya hidup yang penuh kesenangan; tetapi dia tidak mahu menerima permata yang telah saya berikan. Sekarang dia ke mari bersama seorang tukang sihir ular. Tetapi, kalau saya marah, saya akan melanggar Sila. Oleh itu sama ada ahli sihir ini memotong badan saya dan memasaknya di atas pemanggang, saya tidak akan marah kepadanya."

Alambayana, ahli sihir itu sungguh gembira bila melihat Bhuridatta. Dia mencampakkan permata itu kepada pemburu. Permata itu tergelincir dari tangannya dan menghilang ke dalam tanah serta kembali ke alam naga. Sekarang pemburu itu mendapati dirinya kehilangan tiga perkara: permata ajaib itu, persahabatan dengan Bhuridatta, dan anak lelakinya. Dengan teriak tangisnya, dia pulang ke rumahnya. "Saya telah kehilangan segala-galanya. Saya tidak mendengar nasihat anak saya," dia berfikir dengan penuh kekesalan.

Alambayana pula menangkap Bhuridatta. Dengan memegang ekor serta badannya erat-erat, ahli sihir itu membuka mulutnya dan meludah masuk sejenis dadah ke dalamnya. Bhuridatta muntah keluar segala makanan yang telah dimakannya. Brahmin itu seterusnya membaringkan Bhuridatta di atas tanah, sambil menekannya seperti menekan bantal; dia mematahkan tulang-tulangnya dan memukulnya bertalu-talu. Bhuridatta tidak menunjukkan apa-apa kemarahan walaupun dia menderita kesakitan. Alambayana membuat sebuah raga daripada akar. Pada mulanya badan Bhuridatta yang besar itu tidak dapat masuk ke dalam raga itu. Tetapi dia menyepak dan memaksa Bhuridatta masuk juga. Selepas itu Bhuridatta dibawa ke sebuah kampung. Apabila dia meletakkan raga itu dia pun berteriak, "Datanglah ke mari melihat naga menari!" Orang-orang kampung datang berkerumun mengelilingi mereka berdua. Brahmin itu pun memanggil Bhuridatta keluar. Bhuridatta berfikir, "Adalah lebih baik saya menari dan menghiburkan mereka hari ini. Mungkin dia akan dapat banyak wang dan apabila dia sudah berpuas hati, dia akan melepaskan saya." Oleh itu, bila Alambayana mengeluarkannya, dia mula membuat berbagai-bagai tarian. Penonton-penonton sungguh gembira sehinggakan ada yang menangis kegembiraan. Mereka memberi wang emas, barang-barang lain yang bernilai dan akhirnya Alambayana telah mendapat seratus ribu keping wang di kampung itu sahaja. Kemudian dia berfikir, "Saya telah mendapat semua wang ini hanya dari sebuah kampung, tentu saya akan mendapat lebih banyak lagi kalau di bandar!"

Pada hari Bhuridatta ditangkap oleh Alambayana, Samuddaja, iaitu bondanya telah bermimpi seorang lelaki hitam yang bermata merah telah memotong lengannya dengan pedang dan membawanya lari, dengan darahnya berlumuran. Permaisuri itu terjaga lalu menjerit; tetapi akhirnya dia menyedari bahawa peristiwa itu hanyalah suatu mimpi. "Ini bermakna sesuatu yang buruk akan berlaku kepada salah seorang daripada empat putera beta, atau kepada Raja Dhata-rattha atau pun kepada beta sendiri," fikir baginda. Kemudian, baginda teringatkan Bhuridatta. "Sekarang semua yang lain berada di alam naga, tetapi dia telah pergi ke alam manusia untuk mengamalkan Sila. Beta khawatir kalau-kalau ahli sihir ular atau garuda menangkapnya." Bondanya menjadi amat risau bila memikirkan Bhuridatta.

Apabila putera-putera baginda datang mengunjunginya ia menceritakan tentang mimpinya itu. Putera-putera itu berkata, "Bonda, kalau anakanda bertiga pergi ke arah yang sama, tentu ia melambatkan. Kita mesti pergi ke tiga arah yang berlainan." Dengan itu Kanarittha pergi mencari Bhuridatta di syurga dewa-dewa (kerana Kanarittha mempunyai perangai yang bengis dan akan membakar bandar atau kampung di mana Bhuridatta telah diseksa). Subhaga telah pergi ke Gunung Himalaya; dan Sudassana pergi ke alam manusia. "Kalau saya ke sana sebagai seorang muda, orang-orang akan mengusik saya," fikir Sudassana, "tapi kalau saya menyamar diri sebagai pertapa, mereka akan menghormati saya." Oleh itu dia menjelma menjadi pertapa.

Bhuridatta mempunyai seorang adik perempuan berlainan ibu bernama Accimukhi. Adindanya ini sangat sayang pada Bhuridatta dan ingin mengikut Sudassana mencarinya. Oleh itu dia menjelma menjadi seekor katak dan masuk ke dalam sanggul Sudassana yang telah bertukar menjadi pertapa. Sudassana bertanya isteri Bhuridatta, di mana Bhuridatta berada pada hari pertama dia mengamalkan Sila. Sudassana pun segera ke sana. Dia menjumpai tompok-tompok darah di atas tanah, dan tahulah dia bahawa Bhuridatta sudah pun ditangkap oleh seorang tukang sihir ular. Dengan air mata yang berlinangan, dia mengikuti bekas tapak kaki Alambayana. Apabila tiba di kampung di mana Bhuridatta mula-mula menari dulu, dia mendapat maklumat daripada penduduk di situ, apa yang telah berlaku ke atas Bhuridatta dan di mana dia sedang berada.

Alambayana telah pun tiba di pintu masuk ke kota Benares. Ramai orang sudah berkumpul. Raja Benares juga akan berangkat. Pada saat itu Sudassana sedang berdiri di sebelah luar tempat orang ramai berkumpul. Bhuridatta menjenguk kepalanya keluar dan memerhati orang ramai di sekelilingnya. Naga-naga memerhati keadaan sekelilingnya kerana dua sebab: untuk melihat jika ada garuda atau pelakon-pelakon lain. Kalau mereka nampak garuda, mereka tidak akan menari kerana takut; jikalau mereka nampak pelakon lain, mereka akan merasa malu.

Sedang Bhuridatta memandang di sekelilingnya, dia ternampak abangnya. Kerana tak tertahan akan sedih dan pilunya, dia menangis. Dia keluar dari raga dan menghampiri abangnya. Apabila dilihatnya naga itu keluar dari raga, orang ramai pun lari dari situ kerana ketakutan. Hanya Sudassana yang tinggal di situ. Bhuridatta menghampiri Sudassana, meletakkan kepala di kakinya dan menangis sepuas-puasnya. Sudassana pun turut menangis. Akhirnya, Bhuridatta berhenti menangis dan kembali ke raganya. Alambayana menyangka Bhuridatta telah menggigit Sudassana dan hendak menolongnya. Tetapi Sudassana berkata naga itu tidak boleh mengapa-apakannya. Alambayana memang tidak tahu siapa Sudassana sebenarnya. Dia marah kerana Sudassana berkata begitu, lalu mencabarnya supaya Sudassana bertaruh dengannya. Sudassana berkata, dia akan menggunakan seekor katak sebagai juaranya dan Alambayana boleh menggunakan Bhuridatta. Kemudian Alambayana menghina Sudassana, "Saya kaya, tetapi kamu tidak mempunyai wang. Saya hendak bertaruh lima ribu keping wang!"

Sudassana tidak mempunyai wang. Oleh itu dia pergi ke istana untuk berjumpa bapa saudaranya iaitu Raja Sagara Brahmadata. Dia meminta lima ribu keping wang daripada raja. Baginda sungguh tekejut, tetapi setelah mendengar keterangan Sudassana, baginda bersetuju. Apabila diketahui raja berada di sebelah Sudassana, Alambayana menjadi takut. Tetapi Sudassana berkata, dia bukannya hendak membuat Alambayana mendapat malu, tetapi semata-mata untuk menunjukkan bahawa Bhuridatta adalah naga yang tidak berbahaya.

Kemudian Sudassana menjerit, "O Accimukhi! Keluarlah dari rambutku dan berdirilah di atas tanganku! Dia menghulur tangannya, dan Accimukhi pun mengeluarkan suara katak sebanyak tiga kali; serta keluar dan duduk di atas tangannya, kemudian dia menitikkan tiga titik racun ke atas tapak tangan abangnya dan masuk semula ke dalam rambutnya. Sudassana berdiri sambil memegang racun itu dan menjerit tiga kali, "Negeri ini akan musnah, negeri ini akan habis musnah!"

Raja bertanya Sudassana, bagaimana racun itu boleh dihapuskan. "O Tuanku! Patik tidak nampak sebarang tempat di mana boleh dijatuhkan racun ini," jawab Sudassana. "Tanah di sana cukup luas, buanglah di sana," titah raja. Sudassana menjawab:

"Kalaulah beta membuangnya ke atas tanah, dengarlah, O Tuanku! Patik kata rumput-rumput, pokok-pokok menjalar dan herba-herba akan terbakar dan meletup."

"Baiklah, buanglah saja ke angkasa," kata Raja. Sudassana menjawab:

"Kalau beta mengikut kata-kata Tuanku, dan membuangnya ke angkasa, hujan atau salji dari syurga tidak turun sehingga tujuh tahun."

"Oleh itu, campaklah ia ke dalam sungai," kata Raja. Tetapi Sudassana menjawab:

"Jikalau ke dalam air dicampakkan, dengarlah O Tuanku! Patik kata ikan-ikan, penyu-penyu akan mati begitu juga dengan kehidupan-kehidupan lain di dalam laut."

Raja tiada lagi sebarang cadangan yang hendak dikemukakan, tetapi Sudassana meneruskan, "O Tuanku ! Galilah tiga lubang dalam satu barisan." Sudassana pun memasukkan lubang yang tengah dengan dadah, yang kedua dengan tahi lembu dan yang satu lagi dengan ubat-ubatan yang baik-baik. Kemudian dia menjatuhkan racun itu ke dalam lubang yang tengah. Dengan serta merta api bernyala memenuhi lubang itu, dan merebak ke dalam lubang kedua yang berisi tahi lembu. Sekali lagi api bernyala dengan kuat dan merebak ke lubang yang berisi ubat-ubatan. Ke semuanya habis terbakar dan akhirnya ia padam.

Alambayana berdiri berhampiran dengan tempat pembakaran itu; haba daripada racun itu menyebabkan badannya melepuh. Kulitnya bertukar warna menjadi putih seperti orang yang berpenyakit kusta. Dengan penuh ketakutan dia menjerit tiga kali: "Saya akan bebaskan naga itu!" Bila mendengar kata-kata ini, Bhuridatta keluar dari raga dan menjelma menjadi seorang yang kacak dengan memakai berbagai jenis perhiasan. Sudassana dan Accimukhi berdiri di sisinya. Kemudian Sudassana berkata kepada Raja, "Tahukah tuanku anak-anak siapa kami ini?" Raja menjawab, "Beta tidak tahu," "Tuanku tidak mengenali kami, tetapi tuanku tahu bahawa Raja Benares telah memberi puterinya Samuddaja kepada Dhatarattha." "Beta memang tahu benar, kerana baginda adinda beta," jawab raja. "Kami adalah anak-anak baginda, dan Tuanku adalah paman kami," Sudassana menjelaskan. Lepas itu Raja pun memeluk dan mencium kepala mereka dengan teriak tangis dan membawa mereka masuk ke dalam istana.

Sudassana menceritakan segala apa yang berlaku kepada raja dan meminta baginda menjadi seorang yang baik. Akhirnya, dia berkata, "O paman! bonda kami sungguh rindu hendak bertemu dengan Bhuridatta. Kami tidak boleh tunggu lebih lama lagi." Raja berkata, baginda ingin berjumpa adinda Samuddaja. Kemudian Sudassana bertanya di manakah nenenda mereka, iaitu raja Benares yang dahulunya berada. "Baginda tidak tertahan berpisah dengan bondamu; oleh itu baginda meninggalkan istana untuk menjadi pertapa. Sekarang baginda berada di sebuah hutan," jawab Raja. "Paman, bonda kami sungguh rindu hendak berjumpa nenenda. Kami akan membawa bonda ke tempat pertapaan nenenda." Dengan itu mereka pun menetapkan tarikh untuk ke sana; Raja mengucapkan selamat jalan serta masing-masing dengan teriak tangisnya. Akhirnya mereka bertiga tenggelam ke dalam bumi dan pulang ke alam naga.

Bhuridatta Mengajar Naga-Naga

Apabila Bhuridatta kembali ke alam naga, semua naga tersangat sedih di atas apa yang telah berlaku ke atasnya. Dia sungguh letih kerana dikurung di dalam raga sebulan lamanya. Dia berbaring dan berehat di atas katil. Ramai naga datang menziarahi dan berbual-bual dengannya. Ini membuatkan dia lebih letih. Pada masa itu, Kanaritta yang telah pergi ke dunia dewa-dewa, setelah tidak menjumpai Bhuridatta di sana, dia pun pulang. Jadi mereka memberinya tugas sebagai penjaga pintu bilik sakit Bhuridatta untuk melarang naga-naga lain masuk.

Subhaga yang telah pergi ke Gunung Himalaya, kemudian pergi ke lautan dan sungai-sungai. Akhirnya dia tiba di sungai Yamuna. Pada waktu itu, pemburu Brahmin tersebut berjumpa Alambayana yang telah dihindangi sejenis penyakit seperti penyakit kusta. "Dia menjadi begitu kerana berdosa menyiksa Bhuridatta. Saya juga mengkhianatnya kerana memberitahu ahli sihir itu walau pun dia amat baik pada saya. Sebelum saya menjadi seperti Alambayana, lebih baik saya membasuh segala dosa-dosa saya di tempat mandi menyucikan dosa," fikir pemburu Brahmin. Dengan itu dia pun turun ke dalam air dengan sangkaan bahawa dia dapat membasuh keluar segala dosa-dosanya.

Subhaga tiba di tempat itu, dan apabila mendengar kata-kata pemburu itu, dia berfikir, "Disebabkan batu permata itu, pengkhianat ini telah mengkhianati kekanda saya. Saya tidak akan melepaskannya! Dengan tidak menunggu-nunggu lagi dia melilit kaki pemburu itu dengan ekornya dan mengheretnya turun ke dalam air. Diselamkannya pemburu itu. Bila orang itu mengangkat kepalanya, maka diselamnya. Berulang-ulang Subhaga berbuat begitu.

Pemburu itu sangat takut, dan bertanya hantu kejam manakah yang hendak membunuhnya.. Subhaga menjawab, dia adalah anak kepada raja Naga dan namanya Subhaga. Pemburu itu berfikir, "Sudah tentu adinda Bhuridatta tidak akan melepaskan aku. Aku mesti mengambil hatinya dengan memuji kebaikan ayahanda dan bondanya. Lepas itu aku akan minta supaya dia melepaskan aku." Tetapi Subhaga tahu pemburu itu cuba memperdayakannya. Kemudian pemburu itu memikirkan suatu cara lain, dan berkata, "Pelajaran, sembahyang dan korban kepada api yang suci -- tiga perkara ini akan melindungi seseorang Brahmin daripada dihukum." Apabila Subhaga mendengar kata-katanya, dia berfikir, "Aku akan membawanya ke alam naga dan bertanya kekandaku perkara ini."

Kanaritta yang menjadi pengawal pintu sedang menjalankan tugasnya.. Apabila dia nampak Subhaga sedang mengheret Brahmin itu dengan kasar, dia berkata, Subhaga, jangan apa-apakan dia. Semua Brahmin adalah anak kepada dewa Brahma. Kalau dia mengetahui kita sedang menyakiti anaknya, dia akan marah dan memusnahkan dunia Naga kita ini. Di dalam dunia, Brahminlah orang yang paling tinggi martabadnya. Kanaritta kemudiannya berkata tentang Brahmin;

"Veda dan korban, nilainya amat tinggi dan sungguh mulia; menjadi hak milik Brahmin, meskipun ianya tidak berharga."

Kemudian Kanaritta bertanya Subhaga, adakah dia tahu siapa mencipta dunia ini. Apabila Subhaga berkata dia tidak tahu, Kanaritta menerangkan kepadanya bahawa Brahmalah yang mencipta empat kasta manusia: dia mencipta Brahmin untuk belajar; Khattiyas untuk memerintah sebagai raja-raja; Vessas untuk membajak sawah dan menjadi petani; dan Suddas untuk menjadi hamba kepada yang lain-lain. Kanaritta sambung lagi, kalau seseorang memberi hadiah kepada Brahmin, orang itu akan dilahirkan semula di syurga dewa-dewa.

Selepas Kanaritta bertanya kepada Subhaga, sama ada dia tahu mengapa air laut masin dan tidak boleh diminum. "Saya tidak tahu Arittha," jawab Subhaga. Kanaritta pun bercerita kepada Subhaga bahawasanya pada suatu masa ada seorang Brahmin yang sangat bijak serta mempunyai kuasa ajaib. Suatu hari Brahmin itu jatuh ke dalam laut dan mati lemas. Sejak hari itu air laut tidak boleh diminum. Waktu itu ramai naga yang datang untuk mendengar cerita Kanaritta di luar bilik sakit Bhuridatta itu.

Apabila Bhuridatta mendengar segala cerita yang tidak betul itu daripada Kanaritta, dia membuat keputusan untuk mengajar naga-naga itu perkara yang sebenarnya. Dia bangun dari tempat tidurnya, pergi mandi, kemudian memakai pakaian yang cantik-cantik. Dia memanggil semua naga berkumpul. Kepada Kanaritta dia berkata, "Arittha, kamu telah mengatakan perkara yang tidak benar tentang Brahmin-Brahmin dan Veda-Veda. Segala korban tidaklah perlu dan ia tidak dapat membawa seseorang ke syurga." Kemudian dengan penuh kebijaksanaan Bhuridatta berkata kepada mereka:

Veda-Veda tidak mempunyai kuasa ajaib untuk menyelamatkan si pembelot, si pengecut atau si penjahat;

Api, meskipun dijaga dan dipuja dengan baik bertahun-tahun lepas, akhirnya ia meninggalkan mangsanya tanpa harapan, tanpa belas.

Sesetengahnya menyembah api bagaikan dewa, orang-orang tak bertamadun menganggap air benda ternama;

Tapi kedua-duanya sama terpesong daripada arahnya, tiada satu pun boleh dianggap sebagai dewa.

Memuja api, iaitu hamba biasa bagi semua, ia tak berperasaan pada segala rayuan, serta pekak lagi buta,

Kemudian orang itu hidup bergelumbang dosa, bagaimanakah idamannya untuk hidup bahagia bagaikan di syurga?

Peraturan dan undang-undangnya sendiri tak munasabah dan sia-sia, impian mereka untuk mendapatkan kekayaan dan kuasa;

'Brahmin dicipta untuk memiliki pengetahuan dan mengarah, demikianlah asalnya yang empunya perintah.'

Kita melihat peraturan-peraturan ini dilaksanakan, tiada siapa, kecuali Brahmin melakukan korban,

Tiada yang lain, kecuali Khattiyas yang kuasanya bergoyang, Vessas membajak, Suddas mematuhi perintah dan undang-undang.

Pembohong yang tamak ini hanya mengajar penipuan, si bodoh mempercayai kepercayaan rekaan;

Yang bermata boleh melihat pemandangan yang menyakitkan;
Mengapakah segala kehidupan Brahma tidak diperlengkap dan diperbetulkan?

Sekiranya kuasanya luas tanpa batasan;
Mengapakah tangannya jarang-jarang digunakan untuk merahmatkan?

Mengapakah semua umatnya terpaksa menderita kesakitan?
Kenapakah tidak kepada semua diberikan kebahagiaan?

Kenapakah penipuan, dusta dan kejahatan berleluasa?
Mengapakah kepalsuan menang, kebenaran dan keadilan gagal semata?

Saya kata Brahmamu itu tidak adil dan tidak saksama ,
Membuat dunia ini melindungi segala kesalahan dan perasaan putus asa,

Sungai-sungai pernah mengorbankan cerdik pandai,
Dengan ratusan korban, airnya tetap tenang permai;

Anak-anak sungai terus mengalir tanpa merasai keburukan,
Mengapakah laut sahaja yang menerima cacian dan sumpahan?

Dan terusan-terusan yang mengalir di daratan
Dihasilkan daripada tangan penggali, bukannya daripada sumpahan.

Pada mulanya tiada lelaki dan tiada perempuan;
Hanyalah minda yang mula-mula membawa manusia ke alam nyata, dan kemudian,

Sungguhpun mereka bermula sama taraf dalam persaingan,
Berbagai-bagai kegagalan segera membuatkan mereka bertukar kedudukan;

Ia bukannya sebab kewujudan lampau kekurangan kebajikan,
Tapi kesilapan masa kini.

Kekurangan kebaikan dalam kewujudan lepas bukanlah sebabnya,
Tapi kesilapan masa kini menempatkan mereka di tempat akhir atau pertama.

Seorang pemuda bijak daripada kasta yang rendah boleh menggunakan kecerdasannya,
Dan dengan membaca Veda-Veda; tidak akan pecah kepalanya!

Brahmin-Brahmin membuat Veda-Veda untuk kepentingan mereka,
Manakala yang lain-lain mendapat ilmu pengetahuan yang mereka kehilangan semata.

Setelah Bhuridatta mengajar dan menerangkan kepada mereka, semua naga itu sangat gembira. Bhuridatta menghantar pemburu Brahmin itu pulang ke dunia. Lepas itu dia mengatakan hajatnya untuk mengunjungi nenenda dan pamannya. Dia menyeberangi Sungai Yamuna dan tiba di tempat pertapaan. Ayahanda, bondanya dan yang lain datang kemudian.

Pada mulanya Sagara Brahmadata tidak mengenali siapa yang datang. Baginda bertanya ayahanda baginda, siapa dia Bhuridatta. Apabila semuanya sudah datang, raja pertapa itu memberitahu puteranya, "O anakanda, inilah putera-putera raja Dhataratta, iaitu putera-putera naga adindamu." Sambil mereka berbual-bual, naga-naga itu datang memberi hormat di kaki pertapa itu dan duduk di sebelahnya. Apabila tiba masa hendak pulang ke alam naga, mereka semua bertangis-tangisan. Bhuridatta mengamalkan Sila serta mematuhi Sila pada hari-hari Uposattha. Selepas dia meninggal dunia, dia dilahirkan semula di syurga.

BAB 7

CANDA KUMARA

Pada zaman silam, di Pupphavatia, ada seorang raja bernama Ekaraja dan puteranya bernama Canda Kumara. Sami bagi keluarga ini ialah seorang Brahmin bernama Khandahala. Dia sangat dihormati oleh raja. Suatu hari raja melantiknya menjadi hakim. Tetapi dia tidak amanah dan banyak menerima rasuah. Pada suatu hari seseorang telah kalah dalam perbicaraannya, walaupun setelah dia memberi rasuah kepada Khandahala. Ketika dia sedang berjalan keluar daripada mahkamah, dia bertemu Putera Canda dan merayu agar putera itu menolongnya.

Putera Canda membawa orang itu kembali ke dalam mahkamah. Kali ini orang itu menang dan mendapat balik semua hartanya. Orang ramai sangat gembira dengan keputusan itu. Mereka bersorak dan bertepuk tangan. Apabila berita ini sampai ke pengetahuan raja, baginda melantik Putera Canda menjadi hakim. Sementara itu Khandahala menjadi semakin miskin kerana tidak lagi dapat menerima rasuah. Dia mula membenci Putera Canda.

Raja Ekaraja bukanlah seorang yang bijak. Pada awal suatu pagi, ketika bangun dari peraduannya, baginda ternampak Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-Dewa dengan segala kegemilangannya. Baginda ingin benar hendak ke sana. "Beta mesti bertanya kepada Khandahala bagaimana hendak ke sana." Inilah peluang yang Khandahala nanti-nantikan. Dia menyembah kepada raja, "Tuanku mestilah memberi banyak hadiah dan membunuh yang tidak patut dibunuh."

Raja bertanya Khandahala apa yang dimaksudkannya. Jawab Brahmin itu, "Tuanku, Tuanku mestilah mengorbankan empat putera, empat permaisuri, empat saudagar yang kaya, empat ekor lembu jantan dan empat ekor kuda." Khandahala berfikir, "Kalau saya mengambil Canda Kumara seorang sahaja, semua orang akan tahu saya membencinya." Oleh itu Khandahala menempatkan Putera Canda bersama-sama dengan orang-orang lain dan binatang-binatang untuk dibunuh.

Khandahala menyuruh raja megumpulkan semua orang dan binatang itu untuk dikorbankan. Sebuah lubang besar digali untuk upacara ini. Apabila orang ramai mendengar tentang pengorbanan yang dahsyat ini, mereka menjadi takut. Tetapi raja mempercayai kata-kata Brahmin yang jahat itu. Baginda bertitah, "Dengan mengorbankan anak-anak dan isteri beta, beta akan dapat pergi ke syurga dewa-dewa."

Raja menitahkan askar-askar membawa Putera Canda. Apabila putera itu diberitahu semuanya adalah rancangan jahat Khandahala, dia pun tahulah pengkhianat itu sebenarnya hendak membunuhnya seorang sahaja. Semua orang yang hendak dikorbankan telah pun dibawa ke tempat yang disediakan. Orang ramai merayu agar raja tidak membunuh mereka, tetapi raja enggan mendengar segala nasihat. Bonda raja merayu;

"Mengorbankan putera-puteramu tidak akan membawamu menikmati kebahagiaan di syurga; Usahlah mendengar tipu helah; inilah sebenarnya jalan ke neraka."

Ayahanda raja juga meminta raja supaya jangan melakukan pengorbanan itu, tetapi raja tidak mendengarnya.

Kemudian Putera Canda merayu kepada ayahandanya:

"Biarlah kami menjadi hamba Khandahala, tapi janganlah ambil nyawa kami, Dalam keadaan berantai, kami akan menjaga kuda-kuda dan gajah-gajahnya, jika itu yang diinginkan."

"Biarlah kami menjadi hamba Khandahala, tapi janganlah mengambil nyawa kami, dalam keadaan berantai kami akan bersihkan kandang-kandang kudanya, atau perkarangan rumahnya, jika itu yang dikehendaki."

"Serahlah kami untuk menjadi hamba Khandahala atau pun ke tangan sesiapa malah, atau biarkan kami membawa diri ke mana saja meminta sedekah."

Apabila mendengar rayuan puteranya, raja sungguh sedih hati dan dengan air mata yang bercucuran, baginda berkata, "Tiada siapapun yang akan membunuh putera-putera beta, beta tidak perlu pergi ke syurga dewa-dewa!" Dan baginda pun bertitah supaya mereka dibebaskan.

Waktu itu, Khandahala yang sedang menggali lubang untuk upacara korban itu mendengar raja hendak melepaskan kesemua tahanan itu. Dengan segera dia pergi menghadap raja dan berkata, "Patik sudah pun berkata kepada tuanku adalah amat sukar untuk membuat pengorbanan ini. Mengapakah tuanku berhenti bila kita baru saja mula?" Raja yang bodoh itu mendengar kata-kata Khandahala, sekali lagi menitahkan orang-orang membawa tahanan itu.

Putera Canda sekali lagi meminta raja supaya jangan jadi bodoh:

"Lihatlah burung-burung yang membina sarang-sarang dan menyanyi sepanjang hari, Mereka sayangkan anak-anak mereka dan Tuanku, adakah Tuanku akan membunuh kami? Adakah Tuanku fikir Brahmin kejam itu akan melepaskan nyawa tuanku selepas membunuh kami? Giliranmu akan tiba, O Tuanku ! Bukan patik seorang yang akan mati. "

Sekali lagi raja bersedih dan membebaskan mereka semua. Tetapi Brahmin jahat itu berjaya memujuk baginda supaya meneruskan rancangannya. Kali ini, apabila Putera Canda merayu lagi, baginda tidak menghiraukannya. Putera Canda kemudiannya meminta tolong kepada orang-orang yang berada di situ, tetapi mereka takut hendak bersuara. Kemudian Putera Canda menyuruh isterinya merayu kepada raja dan Khandahala supaya jangan membunuh mereka. Raja tidak menghiraukan permintaan mereka.

Putera kepada Canda, Vasula, melihat penyeksaan yang dialami oleh ayahandanya. Dengan langkah yang lemah, Vasula pergi menghadap raja,

"O bebaskanlah ayahanda saya. Janganlah biarkan saya yang masih kanak-kanak tinggal keseorangan."

Raja merasai seolah-olah jantungnya terbelah dua. Dengan air mata yang berlinangan, dia memeluk cucunya itu dan berkata, "Baiklah, cucunda, nenenda akan beri ayahandamu padamu." Khandahala sekali lagi memberi amaran pada Raja dan sekali lagi Raja menurutnya. Kali ini Khandahala membawa semua tahanan itu ke dalam lubang yang telah digalinya, supaya raja tidak boleh lagi menukar fikirannya.

Semua orang di Pupphavati menangis kerana terlalu sedih. Mereka hendak pergi melihat upacara korban itu, tetapi tidak dapat keluar kerana pintu pagar tidak cukup besar. Khandahala mengarahkan supaya semua pintu-pintu ditutup. Mereka dikurung di dalam kota itu dan menangis kesedihan. Bonda kepada Raja, Permaisuri Gotami, meminta raja membatalkan upacara itu tetapi tidak mendapat jawapan. Baginda kemudiannya menyuruh keempat-empat orang isteri Putera Canda membuat rayuan kepada Raja tetapi tidak juga berhasil. Permaisuri Gotami kemudiannya mula memaki hamun Khandahala.

Berkali-kali mangsa itu merayu supaya raja tidak membunuh mereka, namun raja tidak pedulikan permintaan mereka. Lubang yang digali sudahpun siap. Mereka membawa Putera Canda ke tempat yang disediakan di lubang itu. Khandahala memegang mangkuk emasnya dan mengambil sebilah pedang.

Sambil berdiri di situ dia berkata, "Saya akan memotong lehernya!" Apabila Permaisuri pertama Putera Canda, iaitu Permaisuri Canda, melihat apa yang sedang terjadi, dia mengangkat tangannya menyembah seraya berkata:

"Semoga segala roh-roh di tempat ini - hantu, syaitan dan pari- mendengar kata-kataku ini, Buatlah apa yang aku suruh, kembalikanlah Tuanku kepadaku !"

"O dewa-dewa dan dewi-dewi yang berada di sini, aku sujud di kakimu, Lindungilah aku, dengarlah rayuanku yang tak terdaya ini !"

Raja Sakka, raja kepada segala dewa-dewa mendengar tangisan seta rayuan Permaisuri Canda. Raja Sakka juga nampak apa yang sedang berlaku. Baginda mengambil sebilah tukul besi panas yang merah menyala, mengugut Raja Ekaraja serta menyuraikan orang ramai yang sedang berkumpul di situ. Kemudian Raja Sakka menyuruh raja membebaskan semua tahanan dan menghukum Khandahala kerana kekejamannya.

Orang ramai membunuh Khandhala. Mereka juga hendak membunuh Raja Ekaraja tetapi dilarang oleh Raja Sakka. Sungguh pun mereka tidak membunuh raja itu, tetapi mereka berkata, "Kami tidak mahu dia memerintah atau tinggal di kota ini, kami akan menghalaunya, biar dia tinggal di luar kota." Selepas Ekaraja dibawa ke luar kota, mereka melantik Canda Kumara menjadi raja baru. Raja Canda memberi segala keperluan yang diperlukan oleh Ekaraja, tetapi dia tidak dibenarkan masuk ke kota itu lagi. Waktu Raja Canda keluar dari kota Ekaraja akan ikut bersamanya. Tetapi Ekaraja tidak mahu menggunakan tangannya untuk memberi hormat kepada Raja Canda kerana, fikirnya, dia masih menjadi raja di situ. Dia hanya berkata, "Lanjut usiamu, O Tuan !" Raja Canda memberi segala apa yang diminta oleh ayahandanya.

BAB 8

BRAHMA NARADA

Raja Angati Dan Puteri Ruja

Pada zaman dahulu, di bandar Mithila yang terletak dalam Negeri Videha, terdapat seorang raja yang bernama Angati. Baginda hanya mempunyai seorang puteri yang dipanggil Ruja. Raja sungguh sayang kepada puteri baginda. Tiap-tiap hari baginda menghantar dua puluh lima buah raga yang dipenuhi dengan beraneka jenis bunga dan pakaian yang indah-indah. Tiap-tiap dua minggu sekali, baginda memberi seribu keping wang kepada puteri untuk disedekahkan.

Raja Angati mempunyai tiga orang menteri masing-masing bernama Vijaya, Sunama dan Alata. Pada suatu hari bulan purnama, dalam bulan ke empat, kota Mithila dan istana raja dihiasi dengan indah bagaikan istana dewa-dewa. Penduduknya memakai pakaian yang cantik-cantik. Raja berdiri di jendela bersama menteri-menteri sambil merenung kepada bulan yang sedang mengambang di langit.

Raja Angati berkata, "Sungguh indah malam ini, apakah harus kita buat untuk menghiburkan hati kita?"

"Marilah kita membawa tentera yang gagah lagi berani pergi bertarung. Kita takluk mana-mana yang belum kita takluki" kata Jeneral Alata.

Tetapi Sunama menjawab, "O Tuanku! Semua musuh Tuanku sudah pun berkumpul di sini. Mereka telah pun menyerah kalah dan tunduk kepada Tuanku. Suruhlah mereka membawa daging, minuman dan berbagai jenis makanan. Tuanku, marilah. Kita bersuka ria dengan tarian, nyanyian dan muzik."

Kemudian tiba giliran Vijaya pula untuk memberi pendapatnya, katanya, "O Tuanku! Apa saja keseronokan dan bentuk hiburan idaman Tuanku, Tuanku boleh dapat dengan senang. Tapi walau macam mana pun patik tidak setuju dengan cara ini. Marilah kita tunggu kedatangan seorang alim atau Brahmin yang arif.. Kita boleh belajar banyak perkara daripadanya."

Raja Angati sangat gembira dengan kata-kata Vijaya itu. Alata menerangkan ada seorang pertapa ternama yang bertelanjang bernama Guna di dalam sebuah taman. "Kita akan ke taman itu. Sediakan kereta kuda!" titah raja.

Sebenarnya pertapa yang bertelanjang itu tidak berpengetahuan tinggi. Raja menyوالnya, "Bagaimanakah seharusnya seseorang itu lakukan terhadap ibu bapanya, guru-gurunya, isteri dan anak-anaknya? Bagaimanakah patut dilakukan terhadap orang-orang tua, orang alim dan Brahmin? Bagaimanakah beta harus mengendalikan tentera dan rakyat? Apakah patut beta buat untuk pergi ke syurga? Mengapakah setengah-setengah orang pergi ke neraka?"

Pertapa yang bodoh itu berkata kepada raja, "Tuariku, tiada kebaikan atau kejahatan. Tiada dunia lain, sebab tiada seorang pun yang pernah pulang dari sana. Tiada nenek moyang, bagaimana boleh ada ibu dan bapa? Tiada guru, oleh itu tidak perlu mengajar sesiapa. Semua manusia serupa dan setaraf, kita tidak perlu menghormati sesiapa. Tidak ada apa yang dikatakan kegagalan atau keberanian. Semua kejadian berlaku disebabkan takdir, setiap orang mendapat apa yang dia patut dapat. Tidak ada gunanya memberi sedekah, kita tidak akan dapat apa-apa keuntungan."

Sambungnyalagi, manusia boleh membuat apa saja kejahatan yang mereka mahu. Suatu masa akan tiba, di mana semua orang akan menjadi suci. Sama ada kita membuat baik atau jahat, masa itu akan tetap tiba.

Selepas Alata mendengar huraian yang tak masuk akal daripada pertapa itu, dia berfikir, "Dalam kehidupan yang lepas, aku adalah penyembelih lembu. Aku menyembelih bermacam-macam binatang lain seperti kerbau, babi, biri-biri dan kambing. Tapi sekarang aku dilahirkan semula dalam keluarga jeneral yang kaya. Kejahatan yang aku lakukan dulu tidak membawa sebarang akibat buruk, aku tidak ke neraka."

Seorang hamba abdi yang berpakaian compang-camping bernama Bijaka juga datang mendengar khutbah Guna. Bijaka mengamal Sila. Apabila mendengar kata-kata Guna dan jawapan daripada Alata, dia mengeluh dan menangis. "Mengapa kamu menangis?" tanya Raja.

Bijaka menjawab, "Patik teringat kehidupan patik yang lampau, Tuanku. Dulu patik sungguh gembira. Waktu itu patik ialah Bhavasetthi, seorang yang baik hati dan banyak memberi dana. Brahmin dan orang-orang kaya menghormati patik. Patik tidak melakukan apa-apa kejahatan. Tetapi setelah patik meninggal dunia, kini patik dilahirkan sebagai anak seorang perempuan miskin. Walaupun miskin, patik masih membahagikan separuh daripada makanan patik kepada sesiapa yang memerlukannya. Patik berpuasa pada setiap hari keempat belas dan kelima belas. Patik tidak pernah mengapa-apakan sebarang makhluk. Patik tidak mencuri. Tetapi, semua perbuatan yang baik itu nampaknya tidak mendatangkan apa-apa kesan. Sebagaimana kata Alata, patik fikir tidak ada gunanya berbuat baik. Nampaknya tidak ada jalan ke syurga. Itulah sebabnya patik menangis bila mendengar kata-kata Guna."

"Tiada jalan menuju ke syurga," kata raja, selepas mendengar cerita Bijaka. "Kita hanya patut tunggu sehingga masa kita tiba." Raja menyangka Guna seorang guru yang bijaksana. Tetapi apabila baginda hendak berangkat dari situ, baginda tidak memberi hormat sepenuhnya, kerana Guna bukanlah seorang pertapa yang sebenar-benarnya. Sehubungan dengan itu, Raja pun pulang ke istana dan menyuruh menteri-menteri mengaturkan beberapa acara untuk bersuka ria. Tugas mentadbir negeri diberi kepada orang lain.

Suatu hari, anakanada baginda, Puteri Rujia, melawat baginda. Puteri itu mendengar apa yang raja berkata berkenaan pertapa itu. Kata tuan puteri, "Kalau kita mengikut kanak-kanak, kita menjadi budak. Alata dan Bijaka memang senang diperbodohi. Tapi ayahanda seorang raja yang cerdik lagi bijaksana, bagaimana ayahanda boleh mempercayai apa yang Guna katakan? Sekiranya begitu mudah kita boleh menjadi suci bila tiba masanya, apalah gunanya bagi Guna menjadi pertapa? Dia laksana rama-rama yang terbang ke lilin yang sedang bernyala. Orang-orang bodoh berfikir, mereka boleh menjadi suci melalui kelahiran semula; dan melalui kebodohan serta tanggapan salah mereka, maka kejahatan dilakukan. Mereka bergelumbang dengan dosa akibat kejahatan yang telah mereka lakukan, dan tidak dapat menyelamatkan diri; bolehlah diumpamakan sebagai seekor ikan yang tersangkut di hujung kail.

"O Tuanku ! Seseorang yang banyak membuat jahat samalah seperti sebuah kapal yang sarat dengan muatan. Orang itu akan tenggelam ke dalam neraka. Apa yang sedang Alata buat hari ini, akibatnya tidaklah boleh dilihat serta-merta. Apa yang dia lakukan sekarang akan mengheretnya ke neraka nanti. Pada masa lampau, perlakuannya baik; disebabkan perlakuan yang baik itulah dia sedang menikmati kebahagiaan sekarang.

"Apabila batu penimbang diletakkan di atas dacing, ia akan menjongkit. Demikianlah halnya kalau kita berbuat baik, kita akan memungut hasil kebaikan kita itu sedikit demi sedikit sehingga akhirnya menjadi banyak. Kini Bijaka merana oleh kerana kejahatannya di masa lampau. Namun begitu, dosanya hilang sedikit demi sedikit kerana dia mengamalkan Sila. Janganlah pula dia mengikuti jejak langkah Guna yang bodoh itu.

"Sebarang jenis sahabat kepada seseorang raja sama ada yang baik atau yang jahat, raja itu akan dipengaruhi oleh sahabatnya itu. Kita akan terikut-ikut menjadi seperti sahabat kita; bagaikan anak

panah beracun yang akan meracuni yang lain-lain apabila disimpan bersama di dalam tabungnya. Jika seekor ikan busuk dicucuk dengan rumput, rumput itu juga akan turut menjadi busuk; begitu jugalah kalau kita bergaul dengan orang yang bodoh. Tapi, bila sehelai daun disapu minyak wangi; ia juga akan berbau wangi; demikian jugalah diibaratkan persahabatan dengan orang-orang yang bijaksana. Sebagaimana yang kita boleh mengetahui masak atau tidaknya buah-buahan, kita juga hendaklah mengetahui sama ada baik atau tidaknya kelakuan dan perbuatan kita. Janganlah mengikut orang-orang bodoh, ikutilah orang-orang yang baik. Yang jahat akan mengheret kita ke neraka, tetapi segala kebaikan membawa kita ke syurga.

Kemudian tuan puteri berkata, dia mengingati tujuh kelahirannya yang lepas, dan dia akan hidup sebanyak tujuh kali lagi sahaja. Dalam kelahirannya yang ketujuh dulu, dia adalah anak lelaki kepada seorang tukang besi di Rajagaha. Dia mempunyai seorang sahabat lelaki yang jahat dan banyak berdosa. Mereka suka merayau-rayau dan mengacau isteri-isteri orang. Dosa atau kesan kejahatan yang terkumpul itu, diumpamakan api di dalam sekam.

Sungguhpun begitu, setelah anak tukang besi itu mati, akibat daripada perbuatan-perbuatan baiknya yang terdahulu, dia telah dilahirkan sebagai anak tunggal kepada satu keluarga kaya di Kosambi. Dia sungguh baik orangnya, bijak dan mengamal Sila. Tetapi disebabkan oleh kejahatan yang telah dilakukan dalam kelahirannya terdahulu, selepas mati, dia dilahirkan semula di neraka. Berikutnya dia menjadi seekor kambing, seekor beruk dan seekor lembu jantan. Lepas itu dia dilahirkan sebagai pondan.

Kemudian daripada itu dia dilahirkan di Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-Dewa. Di sanalah dia dapat mengingati semua kewujudannya yang lepas. Dan disebabkan segala kebaikan yang diamalkan di Kosambi, dia akan dilahirkan semula hanya di kalangan dewa-dewa atau manusia. Tetapi selama enam kali kelahirannya, dia akan menjadi perempuan. Dalam kelahirannya yang ke tujuh dan terakhir, dia akan menjadi pari lelaki. Malah pada hari Puteri Ruja sedang berbual dengan Raja Angati, dewa bernama Java sedang mencari satu kalungan bunga untuknya. Umurnya yang enam belas tahun itu berbanding dengan masa di syurga cuma merupakan satu detik sahaja. Seratus musim luruh di sini sama dengan hanya satu hari dan satu malam di syurga. Apa saja perlakuan kita, kesannya akan mengikut kita dengan cara ini, ia akan membawa kebaikan atau keburukan kepada kita.

Narada, Brahma Yang Agung

Puteri Ruja menerangkan Dharma kepada Raja Angati dari awal pagi hinggalah ke malam. Seterusnya dia berkata kepada baginda, "Ayahanda, usahlah mendengar kata-kata pertapa yang bertelanjang itu, tapi terimalah kata-kata daripada sahabat sejati seperti anakanda ini. Anakanda mengatakan dunia lain wujud, dan setiap perlakuan baik atau jahat mesti ada balasannya. Janganlah ikut jalan yang salah." Puteri itu masih tidak berjaya mengubah pandangan ayahandanya yang salah itu. Baginda gembira hanya setakat mendengar suara puteri yang lemak merdu itu sahaja; kerana memang semua ibu bapa suka mendengar percakapan anak-anak mereka. Baginda masih tetap dengan fahaman lamanya.

Meskipun Puteri Ruja gagal untuk menyakinkan Raja, dia tidak berputus asa. Cara lain pula dicubanya: dengan mengangkat tangan menyembah, puteri itu memberi hormat ke sepuluh arah sambil bermohon, "Di dalam dunia ini ramai orang yang baik lagi alim, Brahmin-Brahmin, dewa-dewa, dan dewa-dewa Brahma yang agung. Kemarilah, tolonglah supaya ayahanda hamba ini meninggalkan fahamannya yang salah itu. Dan kalaulah anda tidak mempunyai cukup kuasa dalam diri anda, biarlah anda datang dengan kuasa dan kebaikan diriku ini.

Brahma yang agung pada masa itu ialah Narada, iaitu Bodisatta kita. Bodisatta mempunyai sifat-sifat belas kasihan, cinta kasih serta berkuasa. Mereka sentiasa memandang ke dunia ini untuk melihat orang-orang yang baik dan orang-orang jahat. Pada hari itu, sedang beliau memandang ke dunia, beliau ternampak Puteri Ruja menyembah dewa-dewa dengan harapan dapat membuatkan ayahandanya sedar dan faham. Brahma Narada berfikir, "Selain daripada saya, tidaklah ada lagi orang lain yang boleh menghapuskan

ajaran sesat itu. Hari ini saya mesti pergi menunjukkan perasaan belas kasihan saya kepada puteri itu, dan membawa kebahagiaan kepada raja serta rakyat baginda. Apakah yang patut saya pakai? Sekarang ni, orang-orang menghormati dan suka kepada pertapa. Mereka mendengar kata-kata pertapa. Saya akan ke sana menyamar diri sebagai pertapa."

Brahma Narada yang agung itu pun masuk ke dalam istana dan berdiri di udara di hadapan raja. Melihat keagungan Brahma itu, raja tidak dapat bersemayam di atas singgahsana lagi, lalu baginda pun turun berdiri di lantai dan menyoal apakah sebab beliau datang ke situ, serta siapakah namanya dan keluarganya. Brahma itu menjawab, namanya ialah Narada. Katanya lagi, "Kebenaran, kebaikan, kawalan diri dan sifat bermurah hati inilah sifat-sifat baik saya di masa silam. Dengan mempraktikkan sifat-sifat yang baik ini, saya boleh ke mana-mana saja yang dihajati secepat kilat."

Malah pada waktu Brahma agung itu berkata demikian, raja tidak mempercayai adanya dunia-dunia lain. Baginda menyoal benarkah terdapat dewa-dewa atau nenek-moyang. "Memang benar ada dewa-dewa dan nenek moyang, ada dunia-dunia lain; tapi manusia yang tamak dan dibawa oleh arus keseronokan tidak tahu perihal ini," jawab Brahma Agung.

Raja mentertawakan jawapan Brahma agung itu dan berkata, "Narada, kalau kamu mempercayai ada dunia lain, di mana orang-orang mati akan pergi; beri kepada beta lima ratus keping wang, dan beta akan memberi balik kepada kamu seribu keping dalam dunia yang akan datang ." "Saya boleh beri lima ratus itu, jika saya tahu kamu ini baik lagi bermurah hati. Tetapi siapakah yang mahu meminta seribu itu daripada kamu di dalam dunia yang akan datang, sekiranya kamu berada di dalam neraka? Malah di dunia ini, apabila seseorang itu tidak baik, suka berbuat jahat, malas dan kejam, orang-orang yang bijak tidak mempercayainya. Orang yang demikian tidak akan membayar wang pinjamannya. Kalau seseorang itu mahir, rajin, baik dan bermurah hati, orang akan mempelawanya untuk meminjam. Setelah selesai urusannya, dia akan membayar balik apa yang dipinjamnya," jawab Brahma Agung.

Mendengar kata-kata ini. Raja tidak dapat berhujah lagi. Orang ramai bersorak kegembiraan dan berkata, "O Tuan Puteri! Tuan Puteri sungguh istimewa! Tuan Puteri telah membebaskan Raja daripada fahaman sesat pada hari ini!" Brahma Agung pula berfikir, "Raja ini mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap perkata-perkara yang salah. Saya akan menakut-nakutkannya dengan gambaran neraka, semoga dia meninggalkan fahaman karutnya; lepas itu saya akan membuat dia selesa dengan keadaan di syurga dewa-dewa pula." Lalu Brahma Agung pun menceritakan kepada raja berkenaan berbagai-bagai jenis neraka:

"Bila kamu ke-sana, kamu akan diheret dan dimakan oleh sekumpulan burung gagak, burung-burung nasar dan burung-burung helang. Badanmu akan dikoyak-koyakkan dan berlumuran dengan darah. Siapakah lagi yang akan meminta daripadamu seribu keping wang dalam dunia selepas ini?"

"Kalau tidak ke sana kamu mungkin pergi ke neraka yang terletak di ruangan antara tiga dunia. Di sana keadaannya gelap gelita, tiada bulan atau matahari, amat menakutkan. Siapakah yang akan pergi mencari wang di tempat sedemikian?"

Brahma Agung menggambarkan lagi keadaan di neraka yang lain. Ada dua ekor anjing yang besar - Sabala dan Sama - yang akan melahap orang-orang di dalam neraka. Yang melakukan kejahatan akan dipanah dan ditikam dengan lembing yang tajam. Perutnya akan dibelah dan badannya akan dicarikkkan.

Leming, panah, paku dan senjata-senjata lain akan menghujani orang-orang jahat. Api seperti arang batu dan batu-batu yang merah menyala akan menimpa orang-orang yang kejam.

Angin panas akan meniup di neraka tanpa berhenti-henti. Dan tiada tempat hendak melindungi diri daripadanya.

Seseorang yang jahat akan terpaksa berlari di atas api yang sedang marak menyala serta dirodok dengan benda-benda yang tajam. Seseorang yang berada di dalam neraka terpaksa mendaki gunung yang sedang bernyala serta dipenuhi dengan pisau cukur. Badannya akan luka-luka terhiris dan berlumuran dengan darah. Dia akan terbakar dan sakit tak terhingga.

Terdapat belukar-belukar yang penuh berduri dan paku-paku yang akan meminum darah-darah manusia. Orang-orang yang telah mengusik isteri-isteri orang terpaksa mendakinya. Pesuruh-pesuruh Yama, iaitu dewa di neraka akan menolak mereka naik dengan pedang.

Penjahat-penjahat terpaksa memanjat pokok kapas-sutera yang berlumuran darah. Dia mesti mendaki pokok-pokok yang berdaun pedang-pedang yang akan memotongnya. Bila seseorang melarikan diri daripada pokok yang berdaun besi itu, dia akan jatuh ke dalam sungai Vetarani. Sungai ini berapi dan dipenuhi dengan teratai-teratai besi yang berdaun tajam. Dia akan dihanyutkan. Badannya akan luka parah serta berlumuran darah. Di tempat yang sedemikian, siapakah yang akan meminta wang daripadanya?

Setelah mendapat gambaran daripada Brahma Agung tentang keadaan di neraka, raja menjadi takut dan meminta pertolongan. "Ajarkanlah kepada beta ajaran yang suci serta maknanya sekali. Beta sudah melakukan banyak kejahatan. Tolonglah tunjukkan jalan untuk kebaikan supaya beta tidak terjurumus ke dalam neraka," raja itu merayu kepada Brahma Agung.

Beginilah nasihat Brahma Agung kepada Raja Angati: "Ramai raja lain yang telah menjaga sami-sami, Brahmin-Brahmin, dan mereka telah pergi ke syurga Sakka. Kamu, O Raja, harus mengelakkan daripada kejahatan dan hendaklah berbuat baik. Bawalah makanan dari istana, berikanlah kepada orang yang lapar atau dahaga. Berilah ubat-ubatan kepada yang memerlukannya. Berikanlah pakaian kepada yang tidak mempunyainya. Kepada yang mengembara, berilah payung dan sepatu. Bila seseorang atau seseekor binatang sudah tua, jangan beri mereka bekerja lagi. Hormatilah orang yang patut dihormati."

Kemudiannya, Brahma Agung mengajar Dharma kepada Raja. Beliau menunjukkan bahawa kita ini umpama sebuah kereta kuda yang terdiri daripada berbagai perkakas dan bahagian-bahagian yang dilekatkan bersama. Kalau kita melakukan perkara yang baik-baik belaka, kita akan bahagia, dan tidak akan ke neraka. Lantarannya Raja Angati menjadi seorang yang baik dan meninggalkan fahaman baginda yang salah. Baginda mengamalkan Sila. Baginda juga memuji kebaikan Puteri Ruja dan menasihati semua rakyat supaya berbuat baik. Selepas itu Brahma Agung itu berlepas ke syurga Brahma dengan penuh keagungannya sambil diperhatikan oleh semua orang yang berada di situ.

Dia gembira di dunia ini,
Gembira pula pada kewujudan akan datang,
Yang berbuat baik, gembira pada kedua-dua kewujudan,
" Saya telah berbuat baik " (fikirnya) – maka gembiralah dia,
Bertambah gembiralah lagi bila dia dilahirkan di alam bahagia.

BAB 9

VIDHURA YANG BIJAK

Permaisuri Naga Mahukan Jantung Vidhura

Pada suatu masa, Bodhisatta kita dilahirkan sebagai seorang yang sangat bijak, bernama Vidhura Pandita, di dalam bandar Indapatta, dalam negeri Kuru yang diperintah oleh raja bernama Dhananjaya. Vidhura Pandita sungguh bijak mengajar ajaran-ajaran yang mulia kepada orang ramai dan semua raja dari Jambu-dipa datang untuk mendengar khutbahnya.

Suatu hari, empat orang pertapa turun dari Gunung Himalaya untuk meminta sedekah di Kala-campa, dalam negeri Amga. Empat orang penduduk di situ nampak pertapa itu dan merasa senang hati dengan keadaan rupa paras pertapa-pertapa itu. Mereka memberi makanan dan membina tempat tinggal untuk pertapa-pertapa itu di dalam taman mereka. Selesai makan, pertapa-pertapa itu pergi dari situ untuk meneruskan penghijrahan dan amalan mereka. Seorang daripada mereka pergi ke Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-Dewa, seorang pergi ke alam Naga-Naga, yang seorang lagi ke alam Supannas (pari burung-burung), dan yang keempatnya pergi ke taman Migacira kepunyaan Raja Dhananjaya.

Sekembalinya dari sana, tiap-tiap orang pertapa itu bercerita tentang perkara-perkara yang mengagumkan di tempat-tempat yang mereka lawati. Keempat-empat orang biasa tadi mempunyai hasrat supaya ia dilahirkan semula di tempat-tempat itu. Mereka membuat berbagai-bagai amalan seperti bersedekah; dan setelah mereka mati, salah seorang daripadanya dilahirkan sebagai Raja Sakka, seorang dilahirkan di alam Naga, seorang lagi dilahirkan semula di dalam istana Raja Supanna dan yang keempat sebagai putera Raja Dhananjaya. Keempat-empat pertapa dilahirkan semula di dunia Brahma.

Putera Raja Dhananjaya juga bernama Dhananjaya. Selepas Raja mangkat, Putera Dhananjaya menjadi raja. Baginda merupakan raja yang baik dan termasyhur kerana kemahiran baginda bermain buah dadu. Baginda mengikut kata-kata nasihat Vidhura Pandita. Baginda memberi sedekah, mematuhi Sila dan mengamalkan Sila pada hari Uposatha. Pada suatu hari Uposatha, Raja pergi ke taman untuk bertafakur. Raja Sakka mendapati diri baginda tidak dapat bersemadi di syurga lalu turun ke taman itu. Varuna, raja Naga juga tidak dapat bertafakur di alam Naga dan datang ke taman yang sama. Dan Raja Supanna juga turun untuk bersemadi di taman raja itu.

Apabila senja menjelang, keempat-empat mereka tadi bangun dari tempat duduk masing-masing dan berdiri di pinggir tasik diraja. Mereka memandang antara satu sama lain dengan penuh kasih sayang, kerana mereka telah bersahabat baik sebelum itu. Raja Sakka memulakan perbualan, "Kita adalah empat orang raja sekarang, apakah kebaikan yang paling unggul dan mumi daripada setiap orang daripada kita ini?"

Varuna, raja Naga menjawab, "Raja Supanna ini musuh kami. Tetapi bila beta memandangnya, beta tidak menaruh apa-apa kemarahan. Oleh itu kebaikan betalah yang paling unggul."

Mendengar kata-kata Raja Naga, Raja Supanna berkata, "Naga adalah makanan utama beta; tapi walaupun beta nampak makanan itu di sana, beta menahan kelaparan dan tidak membunuhnya untuk dijadikan makanan. Oleh itu kebaikan betalah yang paling finggi."

Kemudian Raja Sakka pula menyambungi "Beta meninggalkan segala-gala yang gemilang di syurga, dan turun ke dunia untuk berbuat baik. Oleh yang demikian, kebaikan betalah yang paling agung."

Akhimya Raja Dhananjaya berkata: "Hari ini beta meninggalkan istana serta enam belas ribu gadis-gadis penari untuk menjadi pertapa di taman ini. Dengan itu, kebaikan betalah yang paling murni."

"Jadi tiap-tiap orang raja itu mengaku kebaikan diri mereka masing-masing yang paling agung. Mereka bertanya Raja Dhananjaya, "O Raja! Adakah sesiapa yang bijak di istana ini yang boleh menyelesaikan masalah kita?"

"Ya, sahabatku. Saya mempunyai Vidhura Pandita yang boleh menyelesaikan kesangsian kita; kita akan ke tempatnya," kata Raja Dhananjaya.

Keempat-empat raja itu pun pergi berjumpa Vidhura Pandita serta mengemukakan masalah mereka. Selepas mendengar keterangan daripada mereka, Vidhura menerangkan kebaikan setiap orang daripada mereka itu adalah satu dan sama saja. Raja-raja itu sungguh gembira dengan jawapannya. Raja Sakka menghadihkan sehelai jubah sutera yang sangat indah kepada Vidhura. Raja Supanna memberinya kalungan bunga keemasan. Raja Varuna pula memberi sebiji permata dan Raja Dhananjaya menghadihkan seribu ekor lembu dan barang-barang lain.

Apabila permaisuri Raja Naga, Vimala, melihat permata yang dipakai di leher suaminya sudah tiada lagi, baginda bertanyakan suaminya ke manakah permata itu. Raja menerangkan bahawa baginda sungguh suka hati dengan Vidhura Pandita lalu memberi kepadanya. Setelah permaisuri mendengar tentang keagungan Vidhura Pandita daripada raja, baginda juga berniat hendak mendengar khutbah beliau.

Selepas itu Permaisuri berfikir, "Kalau beta memberitahu raja beta hendak mendengar Vidhura Pandita berkhotbah berkenaan Dhamma, dan menyuruh Vidhura dibawa ke mari, mungkin baginda tidak akan membawanya ke mari. Lebih baik beta berpura-pura gering." Dengan itu baginda pun berbaring di atas katil berpura-pura gering.

Apabila Raja tidak melihat Permaisuri, baginda bertanya kalau apa-apa yang tak kena. Dayang-dayang menyatakan permaisuri sedang gering. Raja segera pergi ke tempat permaisuri sedang berehat dan bertanya tentang kegeringannya. Permaisuri menyatakan baginda inginkan jantung Vidhura dan akan mati jika tidak mendapatnya.

Raja Varuna mempunyai seorang puteri yang cantik bernama Irandati. Raja menyuruh puteri mencari seorang suami yang dapat membawa jantung Vidhura Pandita kepada baginda. Dengan itu puteri pergi memetik bunga di Gunung Himalaya dan menaburkannya di atas tanah. Kemudian, dia menari dan menyanyi dengan merdu sekali sambil berkata, "Siapa yang menjadi suamiku, aku akan buat dia amat bahagia!"

Pada ketika itu, seorang jeneral bernama Punnaka sedang menunggang kuda melalui tempat itu. Jeneral itu ialah anak saudara kepada Raja Vessavana yang agung itu. Semasa dia melalui Gunung Hitam, Punnaka terdengar dendangan puteri Irandati. Suara puteri itu meresap masuk ke dalam kulitnya hinggalah ketulangnya kerana dia pernah mendengar suara itu dalam kehidupannya yang lampau. "O Puan! Usahlah risau. Saya akan membawa jantung Vidhura untukmu."

Punnaka tidak berani hendak pergi mendapatkan jantung Vidhura tanpa kebenaran Raja Vessavana. Punnaka pergi berjumpa Raja tetapi pada saat itu Raja sedang sibuk menyelesaikan pergaduhan di antara dua dewa. Raja Vessavana tidak mendengar apa yang Punnaka katakan. Kemudian raja bertitah kepada salah satu daripada dewa-dewa itu, "Pergilah kamu tinggal di dalam istanamu." Apabila Punnaka mendengar perkataan "kamu pergilah", dia berpura-pura seolah-olah raja membenarkan dia pergi. Maka dia pun menunggang kuda ajaibnya pergi dari situ.

Ketika dalam penerbangannya ke udara, dia berfikir, "Vidhura Pandita mempunyai ramai pengikut, tentu dia tidak boleh diambil dengan paksaan; tetapi Raja Dhananjaya tekenal dengan kemahiran baginda dalam

perjudian. Saya akan mengalahkan baginda dan mengambil Vidhura Pandita. Saya akan membawa sebiji permata kepunyaan pemerintah dunia. Tentu raja itu mahukannya." Punnaka kemudiannya menyamar diri menjadi seorang Brahmin yang bernama Kaccayana dan pergi menghadap Raja Dhananjaya.

Punnaka mempunyai seekor kuda ajaib. Ia boleh terbang dan lari dengan sungguh pantas, dan apabila Punnaka menghulurkan tangannya, kuda itu dapat berdiri di atas tapak tangannya. Raja Dhananjaya lebih berminat kepada permata ajaib itu. Bermacam-macam benda boleh dilihat di dalamnya- orang-orang, binatang-binatang, alat-alat muzik, gunung-ganang dan sebagainya.

Kata Punnaka, "O Tuanku! Jika Tuanku menang dalam perjudian dengan patik, patik akan memberi permata ajaib ini kepada Tuanku. Tetapi apakah yang Tuanku akan beri sekiranya patik menang?"

"Beta akan memberi apa saja yang kamu pinta, kecuali badan dan payung putih beta." jawab Raja.

Akhimya Raja dan Punnaka masuk ke dewan perjudian dan mengeluarkan sebuah meja perak serta sebiji dadu emas. Bonda kepada raja itu adalah dewi yang menjaga baginda. Dewi ini menolong baginda supaya memenangi permainan itu. Apabila Punnaka sedar bonda raja itu sedang menggunakan kuasanya untuk menolong baginda, dia mencelikkan matanya dengan luas seperti orang yang marah dan memandang kepada dewi itu. Dewi itu menjadi takut dan terus berundur dari situ. Oleh yang demikian, raja pun kalah dalam perjudian yang menggunakan buah dadu itu.

Vidhura Dan Yakkha

Setelah Raja Dhananjaya kalah kepada Punnaka dalam perjudian yang menggunakan buah dadu itu, baginda bertanya apakah hadiah yang Punnaka mahu. Jawab Punnaka, dia mahukan menteri baginda, Vidhura Pandita. Raja sungguh terperanjat dan berkata, "Dia adalah menteri beta yang tidak boleh dibandingkan dengan harta benda!"

"Adakah kamu ini hamba atau kerabat diraja?" Punnaka menyoal Vidhura. Vidhura menjawab, bahawa dia adalah hamba raja dan boleh diberi kepada sesiapa saja. Oleh itu Punnaka pun mengambilnya. Tetapi sebelum meninggalkan negerinya, Vidhura meminta izin untuk berkhotbah kepada isteri-isteri dan anak-anaknya terlebih dahulu. Pada hari ketiga, setelah habis memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada keluarganya, dia dengan tenangnya mengikuti Punnaka.

Kemudian Vidhura pergi menghadap raja untuk mengucapkan selamat tinggal. Raja amat sedih dan hiba kerana Vidhura terpaksa pergi. "Beta akan menghantar seorang Brahmin muda untuk melakukan sesuatu, kemudian kita akan membunuh Punnaka." Tetapi Vidhura menasihati raja, bahawa seseorang raja tidak patut membuat pekerjaan yang keji seperti itu. Akhirnya Punnaka pun membawa Vidhura pergi dari situ.

Punnaka memandang Vidhura lalu berkata, "Kamu sekarang ini sedang mengorak langkah daripada hidup kepada mati; perjalanan yang jauh sedang menunggumu. Peganglah ekor kuda ajaibku; kamu tidak akan dapat melihat dunia manusia lagi.

Jawab Vidhura, "Saya tidak takut kepada sesiapa pun sebab saya tidak pernah mengkhianati sesiapa sama ada dengan cara pemikiran, percakapan atau perlakuan saya. Oleh itu, tiada sesiapa pun yang boleh mengkhianati saya". Kemudian dia pun memegang ekor kuda itu. Dengan keadaan demikian, mereka berkuda di angkasa menuju ke Gunung Hitam. Vidhura tidak pun tercedera disebabkan oleh pokok-pokok atau batu-batu.

Punnaka seterusnya cuba menakutkan Vidhura. Dia menjelma dirinya. menjadi hantu, tetapi Vidhura tidak takut sedikit pun. Kemudian dia bertukar menjadi singa, kemudian menjadi seekor gajah; selepas itu menjadi seekor ular yang sangat besar. Vidhura. masih juga tidak gentar. Punnaka cuba pula membuat

angin yang bertiup kencang, tetapi Vidhura tetap membisu. Lepas itu dia meletakkan Vidhura di atas puncak gunung dan menukar dirinya menjadi seekor gajah yang amat besar. Dia menggegarkan dan menggoyang gunung itu dari kiri ke kanan, dan dari kanan ke kiri tak ubah seperti sebatang pokok palma. Namun demikian Vidhura tidak takut. Seterusnya Punnaka masuk ke dalam gunung itu dan membuat suatu bunyi yang sungguh kuat dan menakutkan; tetapi semua usahanya gagal untuk menakutkan Vidhura.

Dia terlintas suatu fikiran, "Aku akan membunuhnya dengan tanganku sendiri!" Dia menangkap Vidhura, sambil berdiri di atas kemuncak gunung itu, Punnaka menghayun Vidhura dalam keadaan kepalanya ke bawah. Semasa ianya dihayun sedemikian, Vidhura menyoal Punnaka, "Apakah sebabnya maka kamu hendak membunuh saya?" Selepas sebab-musababnya diberitahu, Vidhura pun fahamlah bahawa kata-kata Permaisuri itu telah disalah tafsir. Permaisuri itu bukannya inginkan jantung di dalam badan Vidhura. Apa yang baginda mahukan ialah jantung kebijaksanaannya.

Vidhura meminta Punnaka mendengar dia berkhotbah terlebih dahulu. Selepas itu dia rela memberi jantungnya. Setelah Punnaka mendengar khutbah Vidhura, dia menyedari tentang kejahatan yang telah dilakukannya. Lantarnya dia telah membebaskan Vidhura. Walau bagaimanapun Vidhura tidak terus pulang ke negerinya. Sebaliknya dia menyuruh Punnaka membawanya ke alam naga untuk membetulkan segala sangkaan yang salah itu.

Punnaka membawa Vidhura berjumpa Raja Naga. Vidhura berdiam diri sahaja, dan Raja Naga sangkakan dia takut. Tetapi Vidhura menjelaskan, dia tidak takut walaupun kepada mati. Vidhura seterusnya bertanya Raja Naga, sama ada baginda tahu bagaimana baginda boleh dilahirkan dalam dunia yang penuh kegembiraan, dengan berbagai-bagai perkara yang gilang-gemilang. Raja Naga menerangkan baginda telah membuat amalan-amalan yang baik di masa silam. "Semasa kami menjadi manusia dulu," kata raja, "isteri beta dan beta sendiri hidup dengan penuh keimanan. Kami menjaga sami-sami dan Brahmin di rumah kami. Kami menghadiahkan bunga malai, air wangi, ubat-ubatan, lampu-lampu, kerusi-kerusi, tempat-tempat berehat, kain baju, katil-katil, makanan dan minuman. Disebabkan pemberian itulah kami dilahirkan di alam Naga dan di istana yang indah permai ini.

"Oleh itu Tuanku patutlah meneruskan amalan baik itu supaya Tuanku akan dapat tinggal di istana lagi."

"Tetapi di sini tiada sami atau Brahmin yang mana beta boleh memberi sedekah," jawab Raja.

"Naga-naga di sini mempunyai anak-anak dan isteri-isteri mereka. Hindarilah daripada melakukan kejahatan terhadap mereka, sama ada dari segi perlakuan atau percakapan. Dengan itu Tuanku akan tetap di sini sepanjang hayat; dan selepas mangkat, akan pergi ke dunia dewa-dewa.

Raja Naga sungguh suka hati mendengar ajaran Vidhura itu. Fikir baginda, "Beta akan membawanya kepada Vimala dan biarkan dia mendengar nasihat-nasihatnya." Apabila Vimala melihat Vidhura, baginda menyembah memberi hormat. Alangkah bahagianya hati baginda ketika itu. Vidhura berkhotbah kepada permaisuri Vimala. Selepas itu ia berkata, "Usahlah risau, O Naga! Saya sudah ke mari untuk apa jua pun puan hendak guna badan patik, atau jantung dan daging patik, patik sedia menyerah diri dan akan menurut segala hasrat puan."

"Kebijaksanaanmu laksana jantung bagi orang-orang yang arif," kata Raja Naga. "Kami sungguh bahagia hari ini kerana kebijaksanaanmu. Biarlah orang yang membawa tuan ke mari mendapatkan bakal isterinya dan membawa tuan pulang ke negeri Kuru hari ini juga. "

Pada awal pagi, hari yang sama. Raja Dhananjaya bermimpi. Mimpi baginda begini: Di pintu istana raja terdapat sebatang pokok besar yang mana dahannya umpama kebijaksanaan, rantingnya umpama

kebaikan, serta buah-buahnya terdiri daripada lima hasil tenusu (susu, minyak sapi, dadih susu, mentega dan susu cair yang lemaknya telah diasingkan)

Pokok ini ditutup dengan gajah-gajah, kuda-kuda yang dihiasi dengan kain-kain penutup yang indah-indah. Ramai orang yang datang menyembahnya dengan penuh hormat. Tiba-tiba datang seorang berkulit hitam memakai kain merah, subang yang terdiri daripada bunga merah, membawa senjata di tangannya lalu menebang pokok itu di umbinya. Orang ramai merayu supaya jangan dipotong pokok itu, tetapi tidak dihiraukannya. Kemudian diheretnya pokok itu pergi dari situ.

Raja Dhananjaya tahu maksud mimpi baginda. Vidhura diibaratkan sebagai pokok itu dan Punnaka orang yang memotongnya. Raja menitahkan rakyat jelata berkumpul di dalam Dewan Kebenaran menunggu kepulangan Vidhura Pandita dan Punnaka. Apabila Vidhura tiba. Raja menyuruh beliau duduk berhampiran dengan pintu di tengah-tengah majlis perhimpunan di dalam Dewan Kebenaran itu. Kemudian Punnaka dan Puteri Irandati meninggalkan mereka untuk pulang ke kota mereka di kayangan.

Setiap orang sangat sukahati dapat bertemu dengan Vidhura Pandita semula. Raja bertanya kepada Vidhura, "Bagaimana Brahmin muda itu boleh melepaskan kamu?" Lalu diterang oleh Vidhura segala apa yang telah berlaku:

"O Tuanku! Orang yang tuanku katakan orang muda itu bukannya sembarangan orang. Beliau ialah Punnaka, menteri kepada Raja Vessanvana. Punnaka mencintai puteri Irandati, iaitu puteri Raja Naga yang bernama Varuna. Dia bercadang hendak membunuh patik untuk mendapatkan puteri yang dicintainya itu. Sekarang dia sudah pun beristerikan puteri idamannya itu. Patik dibenarkan pulang. Raja Naga pula memberi permata baginda kepada patik." Vidhura juga menjelaskan bagaimana Raja Naga tersalah faham akan kehendak permaisuri yang sebenarnya. Bukannya jantung daripada badan Vidhura yang dikehendaki baginda; tetapi kebijaksanaan serta khutbah Vidhura yang baginda ingin mendengarnya.

Raja beserta sekalian rakyat begitu gembira sekali, sehinggakan mereka mengadakan perayaan sebulan lamanya. Bodhisatta berkhotbah kepada Raja dan sekalian orang dengan menyuruh mereka melakukan perbuatan yang baik serta memberi sedekah. Selepas raja mangkat, baginda dilahirkan di syurga dewa-dewa.

Jika seseorang mendampingi dan mengikuti orang bijak yang sudi membetulkan kesalahannya, diumpamakan dia telah menjejakkan langkah ke khazanah. Dia akan mendapat keuntungan dan bukannya kerugian.

(Dhammapada, ayat 76)

Orang yang bijak harus menasihati orang lain,
memberi tunjuk ajar demi mencegah mereka melakukan kejahatan.
Ia dipandang mulia oleh orang baik-baik, sebaliknya dicemuhi oleh orang yang jahat.

(Dhammapada, ayat 77)

BAB 10

VESSANTARA YANG MURAH HATI

Putera Vessantara Dihalau

Raja Sakka, raja kepada dewa-dewa, mempunyai permaisuri utama bernama Phusati. Bila tiba masanya untuk Phusati meninggalkan Syurga Tiga Puluh Tiga Dewa-Dewa, baginda telah dilahirkan semula di dunia menjadi bonda kepada Bhodisatta. Setelah dilahirkan di dunia, baginda dinamakan Phusati juga dan membesar menjadi seorang gadis yang sangat cantik. Bila genap enam belas tahun usianya, baginda dikahwinkan dengan Sanjava, raja Negeri Sivi. Mereka saling cinta mencintai. Apabila mengetahui dirinya sudah hamil, baginda membina enam buah dewan untuk membuat amal.

Sewaktu Phusati hampir hendak bersalin, baginda ingin melawati segenap ceruk di bandar Jetuttara, ibu negeri Sivi. Waktu tiba di kawasan yang didiami oleh saudagar-saudagar (vessa), baginda melahirkan seorang putera. Jadi putera itu dipanggil Vessantara. Kemudian suatu peristiwa yang ajaib berlaku; bayi itu berkata: "Bonda, apakah pemberian yang patut saya sedekahkan?" "Ya, anakanda, berilah sesuka hatimu," jawab Permaisuri Phusati. Lalu permaisuri pun memberi sebuah dompet yang berisi seribu keping wang kepada puteranya.

Raja membuat seutas rantai leher berharga seratus ribu keping wang. Tetapi semasa umur Vessantara empat atau lima tahun, dia telah memberi rantai itu kepada pengasuhnya. Semasa umurnya lapan tahun, dia ingin memberi sesuatu kepunyaannya sendiri. Katanya, "Sekiranya seseorang meminta jantungku, aku akan memberi kepadanya; jika ada orang yang meminta matakku, atau dagingku, aku akan berikan juga." Ketika kata-kata yang mulia ini diucapkan, bumi bergetar dan langit bergemuruh memecah kesunyian di atas Gunung Himalaya.

Apa jua barang yang Vessantara ada, dia akan memberikannya kepada sesiapa saja yang memintanya. Setelah umurnya meningkat enam belas tahun, dia telah tamat mempelajari apa yang sepatutnya diketahui. Kemudian Vessantara berkahwin dengan Puteri Maddi. Raja Vessantara dan Permaisuri Maddi hidup aman bahagia. Tidak lama kemudian mereka dikurniakan seorang putera yang dinamakan Jali, dan seorang puteri, bernama Kanha-jina.

Raja Vessantara mempunyai seekor gajah putih yang cantik. Dalam masa satu bulan, baginda akan menunggangnya sebanyak enam kali untuk pergi ke dewan yang telah dibina oleh bonda baginda untuk bersedekah. Negeri itu kaya raya; hujannya mencukupi di sawah dan ladang. Penduduk-penduduk di situ percaya, semua ini adalah kerana gajah putih itu.

Tetapi pada masa itu di negeri Kalinga, hujan tidak turun. Penduduk-penduduk bersembahyang, manakala raja membuat penyembahan; namun hujan masih tidak turun-turun. Penduduk-penduduk negeri itu mendengar khabar tentang gajah putih Vessantara. Mereka tahu, jika diminta, baginda pasti akan memberi gajah itu. Oleh yang demikian, lapan orang Brahmin dihantar untuk meminta gajah itu daripada Vessantara.

Pada masa Brahmin-Brahmin itu tiba di Sivi, Vessantara sedang menunggang gajah putihnya sambil bersedekah. Gajah itu diliputi dengan batu permatayang bernilai dan kain-kain yang mahal. Apabila Vessantara mendengar yang Brahmin-Brahmin itu mahukan gajah itu, baginda terus memberi kepada mereka dengan mencurahkan air ke dalam tangan mereka. Apabila perbuatan yang mulia ini dilihat oleh dewa-dewa, bumi pun bergetar, langit bergemuruh serta kilat sabung- menyabung.

Rakyat jelata menjadi marah, bila mereka ketahui Raja Vessantara telah memberi kepada orang gajah putih yang telah membuatkan kehidupan mereka kaya dan bahagia. Mereka memaksa Raja Sanjaya supaya menjadi raja semula dan menghalau Vessantara. Ayahanda dan bonda baginda sungguh sedih dan hiba sekali, tetapi mereka terpaksa menurut kehendak rakyat. Vessantara diberi masa hanya satu hari untuk meninggalkan bandar itu.

Pada hari itu Vessantara telah membuat dana atau sedekah yang agung. Ia dikenali dengan nama "Pemberian Tujuh Ratus". Bagi setiap jenis harta bendanya diberikan sebanyak tujuh ratus; ianya termasuk: gajah, kuda, kereta kuda, gadis-gadis, hamba-hamba dan lain-lainnya lagi. Raja-raja, sami-sami dan orang-orang yang tinggal berjauhan juga datang untuk mengambil pemberian itu. Apabila permaisuri Maddi serta anakanda mereka mengetahui bahawa Vessantara telah dihalau, mereka ingin ikut bersama dan tidak mahu ditinggalkan di situ. Itulah malam yang terakhir bagi mereka di istana.

Vessantara Tinggal Di Dalam Hutan

Bila subuh menjelang, Vessantara dan keluarganya meninggalkan kota itu dengan sebuah kereta kuda yang ditarik oleh empat ekor kuda. Sebaik sahaja mereka keluar dan pintu pagar kota itu ditutup, mereka bertemu dengan empat orang Brahmin. Brahmin-Brahmin itu tiba terlalu lewat untuk mendapatkan pemberian Vessantara. Oleh hal yang demikian, mereka pun meminta keempat-empat ekor kuda itu, dan Vessantara memberinya juga kepada mereka. Pada saat itu juga, dewa-dewa menghantar empat pesuruh mereka yang telah menjelma menjadi empat ekor rusa jantan untuk menarik kereta itu.

Selepas itu datang seorang Brahmin lagi meminta kereta kuda itu. Vessantara memberi kepadanya dengan senang hati. Rusa-rusa tadi pun ghaib. Vessantara serta isterinya meneruskan perjalanan mereka dengan berjalan kaki. Jali didukung oleh Vessantara, manakala Maddi mendukung Kanha-jina.

Dalam perjalanan mereka, mula-mula mereka tiba di kota Ceta yang diperintah oleh paman Vessantara. Mereka berehat selama sehari semalam di dalam sebuah dewan di sana. Mereka enggan masuk ke dalam istana, walaupun raja itu menjemput mereka menolong baginda memerintah negeri itu. Apabila mereka berangkat dari kota itu, raja ikut sama ke dalam hutan yang berhampiran, di mana baginda menyuruh seorang penghuni hutan itu memandu mereka hingga tiba di tebing sungai. Di sana mereka berehat dan makan. Selepas itu mereka meneruskan perjalanan ke kaki Gunung Himalaya. Mereka mengikuti satu lorong sempit yang membawa mereka ke sebuah hutan dan akhirnya tiba di kaki Gunung Vanka.

Pada waktu itu, Raja Sakka, raja dewa-dewa memandang ke bawah dan nampak apa yang telah berlaku. Fikir baginda, "Bodhisatta sudah tiba di kawasan Gunung Himalaya dan mereka mestilah mendapat suatu tempat untuk menginap." Jadi baginda menyuruh dewa Vissakamma pergi ke gunung Vanka bagi membina tempat tinggal untuk seorang pertapa di satu kawasan yang sesuai. Vissakamma membina dua tempat kediaman untuk pertapa. Dibinanya bilik-bilik untuk waktu malam, bilik-bilik untuk siang hari dan tempat untuk berjalan-jalan. Pokok-pokok yang berbunga ditanam berbaris-baris. Terdapat juga pokok-pokok pisang. Semua peralatan yang diperlukan oleh seseorang pertapa juga disediakan. Setelah selesai semuanya, Vissakamma menulis perkataan ini: "TEMPAT TINGGAL INI UNTUK PERTAPA".

Vessantara ternampak satu lorong dan beliau tahu tentu ia menuju ke arah kediaman pertapa. Beliau meninggalkan Maddi bersama anak-anak berhampiran pintu masuk. Beliau nampak perkataan yang ditulis oleh Vissakamma. Vessantara tahu Raja Sakka telah menolongnya. Dia pun membuka pintu dan masuk ke dalamnya. Kemudian dia meletakkan busur panah dan pedangnya serta memakai pakaian sebagai pertapa. Apabila dilihat oleh Maddi, Vessantara berpakaian sedemikian, Maddi pun menangis dan duduk di kaki suaminya. Kemudian dia pun masuk ke dalam biliknya untuk memakai pakaian bagi menjadi seorang pertapa juga. Lepas itu kedua-dua anak mereka juga dipakaikan dengan pakaian pertapa. Dengan itu terdapat empat orang pertapa di Gunung Vanka.

Maddi kemudiannya memberitahu Vessantara bahawa dia ingin menjaga Vessantara serta anak-anak mereka dengan mencari buah-buahan di dalam hutan. Semenjak hari itu dialah yang mencari buah-buahan di hutan dan menyara mereka bertiga. Vessantara menerangkan kepada Maddi bahawa mereka mestilah berkelakuan baik kerana mereka sekarang telah menjadi pertapa.

Vessantara begitu baik dan mulia; sehingga menyebabkan binatang-binatang liar yang tinggal di sekeliling kawasan kediaman mereka berbaik-baik di antara satu sama lain. Tiap-tiap hari pada waktu subuh, Maddi akan bangun untuk menyediakan makanan dan minuman. Selepas selesai menyapu lantai, dia akan meninggalkan kedua-dua anak mereka bersama bapanya dan keluar ke hutan untuk mengutip akar-akar kayu dan buah-buahan. Pada waktu petang, dia akan pulang. Selepas menyimpan makanan yang dibawa balik di dalam bilik, dia akan memandikan anak-anaknya. Akhirnya Maddi membawa kedua-dua anak-anaknya itu pergi tidur di dalam biliknya. Beginilah keadaan hidup mereka selama tujuh bulan di gunung itu.

Pada waktu itu, hujan sudah pun turun di Negeri Kalinga kerana gajah putih itu. Di dalam sebuah kampung di negeri itu, tinggal seorang Brahmin bernama Jujaka. Brahmin itu sudah pun tua tetapi mempunyai seorang isteri yang masih muda dan cantik. Pada masa isteri Brahmin itu pergi ke perigi untuk mengambil air, dia selalu diusik oleh perempuan-perempuan di kampung itu kerana menjaga suaminya yang sudah tua lagi hodoh itu dengan begitu baik. Lantaran itu, dia tidak mahu pergi ke telaga lagi. Dia menyuruh Jujaka mencari pembantu rumah. Dia telah mendengar tentang Vessantara yang sangat murah hati itu dan menyuruh Jujaka pergi mencarinya serta meminta kedua-dua orang anaknya untuk dijadikan orang suruhannya.

Vessantara Dan Jujaka

Jujaka, Brahmin yang tamak itu pergi ke dalam hutan di kaki Gunung Vanka untuk meminta anak-anak Vessantara. Semasa Jujaka merayau-rayau di dalam hutan, dia melaung, "Siapakah yang boleh memberitahu saya di mana Vessantara? Siapakah yang boleh memberitahu saya di mana Vessantara?" Seorang penghuni hutan terdengar laungan Jujaka. Orang itu menyangka yang Jujaka datang untuk menyusahkan Vessantara. Fikirnya, "Mungkin dia datang untuk meminta Maddi atau anak-anak mereka. Baiklah, saya akan membunuhnya!"

Penghuni hutan itu melepaskan anjingnya. Apabila dilihat akan Jujaka, orang itu dan anjingnya menyerbu ke arahnya, dengan pantas dia memanjat naik ke atas pokok. Orang itu mengambil panahnya untuk memanah Jujaka. Dia sungguh takut. Dengan cepat dia mereka satu cerita. Katanya, "Raja telah menitahkan saya ke mari untuk membawa Vessantara pulang ke istana!" Orang itu sangat gembira mendengar 'berita' itu dan melepaskan Jujaka.

Orang itu memberi makanan, arak dan sepaha daging rusa panggang kepada Jujaka. Dia menerangkan bagaimana hendak ke tempat kediaman Vessantara. Di tengah jalan, hendaklah dia berjumpa dengan seorang pertapa yang bernama Accata yang akan memberitahunya di mana Vessantara tinggal. Apabila Jujaka bertemu dengan Accata, dia juga memberi makanan kepada Jujaka dan menerangkan di mana tempat kediaman Vessantara.

Malam itu Maddi bermimpi. Beginilah mimpinya: Seorang berkulit hitam yang berpakaian kuning, dengan bunga-bunga berwarna merah di kedua-dua telinganya datang dan masuk ke dalam pondok yang diperbuat daripada daun-daun. Dia menarik rambut Maddi dan mengheretnya keluar serta menolaknya ke tanah. Apabila Maddi menjerit, dia mencungkil keluar kedua-dua biji matanya, memotong kedua-dua belah tangannya. Kemudian dadanya dibelah dua dan jantungnya dicabut keluar. Dengan darah yang sedang berpancutan, dia membawa jantung itu sambil berlari pergi dari situ. Maddi terjaga daripada tidurnya dan merasai amat takut. Fikirnya, "Saya bermimpi suatu mimpi yang buruk. Saya mesti tanya Vessantara."

Setelah Vessantara mendengar mimpi Maddi, dia tahu bahawa seseorang' akan datang untuk meminta anaknya. Vessantara tidak mahu menyusahkan hati Maddi. Oleh itu dia berkata, "Awak tidak tidur dengan baik, atau boleh jadi perut awak kurang sihat." Usahlah risau." Lepas itu Maddi pun pergi ke hutan untuk mencari buah-buahan dan akar-akar kayu.

Dalam masa peninggalan Maddi, Jujaka tiba dan meminta anak-anak mereka daripada Vessantara. Jujaka menerangkan yang dia hendak mengambil anak-anak itu untuk dijadikan orang suruhan isterinya. Apabila didengar oleh Jali dan Kanha-jina percakapan Jujaka yang demikian, mereka pun lari dan menyembunyikan diri di dalam tasik yang dipenuhi dengan teratai. Vessantara pergi mencari dan memanggil mereka. Apabila Jali mendengar panggilan bapanya, dia berfikir, "Saya tidak akan engkar dengan bapa saya. Biarlah Brahmin itu membuat sesuka hatinya kepada saya."

Kemudian Vessantara memanggil Kanha-jina. Kedua-dua kanak-kanak itu keluar dari tasik. Sambil memeluk kaki bapa mereka, mereka menangis. Kemudian Vessantara mengambil bekas air dan memanggil Brahmin itu. Dia menuangkan air sambil berdoa, semoga dia mendapat kuasa untuk mengetahui segala-galanya. Jujaka pun membawa kedua-dua kanak-kanak itu ke dalam hutan. Dia mengambil akar untuk mengikat tangan kanan Jali ke tangan kiri adiknya. Dia menyuruh mereka berjalan sambil menyebat mereka dengan batang-batang pokok yang menjalar.

Jujaka memukul kanak-kanak itu sehingga kulit mereka luka-luka dan berdarah. Mereka menjadi lemah kerana kesakitan. Kanak-kanak itu menyandar antara satu sama lain. Apabila tiba di satu tempat yang susah dilalui, Jujaka tersepak dan rebah. Kedua-dua anak itu pun melepaskan ikatan pada tangan mereka dan lari pulang ke pangkuan bapa mereka. Apabila Vessantara tahu betapa anak-anaknya telah dianiayai oleh Brahmin itu, hatinya sungguh pedih. Kerana tidak tertahan, dia lari masuk ke dalam pondoknya lalu meratap dengan penuh kesedihan. Sekali fikir, dia hendak mengejar dan membunuh Brahmin yang kejam itu. Tetapi dia tidak boleh berbuat begitu, fikirnya. Dia telah memberi anak-anak itu kepadanya. Tidak lama kemudian, Jujaka tiba dengan membawa tali dan tongkat di tangannya. Dia memarahi kanak-kanak itu. Sekali lagi dia mengikat tangan mereka dan membawa mereka pergi dari situ.

Vessantara Menjadi Raja Sivi

Pada waktu Vessantara menyerahkan anak-anak kesayangannya kepada Jujaka, terjadi suatu bunyi yang amat kuat di bumi ini sehinggakan kedengaran sampai ke syurga Brahma. Dewa-dewa yang tinggal di Gunung Himalaya juga turut bersedih. Tiga daripada dewa-dewa itu menjelma menjadi seekor singa, seekor harimau dan seekor harimau bintang, untuk menghalang Maddi daripada pulang lebih awal. Dengan cara ini, anak-anak itu akan berlepas jauh dari situ dan Maddi tidak akan dapat mengejar mereka.

Bila Maddi pulang ke tempat pertapaan mereka, didapati Jali dan Kanha-jina tiada. Dia bertanyakan Vessantara di mana anak-anak mereka berada, tetapi Vessantara hanya membisu. Di segenapceruk Maddi mencari anak-anaknya. Dia mencari mereka di bawah pokok-pokok, di dalam taman bunga, di dalam hutan dan di bukit yang berhampiran; namun mereka tidak juga ditemui. Tiga kali dia berulang-alik ke tempat-tempat tersebut, tetapi anak-anaknya masih juga tiada.

Akhirnya Maddi pulang dan pengsan. "Dia sudah mati!" Fikir Vessantara. Dia merasai denyutan jantung Maddi, dan didapati isterinya masih hidup. Oleh itu dia mengambil air dan menyapu pada muka isterinya. Apabila Maddi telah sedar diri, Vessantara memberitahunya bahawa dia telah memberi anak-anak mereka kepada seorang Brahmin.

"Sayangku," kata Maddi, "kalau anda telah memberi anak-anak kita kepada Brahmin itu, mengapakah anda membiarkan saya bersedih dan meratap tangis semalam-malaman tanpa bersuara?"

"Saya takut anda akan bersedih," kata Vessantara.

"Tiada pemberian yang lebih mulia daripada memberi anak" kata Maddi, "Saya merasa gembira untuk anda, kerana kebanyakan orang di dalam dunia ini suka mementingkan diri sendiri."

Semasa mereka sedang bercakap itu. Raja Sakka, raja dewa-dewa, sedang berfikir, "Kelmarin Vessantara memberi anak-anaknya kepada Jujaka dan bumi mengeluarkan suatu bunyi. Sekarang, andainya seseorang pergi meminta Maddi daripadanya, dia akan tinggal seorang diri. Baiklah, beta akan menyamar menjadi seorang Brahmin dan meminta Maddi daripadanya. Dengan itu beta akan membuatnya memberi pemberian yang paling mulia. Lepas itu beta akan memberi Maddi balik kepadanya."

Oleh itu Raja Sakka bertukar menjadi seorang Brahmin tua dan pergi ke tempat Vessantara. Katanya, "O tuanku, saya sudah tua, tetapi saya datang ke sini untuk meminta isteri tuanku, Maddi. Tolonglah berikannya kepada saya."

Tanpa berfikir panjang atau berkata sebarang sepatah pun, Vessantara dengan segera mengambil air dan menuangkannya ke atas tangan kanan Brahmin itu serta memberi Maddi kepadanya. Vessantara memandang wajah isterinya untuk melihat bagaimana perasaannya. Maddi berkata, "Vessantara masih suami saya; tetapi tak mengapalah, biarlah dia memberi diriku ini kepada siapa saja yang dia suka, atau sama ada hendak dijualnya atau hendak dibunuh sekali pun."

Kemudian Raja Sakka berfikir pula, "Sekarang, beta akan beri balik Maddi kepadanya dan pergi dari sini." Sakka menjelma balik menjadi dewa dan terbang ke udara. Sebelum meninggalkan tempat itu, baginda membenarkan Vessantara membuat lapan permintaan. Inilah kelapan-lapan permintaan Vessantara: "Biarlah saya bertemu ayahanda saya semula dan menjadi raja sekali lagi. Janganlah saya membunuh sesiapa pun. Biarlah semua orang datang kepada saya untuk mendapat pertolongan. Semoga saya berbahagia dan berpuas hati dengan isteri saya sendiri tanpa mencari isteri-isteri orang lain. Berilah umur yang panjang kepada putera kesayangan saya. Setiap awal pagi semoga terdapat makanan-makanan yang lazat untuk kami. Semoga saya sentiasa berupaya memberi barang-barang kepada orang lain. Dengan jalan tersebut, semoga saya dapat terus pergi ke syurga tanpa dilahirkan lagi di bumi. "

Vessantara hidup aman bahagia bersama Maddi di tempat pertapaan mereka yang telah dibina oleh Raja Sakka. Jujaka pula sudah membawa anak-anak mereka jauh dari situ. Pada waktu malam, Jujaka takut pada binatang liar. Oleh itu dia memanjat naik dan tidur di atas pokok kayu; sementara kanak-kanak itu ditinggalkannya di tanah. Pada waktu inilah dewa-dewa akan menjelma sebagai Vessantara dan Maddi, datang melepaskan Jali dan Kanha-jina daripada ikatan, memandikan mereka, memberi mereka makanan dan kemudian menidurkan mereka. Di waktu pagi, dewa-dewa itu akan meletakkan mereka di atas tanah dan keadaan mereka kembali seperti sebelumnya.

Sebenarnya Jujaka hendak pergi ke Negeri Kalinga, tetapi dewa-dewa memandunya ke kota Jetuttara, di mana raja Negeri Sivi sedang bersemayam. Pada malam itu, Sanjaya, raja Sivi bermimpi. Baginda bermimpikan seorang lelaki datang memberi dua kuntum bunga yang sedang mengembang. Baginda menggantung bunga-bunga itu di kedua-dua belah telinganya. Kemudian debunga bunga itu jatuh ke atas dada baginda. Keesokan paginya, raja bertanya kepada Brahmin-Brahmin berkenaan mimpi itu. Mereka mengatakan seorang yang berani, yang telah lama meninggalkan istana itu akan kembali.

Pagi itu Jujaka dan kedua-dua anak Vessantara masuk ke kawasan istana raja. Raja Sanjaya ternampak kanak-kanak itu, dan menyuruh orang membawa mereka menghadap baginda. Raja bertanya Jujaka, "Dari manakah kanak-kanak ini datang?" Jujaka mengatakan Vessantara telah memberi kepadanya. Orang ramai sungguh marah kerana Vessantara memberi anak-anaknya kepada orang. Kemudian kanak-kanak itu

menjelaskan kepada mereka sebab yang sebenarnya, serta mengatakan Jujaka sangat jahat orangnya. Raja Sanjana menitahkan Jujaka membebaskan Jali dan Kanha-jina. Baginda membayar seribu keping wang untuk Jali, dan seratus serba satu barang-barang seperti gajah, lembu dan lain-lainnya untuk Kanhajina. Raja juga memberi bangunan tujuh tingkat kepada Jujaka. Di sanalah dia menyimpan segala hartanya dan memakan banyak makanan yang lazat-lazat. Dengan tamak halobanya dimakannya terlalu banyak makanan, sehinggakan badannya tidak dapat menghadamkan makanan itu lagi. Dengan itu dia pun mati di situ juga. Oleh sebab tiada sanak-saudaranya di negeri itu, semua hartanya berbalik semula kepada raja.

Raja Sanjaya mengarahkan tenteranya membina jalan dari Jetuttara ke Gunung Vanka, di mana Vessantara dan Maddi sedang bertapa. Pada hari ketujuh, raja berangkat bersama-sama askar-askar, gajah-gajah dan pembesar-pembesar istana. Mereka pergi mencari Vessantara, dengan Jali sebagai pemandu jalan. Setibanya di tasik Mucalinda, mereka berhenti. Vessantara mendengar bunyi gajah dan lain-lainnya. Dia menjadi takut. Terlintas di fikirannya bahawa raja telah dibunuh oleh musuh dan sekarang mereka sedang mencarinya. Oleh itu dia pun membawa Maddi bersamanya mendaki bukit untuk memerhatikan askar-askar yang sedang mara. Mereka melihat yang datang itu adalah tentera mereka sendiri. Oleh itu Vessantara dan Maddi pun turun dari bukit itu dan duduk di hadapan pondok pertapaan mereka. Raja berkata kepada permaisuri Phusati, "Kalau kita semua pergi bersama-sama, nescaya mereka terperanjat. Jadi beta akan ke sana seorang diri dahulu. Selepas itu adinda datanglah bersama cucunda dan beberapa orang lain."

Apabila Vessantara dan Maddi ternampak raja, mereka sungguh gembira. Mereka jadi lebih gembira lagi apabila diberitahu oleh raja bahawa anak-anak mereka selamat dan berada di situ. Kemudian permaisuri Phusati pun datang bersama-sama Jali dan Kanha-jina dengan diikuti oleh yang lain-lain. Apabila Vessantara dan Maddi melihat permaisuri, mereka berlari mendapatkan baginda dan sujud di kaki baginda. Kedua kanak-kanak itu menjerit keriangannya sambil berlari mendapatkan Maddi. Pada saat itu bumi bergetar dan guruh kedengaran. Keenam-enam keluarga diraja itu serta pengikut-pengikut mereka teramat gembira sehinggakan kesemuanya pengsan dan rebah ke tanah.

Sakka, raja dewa-dewa nampak semuanya telah pengsan. Tiada seorang pun lagi yang dapat merenjiskan air untuk menyedarkan mereka. Oleh itu Sakka menurunkan hujan. Dan, yang ingin dibasahi menjadi basah, tetapi yang tidak ingin, tidak setitik pun hujan jatuh ke atas mereka. Sungguhpun begitu, air yang mengalir turun sepertilah air yang mengalir turun dari daun teratai. Setelah mereka semua sedarkan diri, mereka sungguh gembira, lain berteriak kepada Vessantara dan Maddi, "Jadilah raja dan permaisuri kami!"

Oleh hal yang demikian, Vessantara dan Maddi pun menanggalkan pakaian pertapa mereka, selepas sembilan bulan setengah menjadi pertapa. Mereka mengelilingi pondok mereka tiga kali dan menunduk memberi hormat kepadanya. Sekali lagi bumi bergetar. Kemudian pembantu-pembantu istana mengemaskini dan mendandan rambut mereka serta janggut Vessantara. Mereka mencurahkan air ke atas Vessantara untuk menjadikannya raja mereka. Mereka juga memandikan Maddi, menghiaskannya dan kemudian merenjiskan air ke atasnya. Dengan lantang mereka berkata, "Semoga Vessantara melindungimu!"

Selama satu bulan mereka mengadakan pesta di dalam hutan itu. Lepas itu mereka pulang ke istana di Jetuttara. Setibanya ke kota itu, Vessantara melepaskan semua binatang dan mencari barang-barang untuk dijadikan sedekah. Raja Sakka menjatuhkan barang-barang dari syurga bagai hari hujan. Vessantara memberi barang-barang ini kepada orang ramai. Selepas baginda mangkat, Vessantara masuk ke syurga.

ARTIKEL INI UNTUK BUKAN-MUSLIM SAHAJA